



LAPORAN TAHUNAN 2017

**HOSPITAL DUCHESS OF KENT
SANDAKAN**

ISI KANDUNGAN

Bil	Kandungan	M/Surat
1.	Perutusan Pengarah Hospital	1
2.	Carta Organisasi	2
3.	Visi	3
4.	Misi	3
5.	Objektif	3
6.	Nilai	3
7.	Piagam Pelanggan	3
8.	Latar Belakang Hospital	3
9.	Pembangunan	4
10.	Perkhidmatan & Kemudahan Hospital	4
11.	Isu Dan Cabaran Semasa	5
12.	Beban Kerja Keseluruhan Bagi HDOK Dari Tahun 2013-2017	7
13.	Beban Kerja Pesakit Luar	8
14.	Laporan Jabatan Dan Unit	
	Perkhidmatan Pembedahan	10
	Perkhidmatan Perubatan	28
	Perkhidmatan Wanita dan Kanak-kanak	51
	Perkhidmatan Sokongan Klinikal	61
	Perkhidmatan Pengurusan Klinikal	88
	Perkhidmatan Pengurusan Am	104

Perutusan Pengarah Hospital

Hospita Duchess of Kent Sandakan adalah komited untuk memberi rawatan yang selamat dan terbaik bagi warga Sandakan dan sekitarnya termasuk pesakit dari daerah Kinabatangan, Beluran dan Tongod.

Pada tahun 2017, pencapaian utama perkhidmatan adalah pengoperasian semula dewan bedah yang telah ditutup untuk naiktaraf sejak pertengahan tahun 2015. Dua buah lif di Bangunan Klinik Pakar juga yang sering mendapat aduan awam kerana tidak berfungsi telah berjaya digantikan dengan dua buah lif baru dan beroperasi sepenuhnya sejak Mei 2017.

Sandakan juga telah menjadi tuan rumah bagi Sukan SAGA ke-7 dan pasukan Kecemasan dan Trauma HDOK Sandakan dengan kerjasama pasukan dari hospital lain serta agensi berkaitan seperti St John's Ambulance, Persatuan Bulan Sabit Merah dan JPAM telah Berjaya memberi liputan perubatan bagi sukan terunggul ini.

Banyak aktiviti yang dijalankan oleh hospital sepanjang tahun 2017 termasuk latihan, aktiviti kemasyarakatan dan riadah berfokuskan kepada peningkatan kecekapan kemahiran, kemesraan dan kesihatan mental dan fizika agar dapat memberi makna kepada kehidupan kakitangan.

Syabas kepada semua kakitangan HDOK dan tahniah kepada Unit Komunikasi dan Korporat yang menghasilkan laporan tahunan HDOK 2017.



DR FRANCIS PAUL

PENGARAH

*Hospital Duchess of Kent
Sandakan*

VISI

Menjadikan Hospital Duchess of Kent Sandakan sebagai sebuah pusat perawatan berkualiti yang cemerlang dan terunggul di Pantai Timur Sabah.

MISI

Memberi kepuasan pelanggan yang menyeluruh melalui perkhidmatan yang cemerlang, berkualiti, beretika secara cekap dan professional untuk memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan.

OBJEKTIF

Memperkenalkan kualiti pengurusan pesakit melalui perkhidmatan diagnostik, rawatan, penjagaan bermutu tinggi dan pemulihan awal yang berkesan serta berterusan

NILAI

Amalan Budaya Korporat dengan elemen penyayang, profesionalisma, kerja berpasukan dengan penuh etika dan integrity.

PIAGAM PELANGGAN HOSPITAL

- Setiap pelanggan akan dilayan dengan mesra, jujur, ikhlas, dan bersopan santun.
- Setiap Pesakit akan diberi rawatan perubatan secara professional.
- Setiap Pesakit akan diberi penerangan yang jelas mengenai prosedur dan pelan yang dicadangkan termasuk risiko dan pilihan yang lain.
- Setiap pesakit akan diberi jaminan bahawa kehormatannya akan dipelihara semasa menerima rawatan. Rahsia kerahsiaan pesakit akan dilindungi dan hanya boleh diberitahu dengan pihak tertentu dengan keizinannya dan tertakluk kepada undang-undang.

LATAR BELAKANG

Hospital Duchess of Kent terletak 3.2 km dari Bandar Sandakan dan dibina pada tahun 1952. Ianya merupakan hospital moden yang pertama di Sabah dengan kapasiti 400 buah katil dan dikategorikan sebagai hospital pakar major. Hospital Duchess of Kent dinamakan sempena nama Princess Marina Duchess of Kent.

Kawasan liputan perkhidmatan hospital adalah sangat luar termasuk daerah Sandakan, Beluran, Kinabatangan dan Tongod iaitu seluas 26,638 km persegi dengan polulasi penduduk seramai 780,000 orang yang terdiri daripada pelbagai kaum dan kenegaraan dan latar belakang.

Hospital ini telah mencapai pelbagai kejayaan seperti pencapaian pensijilan EKSA, MSISO, BFHI, BeSS, GMP dan hospital pertama di Sabah yang mendapat pengiktirafan "Painfree Hospital". Hospital ini juga mempunyai perkhidmatan Traditional & Perubatan Komplimentari dengan menawarkan perkhidmatan akupunktur, urutan traditional dan urutan pos-natal.

PEMBANGUNAN

Bangunan asal hospital dibina pada tahun 1952 dengan kapasiti wad, pejabat dan klinik pesakit luar. Dengan pertambahan penduduk dan peningkatan perkhidmatan perubatan, bangunan maternity telah dibina pada tahun 1980, bangunan Klinik Pakar 1999 dan Bangunan 3-6 Tingkat pada tahun 2007. Bangunan hemodialisis juga dibina di tapak yang baru dengan kapasiti 25 mesin pada tahun 2012.

PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN HOSPITAL

Perkhidmatan Klinikal

- Perubatan Am
- Pembedahan Am
- Pediatrik
- Obstetrik & ginekologi
- Ortopedik
- Psikiatri
- Trauma dan Kecemasan
- Oftalmologi
- Otorinolaringologi
- Bedah Mulut dan Maksilofasial
- Pengimejan dan Diagnostik
- Patologi
- Anestesiologi dan Rawatan Rapi

Perkhidmatan Sokongan Klinikal.

- Farmasi dan Bekalan
- CSSD
- Sajian dan Dietetik
- Forensik
- Rekod Perubatan
- Pemulihan Carakerja
- Fisioterapi
- Promosi Kesihatan
- Perubatan Traditional dan Komplimentari

- Sosial Perubatan
- Kejururawatan
- Psikologi Kaunseling
- Pengurusan Kualiti
- Clinical Research

Pengurusan

- Pentadbiran
- Sumber Manusia
- Kewangan dan Akaun
- Perolehan
- Pembangunan dan Aset
- Teknologi Maklumat
- Perhubungan Awam
- Kejuruteraan dan Penswastaan

ISU DAN CABARAN

Hospital ini mengalami kesesakan ruang terutamanya wad perubatan, wad pediatrik, klinik mata dan ENT serta Jabatan Rekod Perubatan. Walaupun BOR keseluruhan hospital hanya 62%, namun taburan penggunaan katil tidak seimbang. Pada penghujung tahun 2016, pengagihan semula penggunaan katil telah dibuat bagi pelaksanaan tahun 2017. Ini termasuk mengamalkan perkongsian katil di wad yang rendah BOR dan penambahan katil bagi disiplin yang tinggi BOR. Ini telah mewujudkan 389 katil operasi dan mengekalkan 400 katil rasmi

Bagi Rekod Perubatan, beberapa lokasi telah diwujudkan untuk mengurangkan kesesakan di Bilik Rekod Utama. Ini termasuk penambahan kabin dan penggunaan sementara bangunan hemodialisis lama. Ini menyebabkan risiko kehilangan rekod pesakit lebih tinggi. Untuk mengatasi masalah ini, Sistem Pendaftaran Fail Pesakit telah dibangunkan oleh ICT dan Rekod Perubatan yang memantau pergerakan dan penyimpanan fail pesakit.

Dewan Bedah Utama juga gagal beroperasi sepanjang tahun 2016 disebabkan oleh kerja-kerja naiktaraf *system ducting* penghawa dingin yang tidak dapat disiapkan. Dewan Bedah Lama di Bangunan Lamadan di Jabatan Kecemasan dibuka semula untuk kes-kes pembedahan. Sasaran adalah pembukaan semula Dewan Bedah Utama pada tahun 2017.

Antara masalah besar pada tahun 2016 adalah kerosakan pada dua buah lif di Bangunan Klinik Pakar yang tidak dapat dilaksanakan. Ini mengundang banyak aduan awam kerana terpaksa menggunakan tangga untuk mendapatkan rawatan terutamanya bagi pesakit yang mempunyai masalah berjalan seperti warga tua, OKU dan masalah kesihatan lain.

LAPORAN TAHUNAN 2017

Tahun 2017 menyelesaikan dua isu utama hospital iaitu pembukaan semula dewan bedah pada bulan Jun 2017 selepas terhenti operasi selama 2 tahun. Dua buah lif di Bangunan Klinik Pakar juga telah digantikan dengan lif baru pada bulan Mei 2017 dan beroperasi sepenuhnya.

Dari segi pensijilan, tidak banyak pensijilan baru pada tahun 2017. Baby friendly telah mendapat kelulusan pensijilan dari tahun 26 Julai 2017 sehingga 25 Julai 2020 dan EKSA dari 1 September 2017 hingga 25 Julai 2020. Pensijilan lain seperti MSISO, BESS dan Painfree Hospital masih sah.


Secara keseluruhan tahun 2017 adalah satu tahun yang melihatkan kembalinya perkhidmatan sepenuhnya bagi HDOK Sandakan.

**BEBAN KERJA KESELURUHAN
BAGI HDOK**


TAHUN 2013 - 2017

BEBAN KERJA PESAKIT LUAR


Pesakit Luar merangkumi perkhidmatan Klinik Pakar dan Rawatan Kecemasan dan Trauma.




Klinik Pakar HDOK terdiri daripada disiplin yang terdapat di HDOK termasuk, perubatan am, pembedahan am, ortopedik, pediatric, perbidanan dan sakit puan dan lain-lain lagi. Graf di atas menunjukkan peningkatan dalam kehadiran pesakit di klinik pakar. Ini disebabkan oleh peningkatan bilangan pakar dan juga pegawai perubatan yang dapat melihat pesakit di klinik.



Klinik Lawatan Pakar termasuk pelbagai subkeparan dari hospital tertiary seperti dari Hospital Queen Elizabeth, HKL, Hospital Ampang, Hospital Selayang dan HWKKS. Graf menunjukkan peningkatan dalam bilangan pesakit yang dilihat oleh lawatan pakar. Ini disebabkan bilangan lawatan subkepakaran telah meningkat dan mendapat sokongan sumber manusia daripada HDOK Sandakan.



Kadar penggunaan katil juga telah meningkat dari tahun 2013 sehingga tahun 2017. Ini disebabkan oleh peningkatan kes denggi bermula pada penghujung tahun 2016 sehingga tahun 2017 terutamanya bagi jabatan perubatan am dan pediatric.



Kadar kematian ibu menunjukkan peningkatan. Kita bimbang dengan penguatkuasaan Akta Fi 1971 bermula tahun 2015, warga asing perlu membayar bil 100% tanpa subsidi kerajaan. Ini telah menyebabkan pesakit warga asing yang menyumbang kepada kadar kematian telah meningkat kerana keengganan mendapatkan rawatan awal kecuali tenat.

Tren yang sama dapat dilihat bagi kadar kematian kanak-kanak di bawah 5 tahun di mana ada sedikit peningkatan dalam 5 tahun. Antara sebab utama adalah kematian *Fresh and Macerated Still birth* bagi warga asing yang tidak mendapatkan rawatan *antenatal* disebabkan oleh fi yang tinggi. Kematian *Crude Death Rate* bagi hospital menunjukkan penurunan. Kadar ini perlu dipantau samada tren yang sama akan berterusan.

PERKHIDMATAN PEMBEDAHAN

JABATAN ORTOPEDIK

JABATAN OTORINOLARINGOLOGI (ENT)

JABATAN OFTALMOLOGI

JABATAN BEDAH MULUT DAN MAKSILOFASIAL

JABATAN ORTOPEDIK

1.0 PENGENALAN

Jabatan Ortopedik Hospital Duchess of Kent Sandakan. merupakan tulang belakang bagi perkhidmatan perubatan trauma dan rawatan kepatahan, di pantai timur Sabah, yang meliputi kawasan Sandakan, Kinabatangan dan Beluran.

Jabatan ini mengendalikan kes-kes baru di wad dan rawatan susulan di klinik, disamping menerima kes-kes rujukan daripada jabatan lain di HDOK, pengamal perubatan umum dan rujukan daripada hospital dan klinik luar daerah.

2.0 PERJAWATAN

Jawatan	Gred	Jumlah
Pakar Ortopedik	UD 53 / 52	2
Pegawai Perubatan	UD 48	1
Pegawai Perubatan	UD 44	10
Pen. Pegawai Perubatan	U 36	2
Pen. Pegawai Perubatan	U 32	0
Pen. Pegawai Perubatan	U 29	2

Jadual 1: Maklumat perjawatan

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

1. Jabatan Pesakit Luar (OOPD)

- Klinik Ortopedik Umum – Memberi rawatan susulan bagi kes - kes discaj dari wad
- Menerima kes – kes rujukan daripada Jabatan Kecemasan, Jabatan Pesakit Luar, Pengamal Perubatan Swasta
- Menerima kes – kes rujukan daripada Hospital sekitar Pantai Timur Sabah, Hospital Lahad Datu, Hospital Beluran dan Klinik Kesihatan Telupid.
- Memberi perkhidmatan Klinik seperti – Plaster Of Paris (POP) splinting, bandaging, wound derssing, removal of K' wire, removal of External fixator.

Jadual Perkhidmatan Klinik Ortopedik

- 8 AM – 1PM, Menerima dan merawat pesakit, rujukan, Lawatan Pakar dari hospital lain.
- Rawatan perkhidmatan diberi oleh pakar Ortopedik, Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Siswazah dibawa penyeliaan pakar.

2. Pesakit Dalam

Melakukan rondaan wad – Minor setiap hari Grand round – dilakukan pada hari Selasa (Rondaan Pra Pembedahan), Rabu dan Jumaat (Rondaan Selepas Pembedahan).

Masa melawat di wad:

Tengahari	12.30 PM – 2.00 PM
Petang	4.30 PM – 7.30 PM
HKA/cuti umum	2.00 PM – 7.30 PM

- Memberi rawatan secara keseluruhan / holistik
- Memberi rawatan yang spesifik. Contoh: Internal fixation
- Menerima rujukan dan memberi rawatan kepada pesakit daripada Jabatan lain / disiplin.
- Melakukan minor prosedur dalam wad. Contoh:
 - Wound care
 - Wound debriement
 - CMR
 - Disloughing
 - Skull Tong
- Merujuk kes – kes tertentu / disiplin yang berkenaan.
- Memberi perkhidmatan
 - Rehabilitasi
 - Fisioterapi
 - Occupational Theraphy
 - Kaunselling / Social Welfare
 - Nasihat pemakanan (Rujukan Dietition)

3. Dewan Bedah

Prosedur pembedahan dilakukan:

- Internal fixation of fractures dan dislocation
- External fixation of fractures
- Surgical management of soft tissue injuries
- Surgical management of traumatic injury to hand / digits
- Joint replacement (Hip & Knee)
- Spinal surgery
- Hand surgery
- Limb lengthening

- Wound care
- Pain management
- Diabetic foot care
- Spinal care

Jadual Pembedahan

Jenis	Masa
Pembedahan Kecemasan	24 Jam
Hari Pembedahan	Isnin (8 – 5 PM) Rabu (8 – 5 PM) Jumaat (9 - 5 PM)

Laporan perubatan

Berkerjasama dengan Jabatan Rekod dan Dokumentasi bagi menyediakan laporan perubatan bagi pesakit – pesakit berkaitan masalah Ortopedik.

PERKESO

Berkerjasama dengan pihak PERKESO untuk membuat penilaian tuntutan bayaran faedah kemalangan pesakit.

Latihan

1. Menerima Pelatih Pegawai Perubatan Siswazah, Kolej Sains Kesihatan Bersekutu KKM dan Kolej – kolej Swasta menjalankan latihan amali di Jabatan Ortopedik.
2. Menerima penempatan klinikal pelatih Perawatan pos Basik Ortopedik KKM dan dari Hospital-hospital swasta bekerjasama dengan Kolej Kejururawatan Sandakan.

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

1. Workshop Arthroscopy 2017

Jabatan Ortopedik telah menganjurkan workshop tersebut yang diadakan di Hotel Pavilion dengan kerja sama Jabatan Ortopedik Hospital Queen. Objektif bengkel ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan peserta tentang cara melakukan dan pengendalian peralatan digunakan dalam prosidur tersebut. Kursus ini telah dirasmikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri, Dato Dr Crhistina Rundi

6.0 PENCAPAIAN

1. Wad

Perkara	Bil
Jumlah kes ortopedik masuk wad	1,018
Jumlah discaj Setahun	1,095
Kadar penggunaan Katil (%)	65.31%
Purata Jangkamasa tinggal	5.63 hari
Jumlah kematian	12



Jadual 1: Jumlah Bancian Bulanan Pesakit Dalam 2017

2. Dewan Bedah Ortopedik

Jenis	Kes
Pembedahan Elektif	561
Pembedahan Kecemasan	2,555
Jumlah	3,116



Jadual 2: Laporan Bancian Bulanan Pembedahan yang dilakukan oleh Jabatan Ortopedik 2017

3. Klinik Pakar Ortopedik

Jenis	Jumlah
Pesakit Baru	1,763
Pesakit ulangan	13,337
Jumlah	15,133



8.0 PENUTUPAN

Secara umumnya pencapaian jabatan pada tahun 2017 adalah baik dan pencapaian ini telah didapati ditunjukkan dengan proses penyampaian perkhidmatan dan aktiviti yang telah dijalankan oleh jabatan ini.

JABATAN OTORINOLARINGOLOGI

1.0 PENGENALAN

Jabatan Otorinolaringologi merupakan salah satu komponen perkhidmatan pakar yang disediakan di Hospital Duchess Of Kent Sandakan. Perkhidmatan Pakar Otorinolaringologi di HDOK Sandakan dimulakan pada tahun 1990 yang dikendalikan oleh seorang doktor pakar dari negara Myanmar, iaitu Dr. Win Tin. Pada masa tersebut beliau hanya dibantu oleh seorang Penolong Jururawat Terlatih.

Jabatan ini menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti rawatan pesakit luar, rawatan pesakit dalam, pelbagai pembedahan elektif dan kecemasan. Untuk Pesakit Dalam, Jabatan ini diperuntukkan 8 buah (6 katil di ENT/ EYE Ward dan 2 buah katil di MOW dan FSW).

2.0 OBJEKTIF

- Memberi perkhidmatan Otorinolaringologi yang sesuai dan berkualiti.
- Meningkatkan taraf kesihatan dan kesedaran terhadap penjagaan telinga, hidung dan tekak di kalangan masyarakat.

Visi

Jabatan Otorinolaringologi Hospital Duchess of Kent, Sandakan akan menjadi Pusat Perkhidmatan Pakar yang berkualiti dan komprehensif di Pantai Timur Sabah yang dikendalikan oleh anggota yang profesional, cekap dan terlatih.

Misi

- Jabatan Otorinolaringologi Hospital Duchess of Kent, Sandakan akan menjadi Pusat Rujukan dan Pembelajaran di Pantai Timur Sabah.
- Memberikan pelbagai jenis perkhidmatan merangkumi pesakit dalam dan pesakit luar Klinik Pakar, Kecemasan dan masalah pendengaran dengan penekanan terhadap pencegahan, penyembuhan dan pemulihan.
- Menyediakan anggota yang terlatih, cekap dan berdedikasi melalui pendidikan berterusan.
-

3.0 PERJAWATAN

Pada masa kini (SEHINGGA DISEMBER 2017) jabatan ini terletak di Aras 3, Bangunan Klinik Pakar HDOK Sandakan dan mempunyai anggota seramai 17 orang seperti berikut:

Jawatan	bilangan
Ketua Jabatan & Pakar ENT UD52	1
Pakar ENT UD52	1
Pegawai Perubatan UD48	1
Pegawai Perubatan UD44	5
Peg. Pemulihan Pendengaran U41	2
Peg. Pemulihan Pertuturan U41	1
Penolong Pegawai Perubatan U32	1
Penolong Pegawai Perubatan U29	1
Jururawat Terlatih U29	4
Jururawat Masyarakat U19	2
Pembantu Perawatan Kesihatan U11	1

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

- Menyediakan rawatan pesakit luar di klinik pakar.
- Menyediakan rawatan pesakit dalam.
- Memeriksa dan merawat kes-kes rujukan baru.
- Menyediakan rawatan bagi semua kes kecemasan yang melibatkan masalah telinga, hidung & tekak.
- Menyediakan pemeriksaan/ujian pendengaran termasuk dan rehabilitasi oleh Pegawai Audiologi.
- Menyediakan perkhidmatan terapi pertuturan oleh Pegawai Pemulihan Pertuturan.
- Menyediakan rawatan konsultasi dan menyelaraskan perkhidmatan Otorinolaringologi.
- Menyediakan perkhidmatan pembedahan ke atas kes-kes elektif dan kecemasan yang memerlukan pembedahan.
- Menyediakan perkhidmatan rawatan harian kepada pesakit yang memerlukan seperti:
 - Penukaran tiub Trakeostomi.
 - Penyucian luka (dressing).
 - Suture to open.
 - Incision & drainage.
 - Pengeluaran benda asing dari telinga, hidung & tekak.
- Nasopharyngeal Biopsy.
- Oropharyngeal Biopsy.
- FNAC.
- Memberi pendidikan kesihatan kepada pesakit.

LAPORAN TAHUNAN 2017

- Menjalankan perkhidmatan rawatan Pakar Otorinolaringologi atas lawatan ke hospital-hospital daerah sekitar Sandakan.
- Perkhidmatan pemeriksaan kesihatan - pendengaran (Medical Check-Up).
- Perkhidmatan pemeriksaan kesihatan – pendengaran & pertuturan (Kebajikan/ OKU).
- Penyediaan Laporan Perubatan.
- Menyediakan perkhidmatan latihan kepada Pelatih Paramedik.

5.0 PENCAPAIAN

Statistik Klinil ENT, Audio & Pertuturan Tahun 2017

PESAKIT LUAR		JUMLAH
ENT	BARU	1895
	ULANGAN	7148
AUDIO	BARU	1416
	ULANGAN	1467
PERTUTURAN	BARU	352
	ULANGAN	636
JUMLAH PESAKIT	BARU	3663
	ULANGAN	9251
JUMLAH KESELURUHAN		12914
PEMBEDAHAN ORL		JUMLAH PESAKIT
ELEKTIF		30
KECEMASAN		211
LOCUM		92
TOTAL		333

Statistik Pesakit Dalam Tahun 2017

BIL	PETUNJUK	TOTAL
1	Bilangan Kemasukan	439
2	Purata Harian Bilangan Kemasukan	1.20
3	Bilangan Keluar Hospital	440
4	Bil. Kematian	4
5	Kadar Penggunaan Katil (BOR)	53.38
7	Bilangan Katil	8
8	Pindah Ke Hospital Lain	0
9	Pindah Masuk Dari Hospital Lain	0
10	AOR	6

Program Khusus Untuk ORL

Program	Jumlah
Hearig screening (Universal / High Risk)	327
Pesakit Menjalani Ujian "Sleep Study-PSG"	37

Bilangan Kes Baru menjalani ujian "CPAP Machine"	9
Bilangan Kes Baru "Hearing Aid"	120

6.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

Enlightening The Future Of Hearing Impaired Children 11/3/2017

Program ini diadakan bersempena dengan 'Hari Pendengaran Dunia 2017' WHO. Acara ini bertujuan untuk mendidik pesakit, ibu bapa, guru, pekerja penjagaan kesihatan dan kumpulan sokongan yang berurusan dengan kanak-kanak yang cacat pendengaran, untuk memaklumkan dan membincangkan pelbagai peluang pendidikan dan laluan kerjaya yang disediakan untuk kanak-kanak istimewa ini. Kami menjemput panel penceramah dari institusi pendidikan, pekerja sosial, jabatan kerajaan dan NGO termasuk Persatuan Orang Kurang Upaya Sabah (SSD). Selain itu terdapat juga persembahan oleh anak-anak istimewa dari SK Sg Anib 3 dan SSD.



Gambar bersama para peserta program



Forum yang dijalankan bersama para panel

Tracheostomy Care Workshop 2017 Sandakan – 18/5/2017

Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam

menangani pesakit-pesakit ENT yang menggunakan tiub Trakeostomi, meningkatkan kesedaran tentang penjagaan tiub Trakeostomi dan menangani masalah kes-kes kecemasan yang melibatkan tiub Trakeostomi. Seramai 40 orang peserta (Pegawai Perubatan dan paramedic) telah mengikuti kursus telah mengikuti bengkel ini melibatkan staf dari dalam hospital dan juga staf luar daripada hospital. Antara aktiviti yang dijalankan selain daripada ceramah bengkel adalah aktiviti "hands-on" dan VIVA agar semua peserta dapat mencapai matlamat bengkel yang diadakan pada hari tersebut.



Sesi pembentangan yang dijalankan



Sesi hands-on yang dijalankan



Sesi penerangan peralatan-peralatan

Pemeriksaan ENT Dalam Program Pemeriksaan Sakit Puan Anjuran Bersama Persatuan Wanita Cina Sandakan Pada 6/5/2017 Dan 20/5/2017

Pada tanggal 6/5/2017 dan 20/5/2017 Jabatan ENT telah mendapat jemputan daripada Persatuan Wanita Cina Sandakan untuk menjalankan Pemeriksaan ENT dalam program anjuran mereka iaitu Program Pemeriksaan Sakit Puan. Program ini diadakan di Borneo Cove Hotel Sandakan dan Dewan Sekolah Rendah Chi Wah Sandakan yang melibatkan hampir 500 orang pengunjung. Jabatan ENT telah melakukan pemeriksaan percuma telinga, hidung dan tekak serta pemeriksaan pendengaran kepada hampir 300 orang wanita sepanjang dua hari program tersebut diadakan.



Program yang dijalankan pada 06/05/2017



Program pada 20/05/2017

Program Sambutan Tertutup Dan Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2017 Jabatan ENT HDOK Sandakan 5/7/2017

Pada 5/7/2017 Jabatan ENT telah mengadakan Majlis Sambutan Tertutup Dan Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2017 yang dihadiri oleh semua staf Jabatan ENT dan wad ENT/ EYE HDOK

Sandakan. Disamping menjamu selera, aktiviti lain yang diadakan pada hari tersebut adalah cabutan tiket bertuah, karaoke dan penyampaian duit raya oleh Ketua Jabatan ENT, Dr. Adzreil Mohd Bakri kepada anak-anak staf.



TransBorneo Ent Updates 2017 “Nurturing The Evolvment Of ENT” (14 - 15 Septer 2017)

Pada tahun ini, Jabatan ENT Hospital Duchess of Kent Sandakan telah dipilih untuk menganjurkan acara ini yang melibatkan Pakar-pakar Perubatan, Pegawai Perubatan (MO), Penolong Pegawai Perubatan (AMO), Jururawat yang bertugas di Jabatan ENT dan ia juga terbuka kepada semua anggota hospital kerajaan di Sabah dan Sarawak.

la bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mendiagnosis dan menguruskan kes Telinga, Hidung dan Tekak, selain sebagai platform untuk semua Pakar ORL untuk berkongsi dan bertukar idea dan pengetahuan mereka dalam mempromosikan pembangunan diri yang berterusan dalam bidang kepakaran masing-masing.



Excursion To Kinabatangan River, Night Walk In Bilit & Visit To Sepilok Orangutan Rehab Centre (15-16 September 2017).

Program ini adalah kesinambungan dan sebahagian daripada aktiviti riadah dalam program **Transborneo ENT Updates 2017** yang dianjurkan oleh Jabatan ENT HDOK Sandakan. Seramai 20 orang peserta telah mengikuti aktiviti riadah ini. Aktiviti-aktiviti yang diadakan ialah:

1. Melihat keindahan flora dan fauna di sepanjang Sungai Kinabatangan dengan menaiki bot.
2. Aktiviti “night walk” di kawasan hutan Bilit.
3. Lawatan ke Pusat Pemulihan Orangutan Sepilok.



Pemeriksaan Telinga & Saringan Pendengaran Sempena Kem Diabetes 2017 (14 Oktober 2017)

Pada 14/10/2017 yang lepas, Jabatan ENT telah mendapat jemputan daripada Klinik Kesihatan Sandakan untuk menjalankan Pemeriksaan telinga dan ujian saringan pendengaran dalam program Kem Diabetes 2017 anjuran mereka sempena Hari Diabetes Sedunia.

Program ini diadakan di Jabatan Pesakit Luar, Klinik Kesihatan Sandakan yang melibatkan hampir 200 orang pengunjung. Jabatan ENT telah melakukan pemeriksaan telinga serta pemeriksaan pendengaran kepada hampir 50 orang pengunjung yang hadir dalam program tersebut.



8.0 PENUTUPAN

Secara umumnya pencapaian jabatan pada tahun 2017 adalah baik dan pencapaian ini telah didapat ditunjukkan dengan proses penyampaian perkhidmatan dan aktiviti yang telah dijalankan oleh jabatan ini.

JABATAN OFTALMOLOGI

1.0 PENGENALAN

Jabatan oftalmologi mula beroperasi pada tahun 1992. Perkhidmatan yang diberikan meliputi rawatan penyakit mata, pembedahan dan rawatan segera untuk kes-kes kecemasan dan susulan untuk semua penduduk disekitar kawasan Sandakan termasuk dari daerah Beluran, Kinabatangan dan Telupid. Ia juga berfungsi sebagai rujukan bagi lain-lain Unit di HDOK, Klinik Kesihatan dan Klinik Swasta.

2.0 OBJEKTIF

1. Menentukan pemberian dan pelaksanaan, penyampaian atau pencegahan serta informasi taraf kesihatan.
2. Menyampaikan maklumat kepada pesakit dengan jelas, cekap, tidak membebankan dan berkesan.
3. Bahagian Pesakit Luar:
Mengendalikan perkhidmatan pemeriksaan mata, penentuan penyakit, rawatan khusus dan pemulihan serta maklumat tentang penjagaan penyakit, kecederaan mata yang berkesan, mudah difahami serta tidak membebankan para pesakit yang datang supaya mereka cepat sembuh seperti sediakala.

3.0 PERJAWATAN

1.	Pakar Oftalmologi	UD54	1
2.	Pakar Oftalmologi	UD52	1
3.	Pegawai Perubatan	UD44	4
4.	Pegawai Optometri	U48	1
5.	Pegawai Optometri	U41	2
6.	Ketua Jururawat	U32	1
7.	Penolong Pegawai Perubatan	U32	1
8.	Penolong Pegawai Perubatan	U29	2
9.	Jururawat Terlatih	U29	6
10.	Jururawat Masyarakat	U19	2
11.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U12	1

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

- Memberi rawatan kepada pesakit dalaman dan luaran
- Memberikan rawatan kecemasan pada setiap masa (24 jam)
- Melakukan pembedahan mata rawatan harian
- Melakukan pembedahan major dan minor kecuali corneal transplant, vitrectomy, squint surgery, dan retinal detachment.
- Melakukan rawatan Laser (Argon / Yag)
- Mengadakan klinik kanak-kanak termasuk ROP screening
- Melakukan pemeriksaan perubatan keatas pemohon yang dirujuk oleh pihak-pihak yang berkenaan.
- Membuat Rawatan Kepakaran mata di hospital Beluran, Kinabatangan dan Lahad-Datu
- Menganjurkan kursus mata, CME, kem kesihatan dan bengkel secara berterusan sebagai pusat pembelajaran memberi latihan kepada pelatih-pelatih Kolej Kejururawatan Sandakan dan Kolej Kejururawatan Swasta.
- Jadual Rawatan adalah seperti berikut:

HARI/MASA	8.00am -1.00pm	1.00pm - 2.00pm	2.00pm - 5.00pm
Isnin	Temujanji/ Baru & Ulangan		Temujanji Baru & Ulangan kecemasan
Selasa	Temujanji Baru, Ulangan, Rop Screening	Preop Assesment	Temujanji Baru & Ulangan kecemasan
Rabu	Temujanji/ Baru & Ulangan /Pembedahan mata Elektif di Dewan Bedah	Pembedahan mata Elektif di dewan bedah	Temujanji /Baru & Ulangan/ Pembedahan mata Elektif di dewan Bedah
Khamis	Temujanji/ Baru & Ulangan/ kecemasan/ post op		Temujanji / Baru & Ulangan Post Op
Jumaat	Prosedur minor / Temujanji Baru /Kecemasan, Ropscreening di wad rawatan bayi		Temujanji baru / ulangan / kecemasan
Sabtu minggu 1dan ke3	1.00-6.00 Pembedahan mata elektif di dewan bedah		

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

CME Ophthalmology Department HDOK 2017

Date	Topic	Presenter
6/1/17	Primary eye screening in Tb Patients	Ma.Marziney
20/1/17	Manifestation and treatment of Ocular Tb	Dr.Viona Lai
17/2/17	VKH	Dr. Nazrin
24/2/17	Cornea transparency	Dr.Hikmi
31/3/17	Nursing care in chemical eye injury	Kj.Sasni
21/4/17	Principle of FFA and ICG	Dr.Viona
28/4/17	Structural and fungsi changes in Glaucoma	Dr.Nazrin
7/7/17	Preparation of Post basic in Ophthalmology	Ma Jacqueline
7/7/17	Outreach programme of Optometris	Optm.Azaliah
14/7/17	Laser in Ophthalmology	Dr.Viona Lai
14/7/17	Factors Affecting IOP changes	Dr.Hikmi
4/8/17	Crystalline Lens	Dr.Sharmini
4/8/17	Biometry and Iol Calculation	Optom.Crestiani
25/8/17	Cataract	Dr.Hikmi
25/8/17	Preparation of cataract operation Clinic	Jt.Zahanim
22/9/17	Subluxated and dislocation lens	Dr.Viona Lai
20/10/17	Experience in Medical camp	Ma.Linjabat
20/10/17	Cataract and Glaucoma Surgical instrument	Kj.Nursiah
27/10/17	Optic Neuritis	Dr.Sharmini
17/11/17	Lacrimal abd Drainage System	Dr.Loh
24/11/17	Disinfectant and Sterilization	Jt.Fatimah
24/11/17	Management Skill in Nursing Unit	Jt.Jelsie

Program-Program Anjuran Jabatan

1. Saringan Pemeriksaan Mata Untuk Penyakit Glaukoma Secara Percuma Kepada Orang Awam, Pada 13.03.2019 - 47 Orang.
2. Program Kesedaran Awam Mengenai Penyakit Mata Glaukoma Sempena Hari Glaukoma Sedunia Anjuran Jabatan Oftalmologi, Hospital DUCHESS OF KENT SANDAKAN, Pada 12.03.2019, Harbour Mall Sandakan.
3. Program Kesedaran Pemakaian Kanta Lepak Yang Betul dan Selamat, pada 07.04.2017 di Dewan Selingan HDOK.

4. Diabetic Retinopathy Course Anjuran Jabatan Oftalmologi HDOK, Sandakan, Bilik Mesyuarat Utama, HDOK, Pada 05 Mei 2017.
5. Program Pemeriksaan Mata Sempena Program Pemeriksaan Sakit Puan, Pada 06.05.2019 Di Hotel Borneo Cove, Sandakan.
6. Program Pemeriksaan Mata Orang Utan.
7. Pemeriksaan Saringan Penglihatan Percuma Untuk Orang Awam Pada 02.07.2017 Di Dewan Yu Yuan Sandakan
8. Program Katarak 1M Anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia Pada 27.07.2019-30.07.2017 Di Dewan Bedah Hospital Lahad Datu
9. Program Saringan Penglihatan Untuk Orang Awam Sempena Kempen Kesedaran Kanser Kolorektal ,2017 Sandakan Pada 10.09.2017 Di Dewan Srk Chi Hwa.
10. Program Lion's Club Eye Camp In Conjunction Of World Sight Day 2017 Pada 02.10.2017 Di Dewan Bedah Hdok Sandakan.
11. Program "Cataract Finder" Aktiviti Ini Kerjasama Bersama Program Katarak 1 Malaysia (Kk1m) Pada 06.10.2017 Di Bilik Mesyuarat Utama, Hdok Sandakan.
12. Karnival Katarak 1Malaysia (KK1M) 2017bersama Lion's Club Dan Hospital Lahad Datu, Sabah. Pada 10.11.2017-11.11.2017 Di Dewan Bedah Hospital Lahad Datu.



Barisan Doktor Mata dan Paramedik yang menjayakan program



Pemeriksaan Mata untuk Orang Utan di Sepilok Sandakan



Saringan mata untuk orang ramai di Dewan Yu Yuan Sandakan



Program Kesedaran Pemakaian Kanta Lekap Yang Betul dan Selamat

JABATAN BEDAH MULUT & MAKSILOFASIAL

1.0 PENGENALAN

Jabatan ini mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Julai, tahun 2012. Memberi perkhidmatan pembedahan mulut kepada semua penduduk termasuk dewasa dan kanak-kanak di sekitar Daerah Sandakan dan kawasan berhampiran. Menjadi pusat rujukan kepada Pegawai Pergigian, Pegawai Perubatan, Pegawai Kesihatan, Pakar Orthodontik Kerajaan mahupun Klinik-klinik Swasta serta Jabatan Kecemasan hospital-hospital daerah dan kawasan berhampiran.

2.0 OBJEKTIF

Meningkatkan taraf kesihatan rakyat Sabah melalui perkhidmatan kesihatan. Pengendalian pencegahan, perawatan dan pemulihan dengan memberi penekanan golongan yang tidak bernasib baik supaya kesihatan mereka akan memenuhi kehendak pembangunan ekonomi. Perhatian adalah diberi bagi mewujudkan perpaduan negeri.

Visi

Menjadi Pusat Kecemerlangan di pantai Timur Sabah yang menyediakan perkhidmatan Kepakaran Bedah Mulut yang berkualiti dan komprehensif, latihan dan penyelidikan, melalui anggota pasukan yang professional, cekap dan penyayang dengan menekankan maruah insan.

Misi

Jabatan ini berhasrat untuk menjadi Pusat Rujukan Kepakaran Bedah Mulut Pantai Timur Negeri Sabah yang cemerlang melalui:

1. Pewujudan perkhidmatan merangkumi perkhidmatan pesakit dalam dan luar, pesakit klinik pakar, kecemasan dengan penekanan terhadap maruah insan.
2. Perkhidmatan penggalakan, pencegahan, penyembuhan, pemulihan dan paliatif.

3.0 PERJAWATAN

Pada bulan Jun tahun 2012 seorang Pakar Bedah Mulut telah ditempatkan secara tetap di Klinik Pakar Pergigian, dan beroperasi sepenuhnya pada bulan Julai Jabatan Bedah Mulut mula

bergiat aktif menerima pesakit yang dirujuk untuk kes-kes trauma (kecederaan mulut), Maksilofasial, pembedahan kecil mulut dan lain-lain kes.

Sehingga kini, Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial mempunyai dua belas anggota iaitu seorang Pakar Bedah Mulut, dua orang Pegawai Pergigian, seorang Ketua Jururawat Pergigian dan dua orang Jururawat Pergigian (TBK), dua orang Juruteknologi Pergigian dan empat orang Pembantu Pembedahan Pergigian.

Sejak Oktober 2012 hingga kini, Jabatan Bedah Mulut telah memberi latihan attachment kepada Pegawai Pergigian (FYDO). Pada November 2014, menerima pelatih Juruteknologi Pergigian menerima, dan pada Januari 2015, Jabatan ini juga telah menerima pelatih Pembantu Pembedahan Pergigian tahun kedua.


Statistik perjawatan Jabatan Bedah Mulut dan Maksilofasial adalah seperti berikut:

Jawatan	Bil Jawatan	Bilangan Pengisian	Catatan
Pakar Bedah Mulut UG56	1	1	
Pegawai Pergigian UG41/U44/U48	3	2	
Ketua Jururawat Pergigian U32	2	1	1 (Perjawatan dipinjam orthodontik)
Jururawat Pergigian U29/32	2	2	
Juruteknologi Pergigian U29	3	2	
Pembantu Pembedahan Pergigian U22	1	1	
Pembantu Pergigian U19	3	3	
Pembantu Tadbir N19	0	0	

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

1. Pembedahan pra-prostetik dan dentoalveolar :
 - Pembedahan persediaan untuk prosthesis mulut.
 - Pembedahan gigi terimpak
2. Trauma mulut dan maksilofasial:
 - Pembedahan kecederaan tulang rahang dan muka
3. Patologi mulut dan maksilofasial:
 - Tumor (ketumbuhan benign)
 - Keganjilan dan maksilofasial (belahan / klef bibir dan lelangit)
4. Kanser Mulut

5. Pembedahan rahang kosmetik (Pembedahan ortognatik) :
 - Membetulkan kecacatan atau ketidakseimbangan dentofasial.
6. Pembedahan sendi
7. Temporomandibular :
 - Pembetulan patologi sendi rahang
 - Rawatan ankilosis sendi rahang
8. Pembedahan penanaman implant pergigian.
9. Pembuatan prosthesis mulut dan maksilofasial
 - Rawatan pembetulan kecacatan mulut dan muka dengan menggunakan prosthesis.




Data diambil dari PER-RH 212 (HDOK)

5.0 PENCAPAIAN

Pakar Bedah Mulut memberi khidmat kauseling sebelum memberi rawatan pembedahan kepada pesakit dilakukan, Kedatangan pesakit ke Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial berdasarkan rujukan dari Pegawai Pergigian, Pegawai Perubatan, Pegawai Kesihatan dan Pakar Orthodontik Kerajaan dan klinik- klinik Swasta serta Jabatan Kecemasan hospital daerah dan kawasan Sandakan.


Bilangan kedatangan pesakit ke Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial bulan Januari hingga Disember, tahun 2017.



Data diambil dari PER-RH 212 (HDOK)


Bilangan pesakit mengikut umur yang hadir ke Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial Bulan Januari hingga Disember 2017

Bilangan kedatangan pesakit ke Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial Dari tahun 2015 hingga 2017




Data diambil dari PER-RH 212 (HDOK)

Bilangan pesakit mengikut umur yang hadir ke Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial Dari tahun 2015 hingga 2017




Data diambil dari PER-RH 212 (HDOK)

Bilangan kes patologi major dari tahun 2015 hingga 2017




Data diambil dari laporan bulanan PG209A (Pind.2/2007)




Data diambil dari 'operating list for Oral Surgery & Maksilofacial' (HDOK)BP/449

Bilangan kes gigi terimpak (Impacted) dari tahun 2015 hingga 2017




Data diambil dari laporan bulanan KPI/NIA (HDOK)/BP/Bor/BM/010

Bilangan kes trauma mengikut jenis kecederaan dari tahun 2015 hingga 2017



Data diambil dari laporan bulanan PG209A (Pind.2/2007)

Bilangan kes Dentofacial Deformity dari tahun 2015 hingga 2017



Bilangan kes dibawah bius Umum (GA) dari tahun 2015 hingga 2017

Jabatan Bedah mulut & Maksilofasial, terlibat secara aktif dengan aktiviti-aktiviti kualiti seperti berikut:

1. Key Performance Index (KPI) dan National Indicator Approach (NIA)
2. Objektif Kualiti HDOK
3. MS ISO 9001: 2015
4. 'Pain Free' HDOK
5. Aktiviti EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor awam)
6. aktiviti Eksa telah dimulakan pada awal bulan Januari tahun 2015,dan menjalani pengauditan dalaman oleh pihak Hospital Duchess Of Kent dan pensijilan semula pada 01hb-04hb Ogos, 2017,oleh MAMPU melalui Hospital Duchess Of Kent, Sandakan.
7. Keselamatan dan Pekerjaan (OSHA)
8. Menjalani pemeriksaan Ubat-ubatan oleh Farmasi

Objektif Kualiti - Komplikasi (Kecederaan saraf) selepas pembedahan mulut kecil <4%) Dari tahun 2015 hingga 2017

Tahun	Bilangan Pesakit	Bius Umum (GA)	Lokal Anestesia (LA)	Kecederaan Saraf Ada Tiada	Pencapaian
2015	98	3	95	0 98	0%
2016	99	3	96	0 99	0%
2017	92	6	86	0 92	0%

6.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

Sambutan Hari Natal dan Gong Xi Fa Cai, pada 18hb Januari 2017.

Sempena Tahun Baharu Cina, Jabatan ini telah mengadakan rumah terbuka di Aras 3, Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial, sambutan ini juga diraihkan bersama sambutan Hari Natal yang lalu. Antara tetamu yang hadir adalah Ketua Pengarah Pergigian Dr Lawrence Mah, Pengarah Hospital HDOK Dr Francis Paul, Dr Paul Chan, Timbalan Pengarah HDOK dan Pakar Pergigian Orthodontik Dr Lillybia Emily Ebin



Ucapan oleh Dr. Jeremy, Ketua Jabatan Bedah Mulut dan Maksilofasial



Upacara "Lau Sang" yang dijalankan

Kursus "Training And Calibration Workshop For Early Detection Of Oral Cancer"

Seramai lima belas (15) orang Pegawai Pergigian dari Kawasan Sandakan yang menghadiri kursus "Training And Calibration Workshop For Early Detectio Of Oral Cancer", yang diadakan pada 14hb September 2017 di Bilik Mesyuarat Gunasama, Wisma Persekutuan, Batu 7, Sandakan, Sabah.



Taklimat yang sedang disampaikan oleh Dr. Jeremy.



Sambutan Hari Deepavali, 27hb Oktober 2017

Buat julung kalinya, Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial telah mengadakan majlis sambutan Hari Deepavali untuk kakitangan pada 27hb Oktober 2017 di Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial. Objektif utama adalah untuk mengeratkan hubungan antara staff yg berbilang kaum.



Kek sambutan Hari Deepavali 2017



Kakitangan JBM menikmati juadah Deepavali



Perasmian yang disempurnakan oleh Pengarah Hospital



Sesi penyampaian taklimat

8.0 PENUTUPAN

Secara umumnya pencapaian jabatan pada tahun 2017 adalah baik dan pencapaian ini telah didapat ditunjukkan dengan proses penyampaian perkhidmatan dan aktiviti yang telah dijalankan oleh jabatan ini

Minggu Kesedaran Kanser Mulut Peringkat Hospital duchess of Kent, Sandakan.

Sempena Minggu Kesedaran Kanser Mulut pada 26hb November hingga 02hb Disember 2017, Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial telah mengadakan aktiviti seperti Ceramah, Pameran dan pemeriksaan gigi percuma serta membuat saringan Kanser Mulut, selain daripada itu Jabatan ini juga telah mengadakan majlis pelancaran sempena Minggu Kesedaran Kanser Mulut Peringkat Hospital Duchess Of Kent, Sandakan, pada 24hb November 2017 yang dilancarkan Oleh Pengarah Hospital Duchess Of Kent, Sandakan, Dr Francis Paul, yang diadakan di Dewan Selingan, Aras 1. Aktiviti pameran turut diadakan pada hari tersebut.

LAPORAN TAHUNAN 2017

NO	TYPE	INDICATOR	STANDARD	NUMERATOR/ DENOMINATOR	ACHIEVEMENT					
					2015		2016		2017	
1	KPI	Waiting time at Oral Surgery Clinic	> 90% of the patients are seen within ninety (90) minutes	N: No of pts seen by doctor within 90 mins of registration time	1717	100%	1882	100%	2170	100%
				D: Total number of pts seen during that period of time	1717		1882		2170	
2	KPI	Completion of medical report within 14 days	> 95% of medical report completed within 14 days	N: No of reports dispatched within stipulated time	169	100%	130	100%	176	100%
				D: Total no of medical report requested	169		130		176	
3	KPI	Cancellation rate of elective operation under GA	<10% of total number of listed cases being cancelled	N: No of listed cases submitted that are cancelled	0	0%	0	0%	1	1.7%
				D: Total no of cases listed for elective surgery under GA	29		43		58	
4	KPI	The rate of postoperative infection following surgical removal of impacted tooth	<5% of patients developing infections	N: Number of patients developing post-operative infection.	0	0%	0	0%	0	0%
				D: Total number of surgical removal of impacted tooth performed	106		109		102	
5	NIA	Occlusal derangement following open reduction & internal fixation of isolated mandibular fracture	<5% of patient presented with occlusal derangement after fixation of isolated mandibular fracture.	N: No occlusal derangement cases	0	0%	0	0%	0	0%
				D: No of ORIF cases of isolated mandibular fracture	1		1		1	
6	NIA	Complications following minor oral surgery procedure	<4% of patients developed nerve injury after surgical removal of impacted third molar	N: No of patients developing complications	0	0	0	0%	0	0%
				D: Total no minor oral surgery procedures	98		99		92	

PERKHIDMATAN PERUBATAN

**JABATAN PERUBATAN AM
UNIT HAEMODIALISIS
UNIT PUSAT JAGAAN HARIAN
UNIT JAGAAN PALIATIF
UNIT KARDIOLOGI
UNIT NEUROFISIOLOGI
UNIT ENDOSKOPI**

KLINIK PAKAR PERUBATAN DAN PEDIATRIK (MOPD), WAD PERUBATAN

1.0 PENGENALAN

Jabatan Perubatan adalah salah satu jabatan yang terletak di bawah Direktorat Perkhidmatan Klinik Hospital Duchess of Kent. Jabatan ini memberi Perkhidmatan Perubatan Am kepada pesakit dalam yang merangkumi Wad Perubatan Lelaki, Wad Perubatan Perempuan, Wad Palliative Care. Manakala perkhidmatan pesakit luar dijalankan di Pusat Rawatan Harian (pesakit Thalassemia), Unit Haemodialisis dan Klinik Pakar Perubatan.

2.0 OBJEKTIF

1. Klinik Pakar

Memberikan dan menyediakan perkhidmatan untuk diagnosis, perawatan dan rehabilitasi yang bersesuaian dengan cekap, tepat, berkesan dan berkualiti berbanding perkhidmatan yang cemerlang dengan berorientasikan prinsip budaya korporat supaya membolehkan penyembuhan awal serta mengekalkan perhubungan pelanggan yang baik dan mesra. Melatih wargakerja dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan kakitangan Kumpulan Sokongan agar mahir dalam penjagaan pesakit-pesakit perubatan dan dengan secara tidak langsung akan meningkatkan kualiti penjagaan perubatan negara.

2. Pesakit Dalam

- Memastikan pesakit mendapat rawatan yang sepatutnya sebaik saja tiba di wad dan dimasukkan dalam Daftar Kemasukkan.
- Memastikan pesakit yang discaj dari wad adalah pesakit yang betul dan mendapat rawatan susulan yang sepatutnya.
- Memastikan semua proses rujukan berjalan lancar.
- Memastikan semua pesakit diberi penjagaan yang sebaiknya dan keselamatan mereka terjamin semasa berada di wad.

3.0 PERJAWATAN

Berikut merupakan statistic perjawatan secara ringkas di Jabatan Perubatan Am:

Jawatan	Perjawatan	Pengisian	Catatan
Pakar Perubatan Pakar UD54	1	1	
Pegawai Perubatan Pakar UD52	4	4	
Pegawai Perubatan Lulusan Pakar UD48	2	2	
Pegawai Perubatan UD52	1	1	
Pegawai Perubatan UD51	1	1	
Pegawai Perubatan UD48	5	5	
Pegawai Perubatan UD44	5	5	
Penyelia Jururawat U41	1	1	
Penyelia Jururawat U36	1	1	
Ketua Jururawat U32	5	5	MOPD - 1
Ketua Jururawat (KUP) U32	2	5	MOPD - 2 MMW - 1 FMW - 2
Jururawat Tertlatih U29	66	66	FMW - 33 MMW - 34 MOPD - 4
Jururawat Masyarakat Kanan U24	2	2	FMW - 1 MOPD - 1
Jururawat Masyarakat U19	31	31	FMW - 6 MMW - 10 MOPD - 12
Penolong Jururawat Tertlatih U14	1	1	MOPD
Pembantu Tadbir N7	1	1	
Pembantu Perawatan Kesihatan U3	16	16	FMW - 7 MMW - 6 MOPD - 3

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

1. Klinik Pakar Perubatan (MOPD)

Perkhidmatan Klinik Pakar Perubatan berperanan mengendalikan kes-kes pesakit luar seperti kes rujukan baru dan kes-kes ulangan perubatan. mengikut jadual yang telah ditetapkan seperti di jadual berikut.

Klinik Pakar Perubatan juga mengadakan perkhidmatan lawatan Pakar dari luar (networking) iaitu menerima lawatan pakar dari Hospital QEH, HWKKL dan juga pakar dari Semenanjung Malaysia. Pakar Perubatan dari Hospital Duchess of Kent juga mengadakan lawatan pakar setiap bulan ke Hospital Beluran dan Hospital Kinabatangan.

Berikut merupakan waktu klinik bagi Klinik Pakar Perubatan:

Hari	Masa	Disiplin
Isnin	8.00 pagi – 1.00 petang	Medical
Rabu	8.00 pagi – 1.00 petang	Medikal
Khamis	8.00 pagi – 1.00 petang	Medikal

2. Pesakit Dalam

- Penerimaan kemasukan dan pengendalian pesakit di wad
- Pengurusan pesakit sebelum dan selepas pembedahan elektif.
- Pengurusan dan pengendalian ubat-ubatan biasa / terkawal /merbahaya.
- Pengurusan pemindahan pesakit di antara wad / unit.
- Pengurusan jenazah di wad.
- Pengurusan discaj pesakit dari wad.

3. Pusat Sumber Diabetes

Pusat Sumber Diabetes terletak di Klinik Pakar Perubatan dan ia menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan kaunseling kepada pesakit diabetes

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

Jabatan ini menjadi sebahagian pusat latihan untuk :-

- Skim Perkhidmatan Pengurusan dan Profesional mahupun Kumpulan Sokongan.
- Pelajar-pelajar Sarjana Perubatan
- Pelajar-pelajar kejururawatan dan lain-lain pelajar-pelajar yang menjalani latihan praktikal serta elektif.

Jabatan Perubatan mengadakan latihan-latihan peningkatan pengetahuan seperti CME dan kursus. Ia juga terlibat dalam urusan Kajian-kajian dari KKM mahupun swasta.



Sesi pembelajaran yang dijalankan



Gotong Royong Mega HDOK



Majlis Perpisahan Bersama Anggota Yang Berpindah






Penglibatan dengan Aktiviti Luar




6.0 PENCAPAIAN

Kedatangan pesakit baru dan ulangan ke Klinik Pakar Perubatan Dari Tahun 2014 Hingga 2017



Perkhidmatan Lawatan Pakar Dari Luar (Networking) ke Klinik Pakar Perubatan Tahun 2016



Pencapaian Kualiti

Terdapat beberapa usaha dijalankan untuk meningkatkan kualiti dan kejayaan jabatan. Antaranya adalah:-

- i. Mengurangkan Masa Menunggu Untuk Pemeriksaan pesakit
Masa menunggu untuk pemeriksaan dikurangkan kepada 90 minit dengan menetapkan masa temujanji secara berperingkat iaitu 8.00 pagi, 9.00 pagi, 10.00 pagi, 11.00 pagi dan 12 tengahari semasa sesi Klinik dimana 3 orang Pegawai Perubatan memulakan sesi klinik seawal 8.00 pagi.
- ii. Program Kepastian Kualiti (QAP)
 - Kajian Kepuasan Pelanggan dan Masa Menunggu dilaksanakan secara berterusan.
 - Menjalankan pemantauan KPI setiap bulan
 - Rekod Perubatan Pesakit (RPP) disediakan sekurang-kurangnya 3 hari sebelum pesakit datang untuk pemeriksaan dengan kerjasama Jabatan Rekod Perubatan.
- iii. Pencapaian Key Performance Indicator 2017
 - Rujuk Jadual 1 dan Jadual 2
- iv. Pesakit Dalam

Aktiviti	Wad	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Juli	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Kemasukan Pesakit	P	170	150	172	163	147	172	187	174	157	163	164	154
	L												
Pindah Masuk	P	14	13	14	5	12	7	10	8	7	9	5	10
	L												
Jumlah Kemasukan	P	184	172	186	168	159	179	197	180	164	172	169	164
	L												
Discaj	P	142	153	147	117	140	154	174	150	131	148	143	125
	L												
Kematian	P	15	11	17	15	12	11	13	14	9	14	8	13
	L												
AOR	P	10	6	3	11	5	7	5	8	11	5	7	5
	L												
Keluar Tanpa Izin	P	1	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0
	L												
Pindah Keluar	P	11	5	14	11	6	6	3	9	6	9	6	10
	L												
Jumlah Discaj	P	181	153	163	155	168	180	195	180	159	179	167	153
	L												
BOR % 12MN	P	73.2	80.6	88.0	81.1	79.3	84.5	76	84.8	86	50	51	61.37
	L												
Purata Pesakit Tinggal Di wad	P	4.5	4.59	4.19	3.6	3.29	3.87	4.36	3.84	4.4	3.1	3.3	4.47
	L												
Jumlah Pesakit Tinggal Di wad @ 12MN	P	817	813	768	876	889	697	851	726	714	560	552	685
	L												
APD	P	26.3	29.03	24.8	29.2	28.6	23.2	27.4	23.4	23.8	18.0	18.4	22.99
	L												

v. Pencapaian Objektif Kualiti Klinik Pakar Perubatan Untuk Bulan: Jan - Disember 2017

Bulan	Jumlah Pesakit Baru (Non urgent)	Jumlah Pesakit yang diberi temujanji dalam tempoh 6 minggu.	Jumlah Pesakit yang diberi temujanji melebihi tempoh 6 minggu.	Pencapaian	Shortfall
JAN	10	10	0	100.0%	0
FEB	36	36	0	100.0%	0
MAC	32	32	0	100.0%	0
APR	26	26	0	100.0%	0
MAY	29	29	0	100.0%	0
JUN	17	17	1	100.0%	1
JUL	23	23	0	100.0%	0
OGO	17	17	0	100.0%	0
SEP	33	33	0	100.0%	0
OKT	41	41	0	100.0%	0
NOV	47	44	3	93.8%	3
DIS	8	7	1	87.5%	1
JUMLAH	319	315	5	98.7%	5

8.0 PENUTUPAN

Secara umumnya pencapaian jabatan pada tahun 2017 adalah baik dan pencapaian ini telah didapat ditunjukkan dengan proses penyampaian perkhidmatan dan aktiviti yang telah dijalankan oleh jabatan ini.

LAPORAN TAHUNAN 2017

	Indicator	Standard	Num / Den	Month						TOTAL	PEFR	SIQ
				JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN			
1	Percentage of non-urgent cases that are given appointment for first consultation within (\leq) 6 weeks	>90%	NUM	10	36	32	26	29	17	150	100.00%	No
			DENO	10	36	32	26	29	17	150		
			%	100%	100%	100%	100%	100%	100%			
2	Percentage of patients with diabetes who have been screened for target organ damage	>70%	NUM	246	248	254	245	211	202	1406	97.91%	No
			DENO	259	250	263	248	211	205	1436		
			%	95%	99%	97%	99%	100%	99%			
3	Percentage of patients with history of myocardial infarction treated with indicated medications	\geq 70%	NUM	10	6	30	14	8	7	75	77.32%	No
			DENO	10	8	38	17	14	10	97		
			%	100.00 %	75.00 %	78.95 %	82.35 %	57.14 %	70.00 %			
4	Percentage of Hypertensive patients with blood pressure \leq 140/90 mmHg as measured in the general Medicine Outpatient Clinic	\geq 70%	NUM	56	64	71	83	84	68		79.92%	No
			DENO	68	79	93	109	104	80	533		
			%	82.35 %	81.01 %	76.34 %	76.15 %	80.77 %	85.00 %			
SPECIFIC INDICATOR	Percentage of Diabetes mellitus patients who were under regular clinic follow up with HbA1c \leq 6.5 % in the corresponding year.	\geq 15%	NUM	82	94	89	76	61	81	483	33.71%	No
			DENO	259	250	263	248	211	202	1433		
			%	31.66 %	37.60 %	33.84 %	30.65 %	28.91 %	40.10 %			
	Percentage of Hypertensive patients with who were under regular clinic follow up with blood pressure control \leq 140/90 mmHg in the corresponding year	\geq 70%	NUM	86	109	141	166	175	114	791	88.08%	No
			DENO	98	124	163	192	195	126	898		
			%	87.76 %	87.90 %	86.50 %	86.46 %	89.74 %	90.48 %			

nnk13

Jadual 1: Pemantauan KPI Klinik Pakar Perubatan Tahun 2017

LAPORAN TAHUNAN 2017

	Indicator	STD	Num / Den	Month						TOTAL	PEFR	SIQ
				JUL	AUG	SEPT	OCT	NOV	DEC			
1	Percentage of non-urgent cases that are given appointment for first consultation within (\leq) 6 weeks	>90%	NUM	23	17	33	41	44	7	165	100.00%	No
			DENO	23	17	33	41	44	7	165		
			%	100	100	100	100	100	100			
2	Percentage of patients with diabetes who have been screened for target organ damage	>70%	NUM	260	263	217	254	288	236	1518	99.41%	No
			DENO	261	264	221	257	288	236	1527		
			%	99.6	99.6	98.2	98.8	100	100			
3	Percentage of patients with history of myocardial infarction on current management treated with ALL named medications	\geq 70%	NUM	12	13	17	10	9	10	71	88.75%	No
			DENO	15	14	19	13	9	10	80		
			%	80	92.9	89.5	76.9	100	100			
4	Percentage of Hypertensive patients with blood pressure \leq 140/90 mmHg as measured in the general Medicine Outpatient Clinic	\geq 25%	NUM	150	97	108	120	147	123	745	75.10%	No
			DENO	184	131	154	164	184	175	992		
			%	81.5	74.1	70.1	73.2	73.2	79.9			
SPECIFIC INDICATOR	Percentage of Diabetes mellitus patients who were under regular clinic follow up with HbA1c \leq 6.5 % in the corresponding year.	\geq 20%	NUM	81	114	107	98	96	96	592	38.77%	No
			DENO	261	264	221	257	288	236	1527		
			%	31.0	43.2	48.4	38.1	33.3	40.7			
TOTAL DEATH / MONTH	5	1	6	3	6	3	4	0	3	3	9	7	50
TOTAL SURVIVAL	210	186	229	234	213	216	240	228	211	216	212	249	2,644
SURVIVAL (%)	97.67	99.46	97.44	97.73	97.26	98.63	98.36	100	98.59	98.63	95.92	97.26	98.14
MALAYSIAN	147	133	166	164	161	158	165	156	154	159	159	182	1,904
NON-MSIAN	31	17	37	31	20	41	36	31	25	28	31	38	366
INBORN	167	138	181	182	173	185	188	176	161	177	173	205	2,106
OUTBORN	11	12	22	13	8	14	13	11	18	10	17	15	164
DISCHARGE	159	152	185	190	188	170	193	179	171	180	171	209	2,147
AOR	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
T/OUT TO SWACH	0	0	3	0	0	0	0	0	0	1	0	0	4
VENTILATED PT	10	9	15	33	22	26	52	39	38	37	37	35	353
VENTILATED PT FOR MONTH	114	67	118	91	152	111	183	156	159	125	132	124	1,532
BUBLE CPAP/MONTH	14	14	30	33	25	26	37	43	35	28	32	44	361
BUBLR CPAP DAYS/MONTH	91	59	59	44	55	36	70	81	66	50	94	56	761
FHNC/MONTH	0	1	1	1	0	0	0	0	1	0	4	0	8
FHNC DAYS/MONTH	0	1	2	0	0	0	0	0	3	0	9	0	15
< 1KG													
ADMISSION	1	0	1	1	3	1	0	1	2	4	0	0	14
C/F	0	0	0	0	1	1	1	1	1	2	1	1	9
TOTAL	1	0	1	1	4	2	1	2	3	6	1	1	23
DEATH	1	0	1	0	2	1	0	0	1	1	1	0	8
TOTAL SURVIVAL	0	0	0	1	2	1	1	2	2	5	0	1	15
SURVIVAL %	0%	0%	0.0%	100%	50%	50%	100%	67%	83.33	50%	0%	100%	95%
1000KG - 1.499KG													
ADMISSION	4	4	10	8	9	8	7	10	9	9	6	9	93
C/F	3	4	7	6	13	6	12	10	11	9	3	7	97
TOTAL	7	8	17	14	22	14	19	20	20	18	9	16	184
DEATH	2	0	3	0	0	0	2	0	0	1	2	1	11
TOTAL SURVIVAL	5	8	14	14	22	14	17	20	20	17	7	15	123
SURVIVAL %	71.42%	100%	82.35%	100%	100%	100%	89%	100%	100%	94.44%	77.77%	94%	94.02%
> 1.500KG													
ADMISSION	173	146	192	185	169	190	194	176	168	174	184	211	2,162
C/F	1	29	34	36	22	3	30	22	45	21	2	28	273
TOTAL	174	175	226	221	191	193	224	198	213	195	186	239	2,435
DEATH	2	1	2	3	4	2	2	0	2	1	6	6	31
TOTAL SURVIVAL	172	174	224	218	187	191	222	198	211	194	180	233	2,404
SURVIVAL %	98.85%	99.42	99.11	98.64	97.90	98.96	99.10	100	99.06	99.48	96.77	97.48	98.72
BOR (BASE ON 40 BED)	109.59	95.44	104.91	123.50	110.80	107.80	112.33	118.14	110.00	87.74	133.33	92.09	104.99
AVERAGE LOS(DAYS)	2.28	2.61	2.38	2.02	2.25	2.31	2.22	2.11	2.27	2.84	2.87	2.71	2.34

Rujuk Jadual 1: Statistik Special Care Nursery 2017

LAPORAN TAHUNAN 2017

OFFICIAL BED STRENGTH - MEDICAL 30 BEDS (JANUARY - DECEMBER)

	JAN(31)	FEB(29)	MAR(31)	APR(30)	MAY(31)	JUN(30)	JUL(31)	AUG(31)	SEPT(30)	OCT(31)	NOV(30)	DEC(31)	TOTAL	
TOTAL 12 MN	1091	1075	950	939	866	913	1248	1049	889	902	716	731	11369	
ADMISSION	M	292	237	298	360	288	283	462	350	325	373	290	256	3814
	NM	20	18	22	16	17	26	23	27	24	31	22	15	261
	TOTAL	312	255	320	376	305	309	486	373	349	404	312	271	4075
DISCHARGE	303	256	313	372	299	319	455	377	340	417	325	267	4043	
TRANSFER IN	15	16	16	18	18	17	22	22	30	23	18	12	227	
TRANSFER OUT	25	16	26	15	15	27	48	31	19	16	8	8	254	
TRANSFER OTHER HOSPITAL	2	1	0	1	3	0	3	5	4	6	2	1	28	
DEATH	M	0	0	1	0	3	0	2	0	1	0	0	0	7
	NM	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	2
	TOTAL	0	1	1	0	3	0	2	0	1	1	0	0	9
AOR (M/NM)	1	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	2	
ABSCONDED	0	0	1	1	1	0	0	0	0	0	1	1	5	
ALOS	3.56	4.16	3.02	2.52	2.83	2.86	2.7	2.74	2.5	2.12	2.1	2.7		
BOR (%)	117.31	127.97	102.15	104.33	93.11	101.44	134.19	116.55	98.77	96.98	79.55	78.6		
VENTILATED PATIENT	0	2	1	0	0	0	0	0	1	0	0	0	4	
NO OF DAY(S) ON VENTILATED	0	11 & 1	8	0	0	0	0	0	3	0	0	0		
INTUBATION	0	4	0	0	0	0	0	1	0	1	0	3	9	

ALOS : Average Length Of Stay (0.00) = TOTAL NO OF PATIENT PER MONTH ÷ TOTAL NO OF DISCHARGED PER MONTH

BOR : Bed Occupancy Rate in % (0.00) = (TOTAL PATIENT AT 12MN/MONTH X 100) ÷ (NO OF DAY/MONTH X OFFICIAL BEDSTRENGTH)

TOTAL NO OF PATIENT PER DAY (0.000) = TOTAL NO OF PT/MONTH ÷ NO OF DAY/MONTH

M : Malaysian

NM : Non Malaysian

PREPARED BY,
SIN NORAMISAH CHIN KEN FAR
15th January 2018

Jadual 2: Paediatric Ward Statistic for Year 2017

PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIKAL

JABATAN PATOLOGI

JABATAN RADIOLOGI

JABATAN FARMASI

UNIT PROMOSI KESIHATAN

PUSAT PENYELIDIKAN KLINIKAL

JABATAN PATOLOGI

1.0 PENGENALAN

Jabatan Patologi, Hospital Duchess Of Kent Sandakan memberikan perkhidmatan makmal didalam 4 bidang utama iaitu Mikrobiologi Perubatan, Patologi Kimia, Hematologi dan Sitologi merangkumi ujian peringkat 'secondary care with extended specialty services' serta menjadi pusat rujukan makmal kepada Hospital Beluran, Hospital Kota Kinabatangan, pusat-pusat kesihatan daerah Sandakan, Beluran dan Telupid.

2.0 OBJEKTIF

Memastikan semua spesimen patologi yang diterima di Unit Kaunter, Patologi Kimia, Hematologi, Bakteriologi, Serologi, Histologi dan Sitologi mematuhi kriteria penerimaan dan penolakan spesimen.

3.0 PERJAWATAN

Data perjawatan Jabatan Patologi adalah seperti berikut:

BIL	JAWATAN	GRED	PERJAWATAN	PENGISIAN	KOSONG
1	Pakar Perubatan Patologi	UD54	1	1	0
2	Pentadbir/Klinikal, Pegawai Perubatan	UD43 / 44, UD47 / 48	3	3	0
3	Pegawai Sains (Kimiahayat)	C48	1	1	0
4	Pegawai Sains (Kimiahayat)	C44	1	1	0
5	Pegawai Sains (Mikrobiologi)	C44	1	0	1
6	Pegawai Sains (Kimiahayat)	C41 / 44	2	2	0
7	Pegawai Sains (Mikrobiologi)	C41 / 44	3	3	0
8	Juruteknologi Makmal Perubatan	U38	1	1	0
9	Juruteknologi Makmal Perubatan	U36	4	4	0
10	Juruteknologi Makmal Perubatan	U32	4	4	0
11	Juruteknologi Makmal Perubatan (TBK 13Tahun)	U29/32	38	35	3
12	Pembantu Perawatan Kesihatan	U14	1	0	1
13	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11/U14	2	2	0
14	Pembantu Am (TBK 13 Tahun)	H11/H14	2	1	1

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Jabatan Patologi

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Memastikan perkhidmatan makmal patologi dilaksanakan secara professional dan berkualiti dengan mengutamakan pelanggan sejajar dengan perkembangan klinikal untuk perawatan pesakit.

- Kaunter Utama (Preanalitikal) – Penerimaan spesimen dan permintaan ujian
- Makmal Pendiagnosan
 - Makmal Patologi Kimia
 - Makmal Hematologi
 - Makmal Mikrobiologi
 - Makmal Serologi/Virologi
 - Makmal Cytology & Histopathology
 - Makmal Drug of Abuse Screening and Confirmation (ATS, Morphine / Codeine, Cannabis)
- Menyediakan keputusan-keputusan ujian yang berkualiti melalui program-program kawalan mutu dalaman dan *proficiency testing* melalui kawalan mutu luaran.
- Memberi perkhidmatan patologi dan perkhidmatan rundingcara kepada makmal kesihatan awam, Hospital Daerah Beluran dan Kota Kinabatangan melalui pemantauan dan lawatan penyeliaan.
- Mengurus dan mengendali program latihan pelajar dari Institusi Pengajian tinggi Awam dan Swasta.
- Menganjurkan bengkel, kursus, seminar dan konferen dalam bidang berkaitan.
- Menyediakan perkhidmatan diagnostik, saringan dan pemantauan, termasuk pemantauan bagi perkhidmatan Point of care Testing (POCT).
- Menjalankan projek QAP dan langkah-langkah penambahbaikan perkhidmatan.
- Membuat perancangan untuk polisi, skop perkhidmatan, sumber manusia, peralatan dan kemudahan fasiliti bagi aktiviti di Jabatan Patologi.
- Menggalakkan penglibatan dalam kajian serta penyelidikan dalam bidang patologi mengikut keperluan demi peningkatan kualiti perkhidmatan.

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

1. Aktiviti peningkatan kualiti

- Kesemua unit telah mengambil bahagian yang aktif dalam usaha menjayakan MS ISO 9001:2015 dan program EKSA.
- Semua unit di Jabatan Patologi menyertai Program Kepastian Kualiti (QAP) luaran (peringkat kebangsaan dan antarabangsa) dan dalaman (internal QAP) serta berusaha ke arah meneruskan sistem kualiti dalam ujian-ujian diagnostik yang dijalankan di Jabatan Patologi.
- Menyertai konvensyen kualiti dan inovasi peringkat Negeri Sabah di Kolej BSKB, Kota Kinabalu pada 17-18 Mei 2017 dengan tajuk kajian 'Improving of laboratory results retrieval time in Hospital Duchess Of Kent, Sandakan'
- Untuk meningkatkan dan memantapkan kualiti perkhidmatan Patologi, Jawatankuasa pengurusan kualiti telah diaktifkan dan diketuai oleh Pegawai Sains (Kimiahayat), Pegawai Perubatan, Pegawai Sains (Mikrobiologi) dan Juruteknologi Makmal Perubatan Kanan. Jawatankuasa patologi yang dibentuk adalah :
 1. Pengurusan Sumber manusia
 2. Pengurusan Latihan Anggota
 3. Pengurusan Harta Modal dan Inventori
 4. Pengurusan Kewangan Dan Perolehan
 5. Pengurusan Stok
 6. Infrastruktur Jabatan, Validasi Dan Koordinasi
 7. Statistik
 8. Kajian Kepuasan Pelanggan
 9. POCT (Point Of Care Testing)
 10. Indikator kualiti – QAP / NIA / HPIA / KPI / Objektif Kualiti
 11. Kawalan Kualiti Dalaman (IQC) Patologi Kimia, Hematologi, Mikrobiologi.
 12. Kawalan Kualiti Transfusi Perubatan (Good Manufacturing Products)
 13. Kawalan Kualiti Luaran (EQAP)
 14. Akreditasi / MS ISO / Penyimpanan Dokumen
 15. EKSA
 16. Inovasi/Kreativiti (KIK)
 17. Keselamatan Dan Kebakaran (JKKP)
 18. Bencana Alam
 19. Kawalan Infeksi.
- Penambahbaikan penghantaran keputusan ujian ABG telah dilaksanakan mulai bulan Julai 2016 dan Urine FEME dilaksanakan pada 25 Julai 2017 melalui implementasi SMP (Sistem maklumat patologi) dengan kerjasama Unit ICT, Hospital Duchess Of Kent.
- Program Kepastian Kualiti bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti, mematuhi standard piawai dan jaminan keputusan ujian yang dikeluarkan adalah tepat, Jabatan Patologi telah mengambil bahagian dalam pelbagai program kawalan mutu termasuklah :
 - i. 'Critical limits' keputusan ujian melibatkan Patologi Kimia, Hematologi dan Mikrobiologi telah dilaksanakan.
 - ii. Performance indicator for Chemical Pathology (EQAS– IMR)
 - iii. Program Kawalan Mutu Dadah kebangsaan (NDQCP) –IMR
 - iv. Performance in AntiNuclear Antibody (ANA) Testing using EIA/F (IMR)
 - v. Program kawalan mutu kebangsaan Mikrobiologi - (IMR)
 - vi. National External Quality Assurance Scheme in HIV Antibody Testing – IMR
 - vii. National External Quality Assurance Scheme in Hepatitis B & C Testing-IMR
 - viii. Royal College Of Pathologists Of Australia (RCPA) External Quality Assurance Programmes : Blood Morphology, Total White Differential Count (TWDC) and Haemostasis.
 - ix. Randox International Quality Assessment Scheme (RIQAS), UK – Full Blood Count (Haematology).
 - x. Royal College Of Pathologists Of Australia (RCPA) External Quality Assurance Programmes : Microbiology and Immunology
 - xi. Laboratory diagnosis of Tuberculosis (RCPA)- Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan, Sg.Buloh, Selangor.

2. Latihan dan program pendidikan berterusan.

- Meneruskan aktiviti pembelajaran melalui CME, CLE dan keselamatan tempat kerja. Anggota jabatan patologi juga telah dihantar

untuk menghadiri berbagai persidangan, seminar, kursus, bengkel dan ceramah bagi meningkatkan lagi mutu kerjaya.

- Melakukan lawatan penyeliaan makmal ke Unit Perkhidmatan Patologi Hospital Beluran dan Hospital Kinabatangan pada 9 Mei 2017.

Aktiviti	Peruntukan (yang telah di Lock in)	Perbelanjaan
032199 (27499)	169,327.00	167,319.93

Jadual 4: Peruntukan dan perbelanjaan jabatan patologi

6.0 PENCAPAIAN

Beban Kerja Jabatan Patologi

UNIT	2015		2016		2017	
	Spesimen	Ujian	Spesimen	Ujian	Spesimen	Ujian
Hematologi	249,122	376,542	213,675	299,786	177,084	201,008
Patologi Kimia	386,441	1,190,909	372,522	1,034,982	403,773	993,676
Mikrobiologi	120,737	157,404	103,759	124,758	68,671	121,904
Histopatologi	2,832	-	3,328	-	3,811	-
Cytology	4,668	6,571	2,686	3,824	4703	6,045
JUMLAH	763,800	1,731,426	695,970	1,463,350	658,042	1,322,634

Jadual 2: Statistik perbandingan beban kerja 2015 - 2017

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

Penerapan konsep makmal integrasi bagi mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan, pengurusan modal insan dan infrastruktur serta perkhidmatan makmal berkonsepkan teknologi IT merangkumi pengurusan data pesakit dan keputusan ujian perlu dilaksanakan.

8.0 PENUTUPAN

Secara keseluruhannya, Jabatan Patologi telah menunjukkan peningkatan prestasi secara konsisten dan berjaya mencapai standard yang telah ditetapkan.

Pencapaian Objektif Kualiti Tahun 2017

BULAN	NUMERATOR (Total Number of specimen rejected)	DENOMINATOR (Total numbers of specimen sent for testing in the same period)	PENCAPAIAN (STANDARD: ≤ 1 %)
JANUARI-DISEMBER 2017	6,794	1,102,864	0.62 %

Jadual 3 : Pencapaian objektif kualiti 2017

Prestasi Kewangan: Perolehan Reagent (27403) Jabatan Patologi

Aktiviti	Peruntukan Reagen (yang telah di Lock in)	Perbelanjaan
032199 (27403)	2,235,277.00	2,235,162.38
020600 (27403) Program Saringan Hypothyroidsm	255,000.00	254,998.00
032199 (27403) Program Hep.B	2,000.00	1,999.00

Perolehan Stok Bukan Ubat (27499), Jabatan Patologi

JABATAN RADIOLOGI

1.0 PENGENALAN

Jabatan Radiologi HDOK memberikan perkhidmatan kepakaran pemeriksaan radiologi terhadap pesakit berpandukan kepada permintaan pakar dan pegawai perubatan serta keadaan pesakit daripada setiap disiplin klinikal di hospital ini serta hospital-hospital jiran mengikut keupayaan fasiliti yang ada.

2.0 OBJEKTIF

Melaksanakan setiap pemeriksaan radiologi dengan penuh prihatin terhadap keselamatan, keselesaan dan kebajikan setiap pesakit dan mengamalkan nilai-nilai budaya kerja korporat serta etika kerja yang mulia pada setiap masa.

3.0 PERJAWATAN

Berikut adalah perjawatan yang ada di jabatan ini:

Jadual 1: Maklumat perjawatan Jabatan Radiologi

Jawatan	Perjawatan	Pengisian	Kosong
Pakar Radiologi UD48/52/54	2	2	0
Pegawai Perubatan UD48	2	2	0
Pegawai Perubatan UD44	5	5	0
Juru X-Ray U42	1	1	0
Juru X-Ray U36	2	2	0
Juru X-Ray U32	3	2	1
Juru X-Ray U32(KUP)	2	2	0
Juru X-Ray U29	16	10	6
Jururawat U29	0	2	0
Pembantu Tadbir N19	1	0	1
Pembantu Perawatan Kesihatan	2	5	0
Jumlah:	36	33	8

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

- Radiografi Am 1 (Untuk Wad)
- Radiografi Am 2 (Klinik Pakar & Kecemasan)
- Radiografi mobile
- Ultrasonografi
- CT Scan
- Fluoroscopi & Radiografi Berkontras (**Perkhidmatan Fluros kopi diberhentikan buat sementara waktu)
- Mammografi (**Perkhidmatan Mammografi diberhentikan buat sementara waktu)

Lain-lain:

- Radiografi Dewan Bedah
- Radiografi Forensik.
- Perkhidmatan X-Ray kecemasan 24 jam.
- Radiografi Dental (OPG)

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

Jabatan Radiologi menganjurkan kursus untuk meningkatkan lagi pengetahuan anggota. Peserta terdiri daripada Juru X-Ray, Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan.



Gambar 1: Kursus Sabah State Radiology dianjurkan pada 28-29 Sept 2017

6.0 PENCAPAIAN

Jadual 1: Statistik Pemeriksaan Radiologi Sepanjang Tahun 2017

PROSEDUR PEMERIKSAAN	JUMLAH
General X-Ray	38447
Alimentary Sistem (Barium)	0
Biliary System (Cholangiogram)	0
Urinary System (IVU/MCU)	11
Vascular System (Venography)	0
Reproductive System (HSG)	0
CT Scan	3403
Ultrasound	3398
MRI	0
Others (MMG,OT,LAIN-LAIN)	273
JUMLAH	45532

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

Perancangan masa hadapan di Jabatan Radiologi ialah merancang mendapatkan modaliti mesin Magnetic Resonance Imaging (MRI) untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan radiologi.

8.0 PENUTUPAN

Secara keseluruhannya pada tahun 2017, jabatan ini telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan sejajar dengan misi dan visi HDOK. Jabatan berharap akan dapat meningkatkan lagi prestasi jabatan ini bagi tujuan penyampaian proses perkhidmatan yang lebih berkualiti dan mesra pelanggan.

JABATAN FARMASI

1.0 PENGENALAN

Jabatan Farmasi terdiri daripada Pengurusan Farmasi, Farmasi Logistik, Farmasi Klinik Pakar & Farmasi Kecemasan, MTAC (Warfarin, Diabetes dan Asma), Farmasi Satelit 1 & 2, Farmasi Wad, Farmasi Perkhidmatan Maklumat Ubat (DIS), Farmasi Pengeluaran (Galenikal), Farmasi Farmakokinetik Klinikal (TDM) dan Farmasi Rekonstitusi Ubat Sitotoksik (CDR).

2.0 OBJEKTIF

Memberikan perkhidmatan 'Pharmaceutical Care' yang berkualiti kepada setiap pelanggan.

Tujuan Jabatan Farmasi:

- Memberi perkhidmatan Farmasi yang cekap, tepat dan berkesan kepada pelanggan di hospital.
- Meningkatkan perkhidmatan Farmasi Klinikal untuk meningkatkan kualiti rawatan pesakit.
- Mengukuhkan Sistem Perolehan dan Bekalan supaya dapat memenuhi keperluan ubat-ubatan dan alat perubatan di peringkat hospital

3.0 PERJAWATAN

Sumber tenaga manusia di Jabatan Farmasi HDOK, Sandakan sehingga 31 Disember 2017:

Jawatan	Perjawatan	Pengisian	Kosong
PF UF54	61	1	18
PF UF52		3	
PF UF48		2	
PF UF44		25	
PF UF41		12	
PRP (KONTRAK)	-	6	
PPF U36	2	2	0
PPF U32	4	4	0
PPFU29	17	17	0
PPT N32	1	0	1
PPT N29	1	1	0
PT N22/ N22(KUP)	2	2 + 1 (KUP)	0
PT N19	3	3	0
PPK U12 (KUP)	2	2	0
PRA H11	10	8	2
Jumlah:	103	89	21

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

1. Pengurusan Farmasi

Mengurus semua aspek berkaitan dengan perkhidmatan farmasi.

Menyelaras aktiviti-aktiviti kualiti, latihan dan pendidikan.

2. Ambulatori

a. Farmasi Klinik Pakar (FKP)

Beroperasi dari jam 7.00 pagi hingga 5.30 petang pada setiap hari bekerja. Membekalkan dan mendispensan ubat kepada pesakit Klinik Pakar Perubatan, Klinik Ortopedik, Klinik Pembedahan, Klinik Sakit Puan, Klinik Psikiatri, Klinik Oftamologi, Klinik Paediatrik, Klinik Telinga, Hidung dan Tekak, Klinik Bedah Mulut, Unit Hemodialisis, Jabatan Kecemasan & Trauma dan Pusat Jagaan Harian, Hospital Duchess of Kent Sandakan.

Menerima preskripsi dari fasiliti-fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia yang berdekatan seperti Klinik Kesihatan Sandakan, Klinik 1 Malaysia dan hospital-hospital dalam daerah Sandakan.

Memberikan kaunseling ubat-ubatan kepada pesakit.

Menawarkan beberapa jenis Perkhidmatan Tambah Nilai (Value-Added Services, VAS) untuk memberikan keselesaan kepada pesakit, menjimatkan masa menunggu pesakit dan mengurangkan kesesakan di kaunter terutama pada masa puncak.

▪ Sistem Pembekalan Ubat Bersepadu (SPUB)

Perkhidmatan ini menawarkan kemudahan kepada pesakit untuk mengambil ubat di fasiliti KKM yang berdekatan dengan tempat tinggal pesakit.

▪ SMS & Ambil

Perkhidmatan ini menawarkan kemudahan kepada pesakit untuk

memberi notifikasi awal tarikh pengambilan ubat kepada farmasi melalui sms.

- **Ubat Melalui Poslaju 1 Malaysia (UMP 1Malaysia)**

Perkhidmatan dimulakan pada tahun 2010, menawarkan perkhidmatan pembekalan ubat sehingga ke pintu rumah pesakit.

- **Kad Temujanji**

Perkhidmatan pembekalan ubat melalui Kad Temujanji dimulakan pada 8 April 2013 dimana pesakit boleh mengambil ubat dengan lebih cepat kerana ubat telah disediakan sebelum pesakit datang.

- **Letak & Ambil**

Perkhidmatan dimulakan pada Oktober 2014 dimana pesakit boleh meninggalkan preskripsi di FKP untuk diproses dan datang semula pada masa pengambilan yang dipersetujui untuk mengambil ubat.

- **Farmasi Pandu Lalu**

Perkhidmatan ditawarkan kepada pesakit sejak Februari 2015. Pesakit hanya perlu memandu kereta ke kaunter Farmasi Pandu Lalu dan mendapatkan ubat daripada Pegawai Farmasi bertugas.

- **WhatsApp & Ambil / Telegram & Ambil**

Perkhidmatan dimulakan pada 14 Ogos 2015. Perkhidmatan ini memberikan kesenangan kepada pesakit untuk menetapkan tarikh pengambilan ubat mereka mengikut kesesuaian masa masing-masing melalui notifikasi awal menggunakan program WhatsApp & Ambil / Telegram & Ambil.

- **Beg Ubatku**

Perkhidmatan ini dimulakan pada 27 Julai 2017 dengan seramai 100 pesakit. Perkhidmatan ini membekalkan ubat

kepada pesakit berdasarkan baki ubat terdapat dalam beg ubat yang dibawa oleh pesakit. Ini membantu pesakit menguruskan penyimpanan ubat-ubatan yang dipreskrib, meningkatkan kepatuhan pesakit terhadap terapi pengubatan, mengelakkan stok ubat berlebihan dalam simpanan pesakit dan menyokong kempen Go Green bagi menyelamatkan alam sekitar.

b. Farmasi Kecemasan

Perkhidmatan Farmasi Ambulatori yang diwujudkan di bawah Unit Farmasi Klinik Pakar sejak Januari 2013. Ia merupakan satu usaha untuk meningkatkan mutu kesihatan yang ditawarkan dengan menyediakan perkhidmatan farmasi 24 jam bagi menggantikan perkhidmatan passive oncall.

Waktu operasi Farmasi Kecemasan adalah dari jam 5.00 petang sehingga 7.00 pagi keesokan hari pada hari Isnin hingga Jumaat dan 24 jam pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum.

Fungsi utama unit ini ialah untuk:

- Membekal dan mendispen ubat melalui preskripsi kepada pesakit yang discaj dari Jabatan Kecemasan & Trauma selepas waktu pejabat.
- Membekal ubat melalui floor stok, carta pengubatan dan preskripsi discaj selepas waktu pejabat

3. Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)

Unit MTAC (Warfarin, Diabetes Mellitus dan Asma) berlokasi di Bilik 3 & 4 , Klinik Pakar Perubatan dan Kanak-kanak, Blok Klinik Pakar, HDOK beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada setiap hari bekerja.

Unit MTAC adalah pusat latihan yang memberi latihan sangkutan WMTAC dan DMTAC kepada pegawai-pegawai farmasi *in-house* atau pegawai-pegawai zon timur Negeri Sabah.

a. MTAC Warfarin (WMTAC)

- Memberi kaunseling dan memantau INR untuk semua pesakit yang mengambil Tab. Warfarin.
- Melakukan perubahan dos warfarin dan memberi intervensi kepada doktor jika perlu.
- Mengurangkan komplikasi seperti pendarahan akibat warfarin dengan memantau INR dengan ketara.

b. MTAC Diabetes (DMTAC)

Memberi kaunseling merangkumi cara penggunaan ubat-ubatan diabetes, meningkatkan *compliance*, mengurangkan kesan buruk ubat-ubatan dan komplikasi penyakit diabetes, memberi pendidikan diabetes serta cara mengamalkan *self monitoring blood glucose* (SMBG) kepada pesakit diabetes yang tidak terkawal sama ada dalam lawatan pertama di klinik pakar perubatan atau lawatan susulan di farmasi klinik pakar.

Membantu doktor dalam memberi rawatan kepada pesakit diabetes dengan mengesan dan mengurangkan *medication-related problems* serta memberi intervensi dalam perubahan dos dan regim.

c. MTAC Asma (AMTAC)

Memberi kaunseling kepada pesakit tentang penggunaan ubat-ubatan asma dan inhaler, serta meningkatkan *compliance*.

Membantu doktor dalam memberi rawatan kepada pesakit asma dengan mengesan dan mengurangkan *medication-related problems* serta memberi intervensi dalam perubahan dos dan regim.

4. Farmasi Pesakit Dalam

i. Farmasi Satelit 1 dan 2

Farmasi Satelit 1 (bangunan blok lama) membekalkan ubat-ubatan kepada wad-wad Perubatan, Obstetrik & Ginekologi, Antenatal, Postnatal, Nurseri, Mata, Bersalin, Penjagaan Paliatif dan Pediatrik dan unit-unit lain seperti Hemodialisis, CAPD, Jabatan Kecemasan dan Trauma,

Endoskopi, Kardiologi, Penjagaan Harian, Pengimejan & Diagnostik, Tabung Darah, Klinik ENT, Klinik Oftalmologi, Klinik Perubatan & Pediatrik, Klinik Obstetrik & Ginekologi, Klinik Psikiatrik dan Klinik Surgikal & Ortopedik.

Farmasi Satelit 2 (bangunan wad 3-6 tingkat) membekalkan ubat-ubatan kepada wad-wad Pembedahan, Ortopedik, Anestatik, Psikiatrik dan Pediatrik.

Melakukan kaunseling *bedside*, kaunseling discaj, pemeriksaan wad, memberikan maklumat ubat kepada anggota kesihatan, membekalkan ubat ke wad/unit melalui sistem *Unit of Use/Unit Dos / Indent Floorstock*, menjalankan penyaringan carta perubatan / preskripsi / buku pesanan wad dan membuat intervensi jika terdapat sebarang keraguan terhadap ubat yang dipreskrib.

ii. Farmasi Pengeluaran (Galenikal)

Unit Farmasi Pengeluaran (Galenikal) bertanggungjawab ke atas penyediaan dan pembekalan sediaan bukan steril internal (sirap, eliksir), eksternal (krim, losyen) dan ekstemporanus ke Unit Farmasi / wad / unit di Hospital Duchess of Kent, Sandakan.

- Menjalankan aktiviti prabungkusan dan pelabelan ubat-ubatan (3 jenis ubat cecair/*semisolid* internal, 34 jenis ubat cecair / *semisolid* eksternal) untuk unit-unit Farmasi, wad dan unit lain di Hospital Duchess of Kent, Sandakan.
- Menghantar sediaan internal / eksternal ke Makmal Farmaseutikal Cawangan Logistik Farmasi Negeri Sabah bagi tujuan ujian kawalan mutu [Mixture Ferric Ammonium Citrate 400mg/5ml, Distilled water (fresh) dan Distilled water (overnight)].
- Menghantar sediaan ke Makmal Farmaseutikal Cawangan Logistik Farmasi Negeri Sabah bagi tujuan kajian tarikh luput [Magnesium Sulphate 2 mmol/ml].

iii. Rekonstitusi Ubat Sitotoksik (CDR)

Unit Rekonstitusi Ubat Sitotoksik (CDR) mula beroperasi pada 24 Disember 2013. Di antara perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan oleh unit ini adalah:

- Perkhidmatan rekonstitusi ubat-ubatan sitotoksik dalam keadaan aseptik dengan menggunakan 'Closed System Transfer Device' PhaSeal, Personal Protective Equipment (PPE) dan teknik pengendalian yang selamat (i.e. memastikan keselamatan penyedia ubat-ubatan sitotoksik).
- Perkhidmatan kaunseling berkenaan dengan regime/protokol kemoterapi yang dipilih, kesan sampingan ubat-ubatan sitotoksik yang digunakan dan cara-cara untuk mengatasi masalah yang berkaitan, perubahan cara hidup termasuk diet, aktiviti senaman, dan perubahan aktiviti harian serta kaunseling berkaitan interaksi ubat-ubatan sitotoksik dengan ubat-ubatan lain, herba dan suplemen kesihatan.
- Perkhidmatan pemantauan klinikal pesakit yang menerima ubat-ubatan sitotoksik.
- Perkhidmatan maklumat ubat-ubatan sitotoksik dan maklumat berkaitan dengan keselamatan pengendalian dan melakukan intervensi jika perlu.

4. Farmasi Pesakit Dalam

a) Farmasi Satelit 1 dan 2

Farmasi Satelit 1 (bangunan blok lama) membekalkan ubat-ubatan kepada wad-wad Perubatan, Obstetik & Ginekologi, Antenatal, Postnatal, Nurseri, Mata, Bersalin, Penjagaan Paliatif dan Pediatrik dan unit-unit lain seperti Hemodialisis, CAPD, Jabatan Kecemasan dan Trauma, Endoskopi, Kardiologi, Penjagaan Harian, Pengimejan & Diagnostik, Tabung Darah, Klinik ENT, Klinik Oftalmologi, Klinik Perubatan & Pediatrik, Klinik Obstetik & Ginekologi, Klinik Psikiatrik dan Klinik Surgikal & Ortopedik.

Farmasi Satelit 2 (bangunan wad 3-6 tingkat) membekalkan ubat-ubatan kepada wad-wad Pembedahan, Ortopedik, Anestatik, Psikiatrik dan Pediatrik.

- Melakukan kaunseling *bedside*, kaunseling discaj, pemeriksaan wad, memberikan maklumat ubat kepada anggota kesihatan, membekalkan ubat ke wad/unit melalui sistem *Unit of Use/Unit Dos / Indent Floorstock*, menjalankan penyaringan carta perubatan / preskripsi / buku pesanan wad dan membuat intervensi jika terdapat sebarang keraguan terhadap ubat yang dipreskrib.

b) Farmasi Pengeluaran (Galenikal)

Unit Farmasi Pengeluaran (Galenikal) bertanggungjawab ke atas penyediaan dan pembekalan sediaan bukan steril internal (sirap, eliksir), eksternal (krim, losyen) dan ektemporanus ke Unit Farmasi / wad / unit di Hospital Duchess of Kent, Sandakan.

- Menjalankan aktiviti prabungkusan dan pelabelan ubat-ubatan (3 jenis ubat cecair/*semisolid* internal, 34 jenis ubat cecair / *semisolid* eksternal) untuk unit-unit Farmasi, wad dan unit lain di Hospital Duchess of Kent, Sandakan.
- Menghantar sediaan internal / eksternal ke Makmal Farmaseutikal Cawangan Logistik Farmasi Negeri Sabah bagi tujuan ujian kawalan mutu [Mixture Ferric Ammonium Citrate 400mg/5ml, Distilled water (fresh) dan Distilled water (overnight)].
- Menghantar sediaan ke Makmal Farmaseutikal Cawangan Logistik Farmasi Negeri Sabah bagi tujuan kajian tarikh luput [Magnesium Sulphate 2 mmol/ml].

c) Rekonstitusi Ubat Sitotoksik (CDR)

Unit Rekonstitusi Ubat Sitotoksik (CDR) mula beroperasi pada 24 Disember 2013.

Di antara perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan oleh unit ini adalah:

- Perkhidmatan rekonstitusi ubat-ubatan sitotoksik dalam keadaan

aseptik dengan menggunakan 'Closed System Transfer Device' PhaSeal, Personal Protective Equipment (PPE) dan teknik pengendalian yang selamat (i.e. memastikan keselamatan penyedia ubat-ubatan sitotoksik).

- Perkhidmatan kaunseling berkenaan dengan regime/protokol kemoterapi yang dipilih, kesan sampingan ubat-ubatan sitotoksik yang digunakan dan cara-cara untuk mengatasi masalah yang berkaitan, perubahan cara hidup termasuk diet, aktiviti senaman, dan perubahan aktiviti harian serta kaunseling berkaitan interaksi ubat-ubatan sitotoksik dengan ubat-ubatan lain, herba dan suplemen kesihatan.
- Perkhidmatan pemantauan klinikal pesakit yang menerima ubat-ubatan sitotoksik.
- Perkhidmatan maklumat ubat-ubatan sitotoksik dan maklumat berkaitan dengan keselamatan pengendalian dan melakukan intervensi jika perlu.

Jenis-jenis ubat yang direkonstitusi di HDOK :

Ubat-Ubatan Sitotoksik / berkaitan dengan kemoterapi (penambahan 1 jenis berbanding dengan tahun 2016)	Actinomycin-D, Arsenic Trioxide, Bortezomib, Bleomycin, Cisplatin, Carboplatin, Cytarabine, Cyclophosphamide, Doxorubicin, Dacarbazine, Docetaxel, Epirubicin, Etoposide, 5-Fluorouracil, Gemcitabine, Ifosfamide, Irinotecan, Methotrexate, Oxaliplatin, Paclitaxel, Vincristine, Vinblastine, Vinorelbine, Rituximab, Ganciclovir
Wad-Wad yang menggunakan servis unit CDR	FSW/FOW, MSW, EYE, MMW, FMW, GYNAE, CMW, ENT

5. Farmasi Wad (Klinikal)

Perkhidmatan Farmasi Wad (Klinikal) di Hospital Duchess of Kent ditawarkan kepada Wad Perubatan Lelaki, Wad Perubatan Wanita, Wad Kanak-Kanak, Unit Rawatan Rapi (ICU), Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU), Wad Orthopedik, Wad Pembedahan dan Onkologi. Pada tahun 2017, Jabatan Farmasi juga menawarkan Perkhidmatan Farmasi Klinikal kepada Jabatan Kecemasan dan Trauma.

Di antara perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan oleh unit ini adalah:

- Penerimaan rujukan untuk kes-kes yang mempunyai masalah terapeutik.
- Menemubual pesakit untuk mendapatkan informasi tentang sejarah perubatan pesakit.
- Menjalankan aktiviti "medication reconciliation"
- Melibatkan diri dalam aktiviti rondaan wad.
- Memantau penggunaan ubat-ubat pesakit.
- Memberi kaunseling.

6. Perkhidmatan Maklumat Ubat (DIS)

Farmasi Perkhidmatan Maklumat Ubat merupakan sebuah unit yang memberikan maklumat ubat secara tepat dan bersesuaian kepada anggota kesihatan, pesakit dan orang awam. Objektifnya ialah untuk menggalakkan penggunaan ubat yang selamat dan efektif dan juga untuk mengelakkan kesan advers ubat. Dengan memberikan maklumat ubat yang tepat, penjagaan farmaseutikal pesakit dapat dipertingkatkan.

Di antara perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan oleh unit ini adalah:

- Memberi Perkhidmatan Maklumat Ubat.
- Memonitor Kesan Advers Ubat-ubatan.
- Mengendalikan Permohonan Ubat yang memerlukan kelulusan KPK / Ubat SRQ.
- Memantau Penyelidikan dan Pembangunan (R & D).
- Mengendalikan dan memantau pelaksanaan latihan melalui CPD / CME/ Kelab Journal Jabatan Farmasi.

- Mengendalikan Penerbitan Buletin / Drug Info Farmasi.
- Mengemaskinikan Formulari Hospital dan senarai SRQ.
- Memantau *Medication Error* Melapor Aduan Produk Berdaftar
- Sebagai setiausaha Mesyuarat Jawatankuasa Ubat dan Terapeutik (JKUT) dan mengendalikan Mesyuarat Pra-JKUT bersama dengan semua *Co-Chairman* yang telah dilantik.

7. Farmasi Farmakokinetik Klinikal (TDM)

Unit Farmasi Farmakokinetik Klinikal (TDM) adalah perkhidmatan menganalisa paras kepekatan serum ubat yang mempunyai julat terapeutik yang kecil. TDM memberi interpretasi serta cadangan pengubahsuaian dos berdasarkan paras kepekatan ubat bagi tujuan mengurangkan risiko ketoksikan ubat di samping mengoptimumkan efikasi ubat. Pemantauan kes juga dijalankan bagi permohonan TDM pesakit dalam sebagai salah satu cara penjagaan farmaseutikal pesakit.

Sebanyak **10** jenis ubat dianalisa oleh HDOK manakala **3** jenis ubat dianalisa oleh fasiliti lain. Selain itu, unit TDM juga menerima sampel darah dari fasiliti-fasiliti lain yang berdekatan untuk dianalisisakan seperti Hospital Beluran, Hospital Kinabatangan, dan Klinik Kesihatan Sandakan.

Jenis-jenis ubat yang dianalisa termasuk:

Tempat Analisa	Ubat
HDOK	Acetaminophen, Amikacin, Carbamazepine, Digoxin, Gentamicin, Phenobarbitone, Phenytoin, Theophylline, Valproic Acid, Vancomycin
Fasiliti lain (HQE)	Cyclosporine, Lithium, Tacrolimus

8. Farmasi Logistik

Beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada setiap hari bekerja.

- Menjalankan aktiviti perolehan, penerimaan, perekodan, penstoran, pengeluaran, pengiraan dan pelupusan.

- Membekalkan ubat-ubatan, alat perubatan, vaksin, reagen dan gas perubatan kepada unit pengguna hospital.
- Membekalkan ubat-ubatan dan alat perubatan kepada klinik-klinik kesihatan di sekitar daerah Sandakan.

Secara keseluruhannya Unit Farmasi Logistik menjalankan proses perolehan melalui beberapa cara mengikut Arahan Perbendaharaan dan Tatacara Perolehan yang sedang berkuat kuasa. Proses perolehan tersebut adalah melalui;

- a) Syarikat Konsesi Pharmaniaga Logistik Sdn.Bhd
- b) Bekalan dari Cawangan Farmasi Logistik Negeri
- c) Kontrak Pusat Kementerian Kesihatan Malaysia
- d) Sebutharga
- e) Pembelian terus

Aktiviti perolehan yang dijalankan pada tahun 2017 adalah untuk item berikut;

- a) Ubat-ubatan
- b) Peralatan perubatan
- c) Gas Perubatan
- d) Reagen untuk unit TDM Farmasi
- e) Vaksin

Unit Farmasi Logistik di bahagikan kepada beberapa seksyen utama iaitu;

- a) Bahagian Pentadbiran
- b) Bahagian Ubat: 8 unit pemesan
- c) Bahagian Peralatan perubatan : 52 unit pemesan
- d) Bahagian Ubat SRQ, IV drip dan Gas Perubatan: 52 unit pemesan

9. Latihan Pegawai Farmasi Provisional

Jabatan Farmasi HDOK Sandakan adalah salah satu pusat latihan untuk pegawai farmasi provisional di Negeri Sabah.

Tempoh latihan PRP di Jabatan Farmasi seperti berikut:

Bil	Unit	Tempoh (minggu)
1	Farmasi Klinik Pakar	12
2	MTAC	4
3	Farmasi Satelit 1 & 2	8
4	Farmasi Galenikal	2
5	Farmasi Wad	10
6	Perkhidmatan Maklumat Ubat	4
7	Farmakokinetik (TDM)	4
8	Onkologi (CDR)	4
9	Farmasi Logistik	4

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

- Mengadakan Hari Bersama Pelanggan Farmasi Klinik Pakar pada 22hb Disember 2017.
- Kajian Menggunakan Nama Generik,
- Kajian Kepuasan Pelanggan
- Kajian Masa Menunggu
- Kajian Rintis Impak Pelaksanaan Program Beg Ubat di Kalangan Pesakit Kronik di Fasiliti KKM
- Kajian Knowledge and Awareness of Patients on Pharmacy Value Added Services Offered by Duchess of Kent Hospital (masih berjalan)
- Kajian Prescribing Pattern of Proton Pump Inhibitor and Its Appropriateness Among Outpatient in Hospital Duchess of Kent Sandakan (masih berjalan).
- Menyertai pertandingan Anugerah Inovasi Pengurusan Penggunaan Ubat Secara Optimum 2017
- Mengadakan Hari Bersama Pelanggan Farmasi Pesakit Dalam dari 6-10 Feb 2017.
- Mengadakan Kajian Kepuasan Pelanggan Farmasi Pesakit Dalam (gabungan FS1, FS2, Galenikal dan CDR) 2 kali setahun pada bulan Mei dan Nov.
- Mengamalkan 100% Unit Dose System (UDS) di semua wad dengan memulakan UDS di Wad Surgikal/Ortopedik perempuan, Wad Perubatan Lelaki dan Unit Rawatan Rapi pada tahun 2017.
- Melakukan pemeriksaan wad/unit tiga kali setahun
- Mengadakan Pemeriksaan Substor Farmasi Pesakit Dalam dan Farmasi Klinik Pakar pada April 2017
- Mengadakan gotong-royong EKSA
- Mengamalkan penggunaan Sistem PhiS secara 100%.
- Mengemaskini Formulari Hospital dan Formulari Ubat-ubatan SRQ.
- 4 projek penyelidikan telah dimulai pada tahun 2017.
- Mengemaskini kertas kerja sediaan dengan rujukan yang baru.
- Mengemaskini rujukan untuk panduan penggunaan ubat selepas dibuka.
- Mengendalikan sebanyak 56 sesi CPD/CME sepanjang tahun 2017.
- Menerbitkan Bulletin/Drug Info Farmasi sebanyak 6 terbitan sepanjang tahun 2017.
- Mengadakan Perjumpaan Kelab Jurnal sebanyak 7 kali dan 7 artikel telah dinilai.
- Memberi latihan sangkutan WMTAC selama 2 minggu kepada 2 orang pegawai farmasi MTAC Warfarin dari Hospital Tawau dan Hospital Beluran.
- Mengemaskini semula Prosedur Operasi Piawai (SOP) MTAC Warfarin.
- Memberi latihan sangkutan DMTAC selama 2 minggu kepada 2 orang pegawai farmasi MTAC DM dari Klinik Kesihatan Lahad Datu dan Klinik kesihatan Semporna.
- Memberi latihan sangkutan DMTAC (in-house training) kepada 1 orang pegawai farmasi di HDOK.
- Mengemaskini semula Prosedur Operasi Piawai (SOP) MTAC Diabetes Mellitus.
- Mengemaskini semula Prosedur Operasi Piawai (SOP) MTAC Asma.
- Menganjurkan Bengkel Therapeutic Drug Monitoring (TDM) Zon Sandakan 2017 pada 09 September 2017 di Dewan Selingan, Aras 1, Blok Klinik Pakar, Hospital Duchess of Kent Sandakan.
- Mengadakan Latihan Pengguna (*User Training*) Cara Pengendalian Dan Keselamatan Penggunaan Gas Silinder untuk semua kakitangan wad/ klinik / jabatan dalam Hospital Duchess of Kent, Sandakan.
- Mengadakan latihan kebakaran bersama Unit bomba peringkat Unit Farmasi logistik pada Bulan Mei 2017.
- Mengemaskini Masterlist Ubat-ubatan di stor drug dan Masterlist Bukan Ubat-Ubatan stor surgical 2017.

33. Mengadakan Majlis Jamuan Hari Raya Aidil Fitri 2017 bagi Jabatan Farmasi, HDOK.
34. Menjalankan pemeriksaan sub stor Bekalan Perubatan dan Iv Drip di wad /unit hospital pada bulan Mac dan Disember 2017.
35. Menjalankan pemeriksaan dan pemverifikasi stor peringkat Jabatan Farmasi, HDOK pada Oktober 2017.
36. Mengadakan aktiviti-aktiviti Program Kenali Ubat Anda / Keselamatan Pengubatan (*Medication Safety*) sebanyak 27 kali:
 - Taklimat Medication Safety Bil 1/2017 pada 16 Januari 2017 di Dewan Selingan, HDOK Sandakan
 - Pameran Kenali Ubat Anda anjuran Pejabat Pendidikan Daerah Sandakan sempena Program Mesra Linus pada 13 Mac 2017 di SMKA Tun Juhar, Sandakan
 - Taklimat Medication Safety Bil 2/2017 pada 30 Mac 2017 di Dewan Selingan, HDOK Sandakan.
 - Ceramah Kenali Ubat Anda pada 19 Mei 2017 di HDOK Sandakan.
 - Pameran dan ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS sempena Hari Pemeriksaan Sakit Puan pada 20 Mei 2017 di Auditorium Borneo Cove Hotel, Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda sempena Kempen Kesedaran 999 & CPR pada 21 Mei 2017 di Ruang Legar Jabatan Kecemasan & Trauma, HDOK Sandakan.
 - Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 04 Jun 2017 di Pasar Tamu Sandakan.
 - Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 06 Jun 2017 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, Hospital Duchess of Kent, Sandakan
 - Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 20 Jun 2017 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, Hospital Duchess of Kent, Sandakan
 - Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 09 Julai 2017 di Pasar Tamu Sandakan
 - Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 11 Julai 2017 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, Hospital Duchess of Kent, Sandakan
 - Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 23 Julai 2017 di Pasar Tamu Sandakan
 - Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 26 Julai 2017 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, Hospital Duchess of Kent, Sandakan
 - Pameran dan Ceramah Kempen Penggunaan Ubat Berkualiti sempena Program Gaya Hidup Sihat pada 06 Ogos 2017 di Dewan Asrama Kompleks Sukan Sandakan
 - Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 08 Ogos 2017 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, Hospital Duchess of Kent, Sandakan
 - Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 20 Ogos 2017 di Pasar Tamu Sandakan
 - Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 22 Ogos 2017 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, Hospital Duchess of Kent, Sandakan
 - Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 03 September 2017 di Pasar Tamu Sandakan
 - Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 17 September 2017 di Pasar Tamu Sandakan
 - Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 19 September 2017 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, Hospital Duchess of Kent, Sandakan
 - Bengkel TOT Kenali Ubat Anda Zon Sandakan pada 12 Ogos 2017 di Bilik Mesyuarat Utama, Hospital Duchess of Kent, Sandakan
 - Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 08 Oktober 2017 di Pasar Tamu Sandakan
 - Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 22 Oktober 2017 di Pasar Tamu Sandakan
 - 2017 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, Hospital Duchess of Kent, Sandakan

- Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 05 dan 19 November 2017 di Pasar Tamu Sandakan
- Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 21 November dan 05 Disember 2017 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, Hospital Duchess of Kent, Sandakan
- ASMAR (Annual Scientific Meeting on Antimicrobial Resistance) pada 10 November 2017 di Ruang Legar Bangunan Klinik Pakar, Hospital Duchess of Kent, Sandakan.
- Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 24 Oktober



Gambar 3: Latihan Pengguna (User Training) Cara Pengendalian Dan Keselamatan Penggunaan Gas Silinder



Gambar 1: Pameran Hari Bersama Pelanggan Farmasi Klinik Pakar pada 22 Disember 2017



Gambar 2: Majlis Jamuan Hari Raya Aidil Fitri 2017 bagi Jabatan Farmasi, HDOK.


6.0 PENCAPAIAN

a) Aktiviti Kualiti

1. Projek penyelidikan (R&D)
 - telah dipersembahkan di *30th Sabah State Pharmacy R&D Conference 2017*
 - telah dipersembahkan di *30th Sabah State Pharmacy R&D Conference 2017*
 - telah diterbitkan di *Journal of Health Management*.
2. Sub stor Jabatan Farmasi HDOK Sandakan telah menerima Anugerah **NAIB JOHAN** dalam pertandingan **Anugerah Inovasi Pengurusan Penggunaan Ubat Secara Optimum 2017** Peringkat Kebangsaan Kategori Hospital anjuran Program Farmasi, KKM sempena Konvensyen Inovasi & Kreativiti Farmasi (KIKF) 2017.


b) Statistik

Graf 1: Jumlah Nilai Perolehan dan Pembekalan Farmasi Logistik (2013-2017)




LAPORAN TAHUNAN 2017


Graf 2: Jumlah Bilangan Preskripsi Diterima dan Bilangan Item Didispen Farmasi Klinik Pakar (2013-2017)




Graf 3: Jumlah Bilangan Preskripsi Diterima dan Bilangan Item Didispen Farmasi Kecemasan (2013-2017) [Luar Waktu Pejabat]




Graf 4: Jumlah Kaunseling MTAC dan Farmasi Klinik Pakar [FKP] (2013-2017)




Graf 5: Jumlah Preskripsi Susulan Farmasi Klinik Pakar yang menggunakan Perkhidmatan Tambah Nilai [VAS] (2014-2017)




Graf 6: Jumlah Item Dibekal oleh Farmasi Pesakit Dalam [Unit Dos (UD), Unit of Use (UOU) & Floor Stock (FS)] (2013-2017)




Graf 7: Bedside Kaunseling dan Discaj Kaunseling oleh Farmasi Wad (2013-2017)




Graf 8: Jumlah CP1 dan CP2 Farmasi Wad (2013-2017)



Graf 9: Jumlah Prabungkusan Sediaan Internal, Sediaan Eksternal dan Tablet (2013-2017)




Graf 10: Perkhidmatan Maklumat Ubat [Farmasi Klinik Pakar (FKP), Farmasi Pesakit Dalam (FPD), Farmasi Wad (FWad) & DIS](2013-2017)




LAPORAN TAHUNAN 2017


Graf 11: Jumlah Intervensi [Farmasi Wad (FWad), Farmasi Pesakit Dalam (FPD) & Farmasi Klinik Pakar (FKP)] (2013-2017)




Graf 14: Jumlah Sediaan Ekstemporanus [Farmasi Klinik Pakar (FKP) & Farmasi Galenikal (Gal)] (2013-2017)




Graf 12: Jumlah Adverse Drug Reaction (ADR) dan Alahan Ubat (2013-2017)




Graf 15: Bilangan Assay dan Bilangan Kes Keracunan Paracetamol (PCM) Farmasi Farmakokinetik Klinikal (2013-2017)



Graf 13: Jumlah Sediaan Internal dan Sediaan Eksternal (2013-2017)



Graf 16: Bilangan Pesakit dan Rekonstitusi Ubat Sitotoksik [CDR](2014-2017)



7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

Sebagaimana perancangan pada tahun 2017 yang lepas, semua wad telah mengamalkan *Unit Dose System* (UDS) sepenuhnya pada penghujung tahun 2017. Walaubagaimanapun ada sasaran dan cadangan yang perlu dilaksanakan, antaranya adalah:

- Mengoptimalkan ubat-ubatan yang ada dengan menambah bilangan wad yang melaksanakan Sistem '*Patient's Own Medicine*' sekurang-kurangnya 75% di wad perubatan
- Memulakan perkhidmatan Penyediaan Ubat Titis Mata sekiranya mempunyai tempat yang bersesuaian untuk meletakkan '*Kabinet Laminar Flow*'.
- Memohon lagi peralatan untuk penambahbaikan aspek keselamatan untuk unit-unit Farmasi terutamanya Unit Farmasi Logistik.
- Pelan penjimatan peringkat hospital diteruskan dan mengambilkira keperluan HDOK sebagai 'hospital lead' untuk Program Hospital Kluster bagi Daerah Sandakan.
- Meningkatkan kesedaran dan promosi mengenai Perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Farmasi antaranya Perkhidmatan Tambah Nilai / Value-added Services (VAS) dan Perlaksanaan Aktiviti Penggunaan Ubat Berkualiti (PUB) ataupun Kempen Kenali Ubat Anda. Program PUB ini adalah untuk memastikan maklumat dan kesedaran disebarkan kepada orang awam dan seterusnya menjayakan DUNAS/ Malaysia National Medicines Policy (MNMP).

8.0 PENUTUPAN

Tahun 2017 merupakan satu tahun yang mencabar bagi Unit Farmasi Klinik Pakar, Jabatan Farmasi untuk mencapai KPI Masa Menunggu dengan sistem PhIS. Walaubagaimanapun, Jabatan Farmasi telah berjaya dalam pertandingan Anugerah Inovasi Pengurusan Penggunaan Ubat Secara Optimum 2017 Peringkat Kebangsaan Kategori Hospital anjuran Program Farmasi, KKM dengan Anugerah Naib Johan. Pada tahun yang akan datang, Jabatan Farmasi HDOK akan berusaha berterusan supaya objektif Jabatan Farmasi HDOK sentiasa tercapai.

UNIT PROMOSI KESIHATAN

1.0 PENGENALAN

Unit Promosi Kesihatan merupakan satu unit yang menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan bagi membantu menggalakkan amalan tingkahlaku yang sihat di kalangan pesakit dan kakitangan hospital. Unit Promosi Kesihatan akan beroperasi sebagai satu unit yang memberi perkhidmatan pendidikan dan promosi kesihatan yang berpaksi kepada perubahan tingkahlaku kesihatan yang positif.

2.0 OBJEKTIF

Objektif Umum

Untuk memperkasakan pesakit dan keluarga dengan pengetahuan, sikap dan kemahiran yang spesifik bagi membolehkan mereka menguruskan sendiri penyakit ke arah peningkatan kualiti hidup yang lebih baik.

Objektif Khusus

- Menyediakan pelanggan (pesakit, keluarga pesakit, orang awam dan kakitangan hospital) dengan intervensi-intervensi pendidikan pesakit secara berkala.
- Menyediakan perkhidmatan berhenti merokok secara sistematik dan berkesan.
- Beroperasi sebagai One Stop Center bagi menyalurkan maklumat kesihatan kepada pelanggan.
- Menyediakan latihan berkaitan pendidikan pesakit dan pendidikan kesihatan kepada warga kerja.

Visi

Memberi perkhidmatan pendidikan pesakit dan promosi kesihatan yang cemerlang.

Misi

Memberikan maklumat dan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan melalui aktiviti-aktiviti pendidikan pesakit yang menjurus ke arah perubahan tingkahlaku yang positif.

3.0 PERJAWATAN

Jawatan	Perjawatan	Pengisian	Kosong
Pegawai Penerangan (Pelajaran Kesihatan)	1	1	-

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Jabatan / Unit

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Skop Perkhidmatan di Unit Promosi Kesihatan HDOK, Sandakan ialah;

- Menjalankan aktiviti Pendidikan Pesakit
- Mengendalikan Perkhidmatan Berhenti Merokok
- Menyelaras Program Aktiviti Fizikal
- Menyelaras Promosi Pendermaan Organ
- Menyelaras Program Literasi Kesihatan
- Menerbit dan menyediakan bahan-bahan Pendidikan Kesihatan (Risalah, brochure, infografik, videografik)

5.0 AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2017

Sambutan Hari Kesihatan Sedunia Peringkat Hdok, Sandakan

Bersempena dengan Hari Kesihatan Sedunia yang disambut pada setiap 07 April di seluruh Negara, Hospital Duchess of Kent, Sandakan melalui Unit Promosi Kesihatan turut mengadakan sambutan tersebut dengan bertemakan Kemurungan. Jom Bincang. (*Depression. Let's Talk*). Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengarah Hospital, Dr Francis Paul dengan dihadiri seramai lebih kurang 200 orang tetamu dalam kalangan orang awam dan kakitangan hospital. Turut hadir pada majlis ini ialah wakil Pengarah Kolej Kejururawatan Sandakan. Melalui program ini, warga HDOK dan orang awam dapat mempertingkatkan kesedaran mereka mengenai isu-isu kesihatan global semasa.

Antara aktiviti yang diadakan pada hari tersebut ialah;

- Pameran oleh Pusat Sumber Diabetes, Unit Kawalan Infeksi, Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental, Jabatan Optamologi, Unit Kesihatan Awam dan Jabatan Sajian & Dietetik.

2. Pemeriksaan Kesihatan (BMI dan BP) oleh Jabatan Sajian & Dietetik dan Pusat Sumber Diabetes.
3. Ceramah Kesihatan oleh Dr. Mohd Hazim Abdullah dan Dr Nur Aqilah.
4. Derma Darah oleh Unit Tabung Darah.
5. *Jumbo Sale* oleh Jabatan Rehabilitasi.



Gambar 1: Sesi Lawatan ke Tapak Pameran oleh Pengarah Hospital.

KURSUS CARA HIDUP SIHAT

Kursus ini merupakan Program Tahunan yang dijalankan oleh Unit Promosi Kesihatan yang berobjektifkan;

- 1.1. Memastikan para peserta mempunyai pendedahan khusus mengenai penjagaan berat badan yang lebih ideal.
- 1.2. Mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit yang disebabkan masalah berat badan yang tidak ideal seperti Diabetes, Hipertensi, penyakit jantung, *sleep apnea*, dan sebagainya.
- 1.3. Mengelakkan peserta daripada terus mengamalkan cara hidup yang sedenter (tidak aktif/tidak melakukan aktiviti fizikal).



Gambar 1: Sesi Ceramah kepada para peserta program.

KAYUHAN HARAPAN “25KM FUNRIDE”

Seramai 230 orang peserta dari pelbagai Kelab dan Persatuan Basikal di daerah ini telah menjayakan Program Kayuhan Harapan “25KM FUNRIDE” Anjuran Unit Promosi Kesihatan dengan kerjasama Jawatankuasa Pendermaan Organ dan Tisu (TOP TEAM) HDOK, Sandakan sempena Kempen Jalan Minggu Kesedaran Pendermaan Organ Peringkat Hospital Duchess of Kent, Sandakan Tahun 2017.

Program yang julung kali diadakan ini dianjurkan bagi tujuan mempromosi dan meningkatkan pengetahuan mengenai pendermaan organ dalam kalangan peserta dan orang awam, di samping memupuk amalan gaya hidup sihat dalam kalangan peserta program. Kayuhan sejauh 25km ini telah disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan & Kewangan Majlis Perbandaran Sandakan, Encik Peter Stephen Ampadu diiringi oleh Pengarah Hospital, Dr Francis Paul.



Gambar 1: Kayuhan daripada 230 orang peserta program.

6.0 PENCAPAIAN

BIL.	PROGRAM/ AKTIVITI	JUMLAH
01.	Penerbitan Bahan Pendidikan Kesihatan	2500 keping (termasuk poster, baner, phamplet,

		brochure, bunting)
02.	Perkhidmatan Berhenti Merokok	5 orang klien berjaya berhenti merokok dalam tempoh kohort.
03.	Sambutan Hari Khas Kesihatan	2 program
04.	Ceramah Kesihatan	18 kali ceramah kesihatan di Sandakan.FM
05.	Latihan Anggota Kesihatan	2 kali
06.	Pameran Kesihatan	15 kali

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

Unit Promosi Kesihatan merancang untuk mengukuhkan lagi Program Aktiviti Fizikal dalam kalangan kakitangan hospital, selain mengukuhkan lagi Perkhidmatan Berhenti Merokok di hospital ini melalui promosi yang berterusan dari masa ke semasa.

8.0 PENUTUPAN

Sepanjang tahun 2017, Unit Promosi Kesihatan telah berjaya menjalankan aktiviti-aktiviti yang disarankan oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan meskipun mendapat kekangan dari segi kewangan. Walau bagaimanapun, unit ini akan sentiasa memperbaiki mutu dan kualiti perkhidmatan sejajar dengan keperluan dan kehendak semasa.

PUSAT PENYELIDIKAN KLINIKAL (CRC)

1.0 PENGENALAN

Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) Hospital Duchess of Kent, Sandakan adalah Pusat Penyelidikan Klinikal yang ke-empat di Sabah selain daripada Pusat Penyelidikan klinikal Queen Elizabeth 1 & 2 dan Pusat Penyelidikan klinikal Hospital Likas ditubuhkan pada 21st July 2014 dan lengkap sepenuhnya pada 26th Disember 2014. Penubuhan CRC HDOK adalah diatas usaha sama pengarah Hospital iaitu Dr Francis Paul dan pengarah Pusat Penyelidikan Klinikal kebangsaan (NCRC) iaitu Dato' Dr Goh Pik Pin. Pusat penyelidikan Klinikal Hospital Duchess of Kent telah di terajui Mr Lai Chung Ket (surgeon HDOK), adalah selaras dengan pengetahuan terkini dan rawatan pesakit untuk membangunkan kapasiti sumber manusia dalam penyelidikan perubatan sama ada melalui peringkat jabatan atau di unit masing-masing

Peranan utama CRC adalah dalam mempromosi, menyokong dan menjalankan “*Investigator Initiated Research*” oleh pengamal perubatan dan kakitangan hospital lain dibawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Untuk menampung keperluan ini, Pusat Penyelidikan Klinikal Hospital Duchess of Kent, Sandakan mengadakan dan menganjurkan **BENGGEL BERSIRI** dan beberapa lagi bengkel lain demi mencapai fungsi dan peranan Pusat Penyelidikan Klinikal di tubuhkan di HDOK seperti *GOOD CLINICAL PRACTICE (GCP)* serta pensijilan bagi peserta yang lulus dalam peperiksaan *GCP*. Tujuan utama bengkel bersiri dan lain-lain bengkel diadakan adalah untuk melengkapkan diri setiap peserta penyelidikan klinikal dalam penyediaan penyelidikan klinikal sama ada melalui peringkat jabatan atau unit masing-masing. Adalah diharapkan bahawa bengkel ini dapat melengkapkan setiap peserta dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan penyelidikan klinikal mereka.

2.0 OBJEKTIF

Objektif Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC)

1. Untuk menggalakkan budaya penyelidikan di kalangan pekerja penjagaan kesihatan di timur kawasan pantai sabah

2. Untuk menyebarkan kemahiran dalam metodologi, alat statistik dan teknik dalam mereka bentuk dan menjalankan ujian klinikal untuk menyediakan *health care workers* kesihatan prinsip metodologi dan biostatistik dalam penyelidikan klinikal
3. Memperolehi IIR dari setiap peserta dan juga kakitangan dari HDOK, Sandakan

Misi

Untuk melengkapkan kakitangan HDOK dengan kemahiran dalam menjalankan kualiti dan penyelidikan klinikal.

Visi

Untuk menggalakkan, menyokong dan menjalankan kualiti dan penyelidikan klinikal etika dan latihan dalam penyelidikan.

3.0 JAWATANKUASA CRC HDOK

Jawatankuasa	Posisi
Dr Francis Paul	Pengarah
Mr Lai Chung Ket	Ketua Unit CRC
Kong Kian Keong	Timbalan ketua unit
Dr Ooi Cheng Lee	Pegawai Perubatan UD44
Sr Rusnah Sumaila	Ketua Jururawat Admin manager

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Jabatan / Unit

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang diberikan oleh Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) HDOK

1. *Support for Research Projects*
 - *Assist in protocol Writing*
 - *NMRR online Registration*
 - *Consultation of statistical and research project*
 - *Assist in research Grant Application*
 - *Mentorship for research protocol development.*
2. *Research Training, Courses & Workshop*
3. *Research methodology workshop*
4. *Good Clinical Practice*
5. *Other specific workshop that are useful and related to daily practice.*

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

Sebagai cawangan Network Pusat Penyelidikan klinikal (CRC) di Sabah, CRC HDOK juga di jemput melibatkan diri pada SABAH RESEARCH DAY yang telah dijalankan pada 13-14.09.2017 di Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu. Penglibatan CRC staf semasa Sabah Research Day termasuklah menjadi seketeriat program, menjadi penceramah jemputan yang diberikan oleh Mr Kent Kong Kian Keong dan sebagai Juri Bahagian Poster yang diwakili oleh Mr Lai Chung Ket.

Pihak CRC HDOK telah menaja beberapa orang pakar dan pegawai perubatan untuk bertanding dalam kajian penyelidikan klinikal sama ada dalam bentuk oral presentasi dan poster presentasi. Sebanyak 2 poster kajian penyelidikan telah dipertandingkan dan satu pada bahagian oral presentasi. CRC HDOK tidak menaja kakitangan dari Hospital Duchess of Kent, Sandakan di sebabkan tiada abstrak yang terpilih dari HDOK.

Gambar Kenangan Bersama Staf Crc Sabah Semasa Sabah Research Day Di QEH II, 13-14.09.2017



4	Bengkel Protocol Development & Writing	12-13/5/17	CRC UNIT
5	Bengkel Good Clinical Practice (GCP)	16-19.8.17	Hotel Livingston batu 4
6	BASIC Research Methodology Bil 2/17 khas untuk farmasi staf sahaja	11-12.11.17	CRC UNIT

Gambar Untuk Bengkel Bersiri



Aktiviti Semasa Bengkel GCP



Peserta Menduduki Peperiksaan GCP Pada 19.08.2017



6.0 PENCAPAIAN

Bil	Bengkel/Kursus	Tarikh	Lokasi
1	Bengkel introduction to Clinical Research (ICR)	24-25/2/17	CRC UNIT
2	Bengkel Basic Research Methodology	23-24/3/17	CRC UNIT
3	Bengkel Basic Research Intermediate Biostatistics	24-25/4/17	CRC UNIT

Peserta Sabah Research Day
Dr Loh Sue Ann (Poster Presentasi)



3rd prize Poster Presentasi.



Pencapaian Dalam Kajian Penyelidikan Klinikal Tahun 2017:

BiL	Perkara	Jumlah
1	IIR	11
2	ISR	0
3	POSTER PRESENTASI	6
4	ORAL PRESENTASI	5

5	FEASIBILITY STUDY	0
6	GCP RESULT	48 peserta

Pencapaian Dalam IIR 2017:

BIL	Research Title	Author
1	Validation of heamatology analyser Unicel @ DXH 800 coulter with cell DYN Ruby & sysmes XN1000	Mr. Logeswaran
2	An Implementation of "System maklumat patalogy (SMP) on ABG or VBG investigation at pathology Department, HDOK, Sandakan	Nurul Khalbi Ali
3	An Evaluation of a G6PD test kit (DIALAB) by using colorimetric Method via visualization	MR. Logeswaran
4	Assessment and Improving laboratory result retrieval time in Hospital Duchess of Kent Sandakan, Pathology Department HDOK, Sandakan.	Michelle Lee Ling Ling,
5	A prognostic model for predicting survival in Neonates with Meconium Aspiration Syndrome – A resource-limited single center experience.	Dr Jasminder & collaborasi CRC
6	Prevalence of diabetic retinopathy in Sandakan Health Clinic 2016 and its associated factors	Dr Loh Sue Anne
7	Descriptive study on cause of under 5 Mortality in Sandakan 2015-2016	Dr Kalai Chandini collaborasi CRC (JPL & CRC)
8	Prevalence of Depression High risk antenatal mother and its associated factors	Dr Raihan Hassan(FMS) & CRC unit

LAPORAN TAHUNAN 2017

9	A survey of what information research participants would like to know in informed consent forms in Biomedical Research (multicenter study)	CRC STAFF (mr Kong Kian Keong)
10	A 2 –years review (2015-2016) on the treatment response of patient diagnosed with P. knowlesi receiving arthesiminin derivatives in HDOK	CRC STAFF (mr Kong Kian keong)
11	A prospective observational study on the medication care by caregivers among caregiver- dependent patients in Sabah.	Hannah kwan Huis Shuang colaborasi CRC

PRESENTATION 2017: oral presentation

Date	Research Title	Venue
22.3.17	Validatioan of heamatology analyser Unicel @ DXH 800 coulter with cell DYN Ruby & sysmes XN1000	Sabah MOH Science officers convention
22.3.17	An Implementation of “System maklumat patalogy (SMP) on ABG or VBG investigation at pathology Department, HDOK, Sandakan	Sabah MOH Science officers convention
22.3.17	An Evaluation of a G6PD test kit (DIALAB) by using colorimetric Method via visualization	Sabah MOH Science officers convention
23-26.3.17	A prognostic model for predicting survival in Neonates with Meconium Aspiration Syndrome – A resource-limited	24 th regional Congress of the perinatal society of Malaysia

	single centre experience.	
12-13.9.17 & 12-15.10.17	Prevalence of diabetic retinopathy in Sandakan Health Clinic 2016 and its associated factors	Sabah Research Day & Diabetes Asia 2017 Conference
13-14.9.17	Descriptive study on cause of under 5 Mortality in Sandakan 2015-2016	Sabah Research Day

POSTER PRESENTATION 2017:

Date	Research Title	Venue
22.3.17	Assessment and Improving laboratory result retrieval time in Hospital Duchess of Kent Sandakan, Pathology Department HDOK, Sandakan.	Sabah MOH Science officers convention
22.3.17	An Evaluation of a G6PD test kit (DIALAB) by using colorimetric Method via visualization	Sabah MOH Science officers Convention
22.3.17	An Implementation of “System maklumat patalogy (SMP) on ABG or VBG investigation at pathology Department, HDOK, Sandakan	Sabah MOH Science officers Convention
13-14.9.17	Prevalence of diabetic retinopathy in Sandakan Health Clinic 2016 and its associated factors	Sabah Research Day
13-14.9.17	Descriptive study on cause of under 5 Mortality in Sandakan 2015-2016	Sabah Research Day

ANUGERAH 2017:

Type of Presentation	Project Title	Principal investigator
Oral	A prognostic model for predicting survival in Neonates with Meconium Aspiration Syndrome – A resource-limited single centre experience.	Dr. Jasmin Kaur Collaboration with CRC HDOK 1st place Best oral presentation
Poster	Prevalence of diabetic retinopathy in Sandakan Health Clinic 2016 and its associated factors	Dr Loh Sue Anne 3 rd place
poster	An Evaluation of a G6PD test kit (DIALAB) by using colorimetric Method via visualization	MR. Loges Consolation

Melaksanakan bengkel GCP merupakan salah satu program yang mesti dijalankan di setiap Pusat Penyelidikan Klinikal di seluruh Malaysia.

KEPUTUSAN GCP 2017:

Peserta	LULUS	GAGAL
48	39 (81.25%)	9 (18.75%)

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

1. Untuk memastikan akan kelesaan para peserta bengkel GCP tahun 2018, pihak kami akan cuba mengadakan diluar dari Hospital Duchess of kent jika mendapat sokongan dari Pengarah Hospital
2. Memohon buku GCP terkini dengan edisi terbaharu bagi peserta bengkel GCP
3. Mendapatkan IIR, ISR, PUBLICATION dan mengadakan bengkel di Hospital

Kinabatangan dan Hospital Tawau dan HDOK khususnya.

4. Berikut adalah bengkel yang dirancang pada tahun 2018:

Bil	Bengkel/Kursus	Tarikh	lokasi
1	Bengkel introduction to Clinical Research (ICR	9-10.02.18	CRC UNIT
2	Bengkel Basic Research Methodology	9-10.03.18	CRC UNIT
3	Bengkel Basic Research Intermediate Biostatistics	13-14.04.18	CRC UNIT
4	Bengkel Protocol Development & Writing	11-12.05.18	CRC UNIT
5	Bengkel Good Clinical Practice (GCP)	19-21.07.18	Belum dibincangkan.

8.0 PENUTUPAN

Pada tahun 2017, Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) dan kerjasama dari kakitangan hospital Duchess of Kent Khususnya telah menyumbang *evidence-based data* dalam perubatan demi penjagaan pesakit.

Pihak kami juga amat mengharapkan agar lebih ramai kakitangan terutamanya pegawai perubatan dan pakar perubatan, jururawat dan pengurusan berminat dalam IIR (*Investigator Initiated Research*) dan mengukuhkan lagi akan *evidence-based data* demi penjagaan dan perawatan pesakit lebih berkualiti dan mesra pelanggan. CRC HDOK telah Mencapai sasaran yang telah ditetapkan sejajar dengan misi dan visi HDOK. Jabatan berharap akan dapat meningkatkan lagi prestasi jabatan ini bagi tujuan penyampaian proses perkhidmatan yang lebih berkualiti dan mesra pelanggan.

PERKHIDMATAN PENGURUSAN KLINIKAL

**UNIT KESIHATAN AWAM
UNIT KEJURURAWATAN
UNIT KAWALAN INFEKSI**

UNIT KESIHATAN AWAM

1.0 PENGENALAN

Unit Kesihatan Awam Hospital Duchess Of Kent Sandakan telah ditubuhkan pada Jun 2005 dengan hanya seorang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U32 pada ketika itu. Pada tahun 2009 seorang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29 telah ditempatkan di Unit ini sebagai tambahan dan hanya bertanggungjawab kepada Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Pegawai di Unit Kesihatan Awam bertanggungjawab terus kepada Pengarah Hospital dari segi Pentadbiran, Emolumen, Pelan Tindakan Kerja Tahunan dan Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) Unit Kesihatan Awam adalah unit sokongan yang memberi perkhidmatan dalam aktiviti pencegahan penyakit berjangkit disamping berperanan sebagai perantara Kesihatan Awam dengan pihak pengurusan Hospital.

2.0 OBJEKTIF

Objektif utama Unit Kesihatan Awam ialah untuk menguruskan, merancang, melaksana dan menilai aktiviti program dalam aspek-aspek perkhidmatan kesihatan awam di hospital terutama dalam aktiviti kawalan penyakit berjangkit, keselamatan dan kualiti makanan, kesihatan persekitaran dan keselamatan & kesihatan pekerjaan.

Adalah menjadi hasrat Unit Kesihatan Awam untuk memastikan satu situasi kesihatan, keceriaan dan keselamatan kepada semua anggotanya dan orang-orang yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti Hospital Duchess Of Kent Sandakan agar sentiasa berada di dalam keadaan persekitaran kerja yang sihat dan selamat sebagaimana kehendak-kehendak perundangan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Unit Kesihatan Awam akan berusaha bersama-sama pihak pengurusan dan anggota-anggota hospital untuk mencapai matlamat ini melalui kerjasama dan komitmen mereka. Untuk membekalkan perkhidmatan kesihatan yang praktikal dan berkesan kepada anggota kakitangan hospital serta pelanggan dalam bidang pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit agar tidak berlaku perebakan penyakit berjangkit di dalam kawasan hospital. Diantaranya:

- Merancang dan melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit supaya tidak berjangkit dari pesakit kepada pesakit, pelawat dan warga kerja.
- Merancang, mengatur dan menyelaras kerja-kerja pencegahan dan kawalan penyakit bawaan vektor seperti Demam Denggi / Demam Denggi Berdarah di hospital.
- Merancang, mengatur dan menyelaras aktiviti Keselamatan dan Kualiti Makanan di hospital.
- Merancang, menyelaras dan menilai aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penguatkuasaan Akta – akta Kesihatan Awam di hospital.
- Merancang, melaksanakan dan memantau aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan di hospital.
- Merancang, menyusun dan menyelaras aktiviti bagi memastikan Hospital Duchess Of Kent Sandakan bebas daripada asap rokok melalui pemantauan dan penguatkuasaan.
- Berkerjasama dengan Unit Kawalan Mutu Air Minum di Pejabat Kesihatan Kawasan Sandakan untuk persampelan air minum.

3.0 PERJAWATAN

Unit Kesihatan Awam diketuai oleh Dr. Mohd Hazim Abdullah Gred UD44 sebagai Ketua Unit dan dianggotai oleh seorang (1) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan gred U32, seorang (1) Ketua Jururawat U32 (KUP), seorang (1) Pen. Pegawai Kesihatan Persekitaran U29, Seorang (1) Jururawat Terlatih U29 dan seorang (1) Pembantu Kesihatan Awam (PKA) U17 yang membantu dalam tugas-tugas sub-unit.

Jawatan	Perjawatan	Cadangan Tambahan Jawatan	Pengisian	Kosong
Pegawai Perubatan UD 44	1	1	1	0
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran U32	1	0	1	0
Ketua Jururawat U32 (KUP)	1	0	1	0
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran U29	1	1	1	0
Jururawat Terlatih U29	1	0	1	0
Pembantu Perubatan U29	0	1	0	0
Pembantu Kesihatan Awam U19	1	1	1	0
Pembantu Tadbir N19	0	1	0	0
Jumlah:	6	4	6	0

Jadual 1: Jumlah perjawatan di Unit Kesihatan Awam

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

1. Kawalan Penyakit Berjangkit

Merancang dan melaksanakan segala langkah pencegahan dan pengawalan bagi setiap penyakit agar tidak menular kepada pesakit-pesakit lain, anggota dan orang awam semasa di dalam hospital.

2. Kawalan Vektor

Merancang, mengatur dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit bawaan vektor.

3. Keselamatan Dan Kualiti Makanan

Menjalankan pemantauan bagi memastikan bahawa semua makanan yang disediakan dan dijual adalah selamat untuk dimakan dan mematuhi perundangan serta memastikan semua pengendali makanan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

4. Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja

Merancang, melaksanakan dan memantau program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di hospital.

5. Penguatkuasaan

Merancang, mengurus, menyelaraskan dan menilai aktiviti yang berkaitan dengan penguatkuasaan Akta Makanan 1983, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 dan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.

- Program Imunisasi Hepatitis B dikalangan anggota Hospital.
- Program Saringan Tuberculosis (TIBI) dikalangan anggota Hospital
- Program Pemeriksaan Kesihatan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam berumur 40 tahun keatas (Klinik 40).
- Klinik Kakitangan Hospital Duchess Of Kent Sandakan.
- Klinik Berhenti Merokok
- Pemeriksaan Kesihatan (Medical Check-Up) anggota yang baru melapor diri dan anggota yang pergi melanjutkan pelajaran (eg – Post Basic and Ijazah Sarjana).

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

1. Hospital Performance Indicator Assurance (Hpia)

Unit Kesihatan Awam memegang 2 indikator HPIA iaitu:-

- Audit Keselamatan
 - Dilaksanakan 4 kali setahun melibatkan fasiliti-fasiliti di dalam hospital
- Mortaliti
 - Bertanggungjawab mengumpul dan menganalisa data-data mortaliti.
 - Bertanggungjawab menjaga mortaliti penyakit berjangkit, penyakit tidak berjangkit, ibu mengandung, bawah 5 tahun dan POMR

2. Akreditasi Hospital

Unit Kesihatan Awam juga bertanggungjawab kepada program akreditasi hospital untuk menjaga elemen Environmental Safety Services sepertimana yang diperlukan oleh MSQH 2017:-

- Pengurusan dan Organisasi
- Pengurusan Sumber Manusia dan Pentadbiran.
- Polisi dan Prosedur
- Fasiliti dan Peralatan
- Keselamatan dan Aktiviti Penambahbaikan
- Keperluan Khas
- Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- Keselamatan Kebakaran
- Pengurusan Bencana
 - Dalaman
 - Luaran
- Pengurusan Bahan Berbahaya
- Sisa domestik dan kitar semula
- Perkhidmatan Keselamatan
- Perkhidmatan Kawalan vektor dan Serangga

6.0 PENCAPAIAN

1. Kawalan Penyakit Berjangkit

a. Pencapaian Sistem E-Notifikasi

Pada tahun 2017 semua notifikasi telah diinput ke dalam sistem oleh Unit Kesihatan Awam.

Bil	Penyakit Berjangkit	Bil. Kes 2017			
		Input Notifikasi	Daftar Kes (%)	Kes Abai (%)	Lewat Notifikasi
≤ 24 jam					
01	Cholera	22	0 (0)	0 (0)	0
02	Food Poisoning	150	70 (46.6)	80 (53.3)	0
03	Poliomyelitis	1	0 (0)	0	0
04	Diphtheria	8	2 (25)	6 (75)	0
05	Measles	30	18 (60)	12 (40)	0
06	Dengue Fever/DHF	745	192 (25.9)	553 (74.2)	0
07	Yellow Fever	0	0 (0)	0 (0)	0
08	Ebola	0	0 (0)	0 (0)	0
09	Rabies	0	0 (0)	0 (0)	0
10	Plague	0	0 (0)	0 (0)	0
11	Chikungunya	0	0 (0)	0 (0)	0
≥ 7 Hari					
01	Dysentery	96	0 (0)	96(100)	0
02	Typhoid/Paratyphoid	11	5 (45.5)	6 (54.5)	0
03	Viral Hepatitis All Types	113	99 (87.6)	14 (12.3)	0
05	Tetanus Neonatal	4	4 (100)	0 (0)	0
06	Tetanus Others	3	3 (100)	0 (0)	0
07	Pertussis (W. Cough)	19	11 (57.9)	8 (42.1)	0
08	Malaria	91	56 (61.5)	35 (38.5)	0
09	Typhus	0	0 (0)	0 (0)	0
10	Leprosy	0	0 (0)	0 (0)	0
11	Tuberculosis	187	173 (92.5)	14 (7.5)	0
12	Chancroid	0	0 (0)	0 (0)	0
13	Gonorrhoea	7	2 (28.6)	5 (71.4)	0
14	HIV	15	6 (40)	9 (60)	0
15	AIDS	2	2 (100)	0 (0)	0
16	Syphilis	27	13 (48.1)	14 (51.9)	0
17	HFMD	49	39 (79.6)	10(20.4)	0
18	Relapsing Fever	0	0 (0)	0 (0)	0
19	Viral Encephalitis	3	1 (33.3)	2 (66.6)	0
20	Leptospirosis	59	12 (20.3)	47 (79.6)	0
21	Melioidosis	0	0 (0)	0 (0)	0
JUMLAH					

Jadual 1: Daftar Penyakit Berjangkit (e-Notifikasi) 2017.

b. Pencapaian Acute Gastroenteritis (Age)

AGE merupakan satu indikator yang digunakan bagi memantau kejadian penyakit berjangkit bawaan air dan makanan. Melalui pemantauan secara mingguan, pihak Pejabat Kesihatan akan bertindak sekiranya kes AGE meningkat melebihi "action line".

TAHUN	UMUR											
	<1		1-4		5-9		10-19		20-59		>60	
	IP	OP	IP	OP	IP	OP	IP	OP	IP	OP	IP	OP
2017	551	122	740	244	534	96	470	19	568	46	275	18

IP - inpatient / OP - outpatient
 Sumber: Laporan wad-wad Hospital Duchess Of Kent Sandakan

Jadual 2 : Jadual menunjukkan jumlah kes penyakit cirit-birit (AGE) mengikut wad-wad dan Jabatan Kecemasan Dan Trauma, Hospital Duchess Of Kent Sandakan tahun 2017

2. Laporan Kawalan Vektor

Aedes Survey merupakan aktiviti pemeriksaan untuk mengenalpasti tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes di kawasan kawasan hospital. Ini merupakan aktiviti penguatkuasaan dan sebarang penemuan tempat pembiakan akan dikenakan tindakan undang-undang.

Bil	Tahun	Bil. Aedes Survey	Bil. Bekas Yang Diperiksa	Bil. Bekas Positif Jentik-Jentik	Amaun Abate 1%Sg Digunakan	Bil. Bekas Pembiakan Dimusnahkan
1	2017	188	39 605	0	520g	32

Sumber: Laporan setiap wad Hospital Duchess Of Kent Sandakan

Jadual 3: Jadual menunjukkan pencapaian aktiviti pemeriksaan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes di kawasan Hospital Duchess of Kent Sandakan tahun 2017

3. Penguatkuasaan Undang-Undang

Aktiviti penguatkuasaan adalah komponen penting dalam memastikan setiap peruntukkan undang-undang adalah dipatuhi. Unit Kesihatan Awam bertanggungjawab dalam penguatkuasaan Akta Makanan 1983, Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, Peraturan-peraturan 2009 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (Rujuk Jadual 4). Data dalam.

4. Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan

a. Klinik Staff

Unit Kesihatan Awam menyediakan perkhidmatan klinik staff untuk anggota kakitangan hospital duchess of kent sandakan. Namun perkhidmatan ini masih terhad kepada penyakit yang ringan sahaja memandangkan klinik ini masih kekurangan peralatan yang diperlukan untuk beroperasi dengan sepenuhnya. Klinik ini juga memerlukan samada pembantu perubatan atau Jururawat terlatih untuk pengurusan klinik yang lebih lancar.

LAPORAN TAHUNAN 2017

Bil	AKTIVITI	TAHUN 2017
KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN		
1	Bil. Operasi Bersama PPK	0
2	Bil. Premis Makanan Diperiksa	0
3	Bil. Notis 32B Dikeluarkan	0
3	Bil. Premis Yang Ditutup (Seksyen 11, Akta Makanan 1983)	0
KAWALAN HASIL TEMBAKAU		
1	Bil. Rondaan Dijalankan	116
2	Bil. Orang Yang Tidak Diambil Tindakan (Amaran)	101
3	Bil. Notis 32B Yang Dikeluarkan	29
4	Bil. Kompaun Dikeluarkan	29
5	Bil. Kompaun Yang Dibayar	29
6	Bil. Kompaun Yang Belum Dibayar	0
6	Jumlah Amaun Kompaun Yang Telah Dibayar	3625
7	Bil. Kes Yang Dirujuk Ke TPR	0
KAWALAN VEKTOR		
1	Bil. Operasi Dijalankan (Bersepadu)	0
2	Bil. Perintah Notis (Seksyen 6) Yang Dikeluarkan	0
3	Bil. Kompaun Dikeluarkan	0
4	Bil. Kompaun Yang Dibayar	0
4	Jumlah Amaun Kompaun Yang Telah Dibayar	0
6	Bil. Kes Yang Dirujuk Ke TPR	0

Jadual 4, pencapaian aktiviti penguatkuasaan undang-undang Unit Kesihatan Awam Hospital Duchess of Kent Sandakan tahun 2017

BIL	BULAN	TAHUN 2017
1	JANUARI	22
2	FEBRUARI	22
3	MAC	51
4	APRIL	2
5	MEI	0
6	JUN	0
7	JULAI	10
8	OGOS	4
9	SEPTEMBER	18
10	OKTOBER	14
11	NOVEMBER	1
12	DISEMBER	2
JUMLAH		146

Jadual 5: Jumlah Kedatangan Kakitangan ke klinik staff pada 2017

b. Laporan Kejadian Tertusuk Benda Tajam (Sharp Injury)

Ini merupakan kes-kes anggota yang terlibat dengan tertusuk benda tajam. Kes yang terlibat adalah anggota kakitangan hospital. Pengurusan *Needle Stick Injuries* dan *Sharp Injuries* adalah penting untuk menjaga keselamatan dan kesihatan anggota.

BIL	BULAN	TAHUN 2017
1	JANUARI	1
2	FEBRUARI	2
3	MAC	1
4	APRIL	2
5	MEI	3
6	JUN	0
7	JULAI	1
8	OGOS	0
9	SEPTEMBER	1
10	OKTOBER	0
11	NOVEMBER	1
12	DISEMBER	3
JUMLAH		15

Jadual 6 : Jumlah Kakitangan Yang TerSusuk Benda Tajam Tahun 2017

c. Laporan Pemeriksaan Kesihatan Dan Suntikan Vaksin Typhoid

Bagi kakitangan yang terlibat dengan pengendalian makanan, mereka akan menjalani pemeriksaan kesihatan dan mendapatkan suntikan vaksinasi typhoid. Ini penting memastikan tiada jangkitan penyakit berjangkit bawaan air dan makanan berlaku di dalam wad hospital dan Kolej kejururawatan Sandakan.

BIL	BULAN	TAHUN 2017	
		Jabatan Sajian & Dietetik	Kolej Kejururawatan Sandakan
1	JANUARI	0	0
2	FEBRUARI	0	0
3	MAC	18	9
4	APRIL	0	0
5	MEI	0	0
6	JUN	0	0
7	JULAI	0	0
8	OGOS	0	0
9	SEPTEMBER	0	0
10	OKTOBER	0	0
11	NOVEMBER	0	0
12	DISEMBER	0	0
JUMLAH		18	9

Jadual 6: Jumlah Kakitangan Yang telah menjalani pemeriksaan perubatan dan vaksinasi Typhoid

d. **Statistik Notifikasi Kes-Kes Kemalangan / Penyakit Pekerjaan / Keracunan Di Tempat Kerja Dan Kekerasan Terhadap Anggota KKM Hospital Duchess of Kent, Sandakan.**

Unit kesihatan awam bertanggungjawab menerima notifikasi berkaitan dengan kes-kes kemalangan ditempat kerja, penyakit pekerjaan, keracunan ditempat kerja dan kekerasan terhadap anggota KKM. Semua notifikasi akan disiasat dan akan dimaklumkan kepada KPAS JKNS.

BIL	BULAN	TAHUN			
		2017			
		NOTIFIKASI KEMALANGAN (TERMASUK NSI)	NOTIFIKASI PENYAKIT PEKERJAAN	NOTIFIKASI KERACUNAN DI TEMPAT KERJA	NOTIFIKASI KEKERASAN TERHADAP ANGGOTA KKM
1	JANUARI	1	1	0	0
2	FEBRUARI	2	0	0	0
3	MAC	3	0	0	0
4	APRIL	2	0	0	0
5	MEI	3	1	0	0
6	JUN	0	0	0	0
7	JULAI	1	0	0	0
8	OGOS	0	0	0	0
9	SEPTEMBER	1	0	0	0
10	OKTOBER	0	0	0	0
11	NOVEMBER	1	0	0	0
12	DISEMBER	3	0	0	0
JUMLAH		17	2	0	0

Jadual 7: Statistik kes kemalangan, penyakit pekerjaan, keracunan tempat dan kekerasan terhadap anggota KKM

7.0 PENUTUPAN

Secara keseluruhannya, unit kesihatan awam telah melaksanakan semua sasaran yang ditetapkan dengan sebaik mungkin berdasarkan keupayaan anggota yang sedia ada. Dengan ada penambahan skop perkhidmatan, beban kerja unit kesihatan awam kian bertambah. Dengan itu, pelaksanaan program akan dirancang semula dengan teliti mengambilkira keupayaan anggota yang sedia ada, walaupun dalam jangkaan berkemungkinan ada sebahagian aktiviti yang tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat kekangan. Oleh yang demikian, adalah fokus unit kesihatan awam pada tahun 2018, memperkukuhkan semula program yang sedia ada dan melaksanakan semula program yang sepatutnya dilaksanakan sebelum ini. Bagi memudahkan lagi kelancaran program-program yang dirancang adalah pertambahan anggota adalah sangat signifikan bagi tahun 2018.

UNIT KEJURURAWATAN

1.0 PENGENALAN

Perkhidmatan kejururawatan adalah amat penting dalam proses perawatan pesakit di hospital. Sumbangan tenaga kerja para jururawat sangat diperlukan kerana anggota jururawat terlibat dalam semua aktiviti hospital dan sebanyak 727 orang daripada bilangan pelbagai kategori anggota di hospital ini adalah terdiri dari warga jururawat. Unit Kejururawatan menyediakan penjagaan Kejururawatan yang berkualiti dan menyeluruh dari aspek pencegahan, pemulihan dan rehabilitatif agar pesakit dapat dipulih dengan cepat dan dapat mengekalkan tahap kebolehan yang optima.

2.0 OBJEKTIF

Objektif Unit Kejururawatan

1. Mengambil langkah-langkah berkesan demi meningkatkan standard piawaian penjagaan kejururawatan kepada pesakit.
2. Melaksanakan tindakan kejururawatan yang efektif demi memulihkan pelanggan dari gangguan kesihatan fizikal dan mental.
3. Mendidik semua lapisan masyarakat untuk memastikan kesihatan sendiri dan mencapai tahap optima yang berupaya melakukan aktiviti harian.

Visi Unit Kejururawatan

Unit Kejururawatan akan mengekalkan dan meningkatkan prestasi profesion kejururawatan pada tahap yang unggul demi kecemerlangan perkhidmatan kejururawatan melalui pengamalan budaya korporat dan pembelajaran berterusan.

Misi Unit Kejururawatan

Menyediakan perkhidmatan kejururawatan yang cemerlang demi membantu pelanggan menikmati kehidupan yang berkualiti mengikut keupayaan masing-masing.

3.0 PERJAWATAN

Kedudukan anggota jururawat sehingga 31.12.2017 adalah seperti berikut:

Jawatan	Gred	Jawatan diisi
Penyelia Jururawat	U42	2
Penyelia Jururawat Klinikal	U41	3
Penyelia Jururawat	U36	7
Ketua Jururawat	U32	36
Ketua Jururawat (KUP)	U32	74
Jururawat Terlatih	U29	437
Jururawat Masyarakat	U24/22	4
Jururawat Masyarakat (KUP)	U24	9
Jururawat Masyarakat	U19	150
Penolong Jururawat	U14	0
Penolong Jururawat	U11	5
JUMLAH KESELURUHAN		727

Jadual 1: Statistik perjawatan Jururawat HDOK

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

1. Dalam melaksanakan dan tanggungjawab seharian, jururawat adalah tertakluk kepada Akta Jururawat 1950, Akta Bidan 1966, Code of Professional Conduct of Nursing, kualiti jagaan perawatan kesihatan.
2. Setiap jururawat mampu memberi perkhidmatan kepakaran kejururawatan menerusi amalan budaya penyayang, kerja berpasukan, efisien dan professional.
3. Perkhidmatan pengkhususan bagi jururawat meliputi bidang :
 - Kebidanan
 - Perawatan Pediatrik
 - Perawatan Neonat
 - Kecemasan dan Trauma
 - Perawatan Peri-Operatif
 - Perawatan Peri-Anestesia
 - Kawalan Infeksi
 - Rawatan Rapi
 - Perawatan Oftalmologi
 - Perawatan Psikiatri
 - Orthorinolaringologi
 - Geriatrik
 - Gastrointestinal Endoskopi
 - Perawatan Ortopedik
 - Perawatan Onkologi
 - Perawatan Koronori

- Pengurusan Diabetes
- Perawatan Renal
- Perawatan Rehabilitasi
- Penjagaan Kesihatan Primer.

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

1. AGM Persatuan Jururawat Sabah daerah Sandakan telah diadakan pada 08.04.17 bertempat di Kolej Kejururawatan Sandakan.
2. Dancing Class diteruskan dan berlangsung pada awal tahun 2017.
3. Pemberian limau kepada semua jururawat sempena Tahun Baru Cina.
4. Cooking Class anjuran Persatuan Jururawat Sabah daerah Sandakan pada 06.05.2017 bertempat di Annie's Cooking Perdana Studio batu 7.
5. Taklimat dan pemberian kek daripada Bank Islam sempena Hari Jururawat di Dewan Selingan pada 11.05.2017.
6. Hand Hygiene Run anjuran bersama Unit Kawalan Infeksi, kerjasama Persatuan Jururawat Sabah daerah Sandakan dan PERKIPS. Seramai 500 orang peserta menyertai larian ini.
7. Kempen derma darah anjuran Persatuan Jururawat Sabah daerah Sandakan pada 15.05.17 hingga 19.05.2017 sempena Hari Jururawat.
8. Seminar Kejururawatan sempena Hari Jururawat 2017 peringkat negeri Sabah di Putrajaya Kota Kinabalu. Seramai 5 orang jururawat mewakili Unit Kejururawatab HDOK Sandakan pada 17.05.17 hingga 18.05.17.
9. Pemberian kuih raya 2017 sempena Hari Raya Aidilfitri, sebanyak 952 pax telah diagihkan kepada semua warga jururawat.
10. Penglibatan jururawat dalam aktiviti Jamuan Raya HDOK pada 22.07.17 di Dewan Selingan.
11. Penglibatan beberapa jururawat sebagai Aik dan peserta Sapphire Night Run HDOK pada 05.08.17.
12. Lawatan penyeliaan KPJN Matron Kartina ke HDOK Sandakan pada 06.09.
13. Lawatan penyeliaan Pengarah Pengarah Kejururawatan Malaysia iaitu Matron Hjh Rosena Abdul Ghani, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kejururawatan Matron Hjh Tomblow Ngadiran dan Penolong Pengarah Kanan iaitu Matron Rozie Amie pada 07.09.2017. Lawatan penyeliaan ini telah memberi sedikit sebanyak tentang maklumat dan isu semasa kejururawatan serta penambahan ilmu yang dikongsi daripada Pengarah Kejururawatan kepada semua jururawat di HDOK Sandakan.
14. Ceramah EQ among nurses telah diadakan pada 22.09.2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Wad Pediatrik anjuran Unit Kejururawatan bersama Perstuan Jururawat Sabah daerah Sandakan. Ceramah ini telah diberikan oleh Ass. Professor Dr. Rohani binti Arsad, Adjunct Professor, MAHSA University Cum Executive Chairman Nursing Professional Group Sdn Bhd.
15. BAKELS Special Class telah diadakan pada 18.11.2017 di Annie's Cooking, Perdana Studio Batu 7, Sandakan anjuran bersama Unit Kejururawatan dan Persatuan Jururawat Sabah daerah Sandakan. Selain dapat mempelajari ilmu tentang membuat biskut dan sebagainya, ia juga dapat mengeratkan lagi hubungan dikalangan jururawat HDOK.
16. Children's party anjuran Unit Kejururawatan dan Persatuan Jururawat Sabah daerah Sandakan telah diadakan pada 11.11.2017 di Dewan Selingan sempena Hari Kanak-Kanak Sedunia. Lebih kurang seramai 60 kanak-kanak menyertai program ini. Pelbagai aktiviti games yang diadakan oleh pihak penganjur.
17. Pemberian Christmas gift kepada semua jururawat sempena Hari Krismas
18. Aktiviti-aktiviti lain penglibatan anggota kejururawatan seperti Sukan Tertutup Piala Pengarah Hospital HDOK Sandakan. Ramai jururawat terlibat dengan aktiviti pertandingan sukan yang telah diadakan. Selain itu, ramai jururawat terlibat aktiviti seperti Gala Night HDOK Sandakan, Lawatan Amal dari Pengurusan Harbour Mall ke wad Pediatrik, Carolling sempena Krismas dan lain-lain lagi.

6.0 PENCAPAIAN

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Jawatan	Bilangan
Ketua Jururawat U32	2 Orang
Ketua Jururawat (KUP) U32	9 Orang
Jururawat Terlatih U29	35 Orang
Jururawat Masyarakat U19	11 Orang

Kenaikan Pangkat Kakitangan

Dari Gred	Ke Gred	Bil
JT U29	KJ U32	3 Orang
JT U29	KJ (KUP) U32	3 Orang
JM U19	JT U29	10 Orang
JM U19	JM (KUP) U24	2 Orang

Statistik Anggota Jururawat Yang Mempunyai Pos Basik Sehingga Disember 2017

Bil	Kursus Pos Basik	Penyelia Jururawat U42	Penyelia Jururawat U41	Penyelia Jururawat U36	Ketua Jururawat U32	Jururawat U32/U29	Jumlah
1	Kebidanan	2	1	7	26	37	73
2	ICU				2	16	18
3	CCU			1			1
4	Pediatrik	1			3	9	13
5	Kecemasan				2	9	11
6	Neonatologi			1		13	14
7	Orthopedik	1			2	14	17
8	Renal				1	11	12
9	Ophthalmologi				2	3	5
10	Pengurusan Personel Kesihatan	1			3	3	7
11	Psikiatri	1		1		6	7
12	Pengurusan Diabetes					6	6
13	Anestesiologi					1	1
14	Kaunseling			1	1		2
15	Perioperatif	1			4	12	17
16	Otorinolaryngologi			1		2	3
17	Endoskopi					7	7
18	Kawalan Infeksi				1	5	6
19	Neurosains					1	1
20	Onkologi					2	2



Sambutan Hari Jururawat 2017



Hand Hygiene Run 2017



Children's party anjuran Unit Kejururawatan dan Persatuan Jururawat Sabah daerah Sandakan

LAPORAN TAHUNAN 2017

Program CNE Tahun 2017

Bil	Tarikh	Tajuk CNE/CME	Nama Penceramah	Jumlah
1	05.01.17	DISCIPLINE IN NURSING	KPJH Yau Kim Yain	202
2	12.01.17	MANAGEMENT OF MRSA	JT Misma Nasrin	216
3	19.01.17	TATA ETIKA PEMASARAN PEMAKANAN BAYI DAN PRODUK BERKAITAN	KJ Ainon Yahya	182
4	26.01.17	THYROID CANCER	JT Dynne Florence	128
5	02.02.17	ANTEPARTUM HAEMORRHAGE	JT Dayana George	133
6	09.02.17	NEPHROTIC SYNDROME	Jl Felina Andul	132
7	16.02.17	HAEMODIALYSIS CATHETER CARE	JT Linda Amat	143
8	20.02.17	INCIDENT REPORTING & ROOT CAUSE ANALYSIS	KJ Aminah Ag Damit	130
9	22.02.17	PATIENT SAFETY AWARENESS	DR Paul Chan	123
10	23.02.17	SAFE SURGERY SAVE LIVES	KJ(KUP) Mary Giatim	123
11	24.02.17	BLOOD TRANSFUSION SAFETY	DR Lim Shu Wan	58
12	02.03.17	GETTING TO KNOW RESEARCH	KJ Rusnah Sumaila	123
13	09.03.17	INTUBATION-NURSE'S ROLE & RESPONSIBILITIES	JT Evelynshin Marimbot & JT Syazwani Majuad	115
14	16.03.17	RECEIVING PATIENT AT THE RECEPTION AREA	JT Nilhada Ibrahim	73
15	23.03.17	BLADDER STONE	JT Nurlisa Keron	79
16	30.03.17	MEDICATION SAFETY	MR Fernandez(F armasi)	111
17	06.04.17	PRE & POST OPERATION CARE OF PATIENT UNDERGO FOR ORIF OPERATION	JT Martini Jamil	66
18	13.04.17	PULMONARY TUBERCULOSIS	JT Noor Annah Darwis	86
19	20.04.17	PENJAGAAN BAYI DALAM INKUBATOR	JT Dzebna Gusitin	61
20	27.04.17	PELVIC INFLAMMATORY DISEASE	JT Deffana Chew	66
21	04.05.17	DISASTER	JT Widawati & JT Asmini	60

22	11.05.17	ROP MANAGEMENT	KJ Nursiah Gipong	60
23	11.05.17	PENGURUSAN KEWANGAN	EN ISMAIL NUHIN (Bank Islam)	73
24	25.05.17	AUTISME	PPP Yusuf	52
25	25.05.17	PENGURUSAN TB	JT Nolin Benjamin & JT Erisha Jonius	55
26	01.06.17	PENGURUSAN REKOD PERUBATAN PESAKIT(RPP)	PN Suhaila(unit Rekod)	48
27	08.06.17	DENGUE FEVER	JT Tarmisah & JT Siti Khadijah	33
28	22.06.17	1-HEARING AIDS & THE CONFLICT 2- PENJAGAAN ASET ALIH KERAJAAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA	1- PN Ruzana Kawi (Audio Ent) 2-En Omar Abdullah(UP AS)	19
29	29.06.17	POST PARTUM HAEMORRHAGE	JT Emelda Lokinsim	18
30	06.07.17	DIABETIC FOOT ULCER	JT Dayang Siti Rohaya	28
31	13.07.17	ACUTE PAIN SERVICE	JT Faridah Abdurasah	43
32	20.07.17	PENGURUSAN JENAZAH/ PERSEDIAAN BEDAH SIASAT	PPP Suhaidi Supu	38
33	27.07.17	ACUTE APPENDICITIS	JT Aliecia Alexsius	20
34	03.08.17	COLONOSCOPY	JT Nelly@Abila Tan	24
35	24.08.17	THROMBOPHEBITIS	PJ Agnes & kj Ninah	60
36	07.09.17	THALASSEMIA	KUP Noraidah Hj Abdullah	19
37	07.09.17	PULMONARY TB	JT Darwina AK Maringgal	27
38	14.09.17	PENGURUSAN PESAKIT DIABETES DI WAD	JT Justina Makran & JT Monica AK Radin	8
39	28.09.17	CARPAL TUNNEL SYNDROME	JT Ocktovyia	35
40	05.10.17	TRACHEOSTOMY CARE	JT Salmiana Turung	19
41	12.10.17	PRE HOSPITAL CARE	JT Nickkey Vacter & JT Syukur	24
42	26.10.17	PAP SMEAR	KJ Philomnia & JT Norsila	22
43	02.11.17	GLAUCOMA	JT CYNTHIA JULIUS	18
44	06.11.17	INCOMPLETE MISCARRIAGE	JT SITI NASRIAH ZAINAL ABIDIN	28

LAPORAN TAHUNAN 2017

45	16.11.17	PROSES DAN PENGENDALIAN ALATAN STERIL DAN "EVEN RELATED"	JT SITI LATTISAH	18
46	23.11.17	CARE OF BABY ON PHOTOTERAPY	JT HIDAYATI MULIAH	22
47	07.12.17	LEPTOSPIROSIS	JT NURUL FARHAIN SHALEH	17
48	14.12.17	ACUTE APPENDICITIS	JT GUNAVATH Y	22
49	21.12.17	SURGICAL INSTRUMENT AND EQUIPMENT	JT SUHAIDAH	13
50	28.12.17	VENTILATOR CARE BUNDLE	JT LIEW SHUK FUI (ICU)	17
			JUMLAH	3290

7.0 PENUTUPAN

Secara umumnya pencapaian jabatan pada tahun 2017 adalah baik dan pencapaian ini telah didapat ditunjukkan dengan proses penyampaian perkhidmatan dan aktiviti yang telah dijalankan oleh jabatan ini.

Kursus Anjuran Unit Kejururawatan

Bil	Tajuk Kursus dijalankan	Tarikh Kursus dijalankan	Jumlah peserta,AJK & penceramah
1.	Bengkel Mentor Mentee	07.03.17 - 8.03.17	50
		11.07.17-12.07.17	50
		12.09.17-13.09.17	50
2.	Nursing Audit	21.02.17	50
		09.05.17	45
		19.09.17	40
3.	Medication Safety	16.01.17	50
		15.05.17	50
		26.09.17	50
4.	10 S in Nursing	09.01.17	50
		28.03.17	50
		02.10.17	50
5.	Nursing Documentation	15.03.17	50
		17.05.17	50
		21.08.17	50
		22.11.17	50
6.	Nursing Leadership	04.04.17	50
		05.09.17	40
7.	Nursing Research	03.05.17	50
		08.08.17	50
8.	Quality Initiatives	15.02.17	50
		19.07.17	50
10.	Kursus Pemantapan JM	08.02.17	50
		26.04.17	50
		29.08.17	50
11.	Kursus PPK	24.01.17	50
		12.04.17	40
		25.07.17	35
		11.10.17	35

UNIT KAWALAN INFEKSI

1.0 PENGENALAN

Pada tahun 2003 Unit Kawalan Infeksi telah mula beroperasi sepenuhnya yang mana dikendalikan oleh seorang Jururawat Terlatih Gred U29. Kemudian pada tahun 2008 seorang Ketua Jururawat ditempatkan di unit ini. Pada Jun 2010 seorang lagi Jururawat U29 di tempatkan di unit ini untuk membantu aktiviti dan pelaksanaan kawalan infeksi hospital.

Unit ini bertanggungjawab mengurangkan insiden jangkitan yang diperolehi dari hospital melalui aktiviti-aktiviti program pencegahan dan kawalan infeksi.

2.0 OBJEKTIF

Objektif Am

Mencegah dan mengurangkan insiden infeksi di Hospital.

Objektif Spesifik

Mengutamakan amalan kawalan infeksi untuk mengurangkan insiden infeksi di Hospital.

Visi

Meningkatkan pengurusan kawalan infeksi melalui amalan-amalan *Standard Precaution* dan *Additional Precaution* dikalangan warga kerja Hospital Duchess of Kent Sandakan.

Misi

Menjadikan amalan kawalan infeksi suatu budaya dikalangan warga Hospital untuk mengawal dan mencegah *Hospital Associated Infection (HCAI's)*.

Objektif Kualiti

Kes-kes *Health Care Associated Infection (HCAI)* yang dilaporkan tidak melebihi 5%.

3.0 PERJAWATAN

Nisbah Jururawat Kawalan Infeksi mengikut bilangan katil adalah 1 (ICN): 110 katil seperti yang ditetapkan dalam *Policies And Procedure On Infection Control* MOH edisi 2010. Ini bertujuan

untuk memantapkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pemantauan dan amalan kawalan infeksi hospital.

Penempatan Jururawat Kawalan Infeksi

Jururawat Kawalan Infeksi	Pos Basik	Lokasi penempatan
PJ Rukiah@ Rovena Saning		Wad Perubatan Lelaki
KJ Suriah Angkong	2010 (KSKB Sg. Buloh)	Unit Kawalan Infeksi
Jururawat TBK Nursiti Saleh	2010 (KSKB Sg. Buloh)	Unit Kawalan Infeksi
JT Gracey Jose	2013 (KSKBKK)	Unit Kawalan Infeksi
JT Misma Nasrin	2014 (KSKBKK)	Unit Kawalan Infeksi
JT Lidwina Giduan	2014 (KSKBKK)	Unit Rawatan Rapi
JT Aslianah Tinda	2014 (KSKBKK)	Wad Perubatan Lelaki
KJ (KUP) Masirinah Made	2018(KSKBKK)	Wad Perubatan Perempuan

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

- Bertanggungjawab memastikan Audit dan Surveillance of Organisms dilaksanakan berterusan mengikut ketetapan jadual.
- Mempromosikan amalan kawalan infeksi yang optimum mengikut standad yang ditetapkan.
- Memastikan prosedur yang dijalankan ke atas pesakit adalah mematuhi dasar polisi dan prosedur kawalan infeksi.
- Memberi bantuan dan bertanggungjawab melaksanakan langkah pencegahan kawalan infeksi, mengurus dan mengawal kejadian wabak.
- Memberi pendidikan dan latihan tentang amalan-amalan kawalan infeksi.
- Memastikan aktiviti pembersihan persekitaran dan terminal cleaning dilaksanakan mengikut standad kawalan infeksi.
- Memastikan pengendalian, penggunaan, penyimpanan alat pembersihan, pengurusan sisa klinikal dan bahan biohazard dilaksanakan mengikut proses kerja dan amalan kawalan infeksi yang ditetapkan.

- Memastikan kerja-kerja pembaikan, ubah suai, reka bentuk, sebelum kemasukan di tempat baru, naiktaraf atau pembangunan di hospital telah melalui prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh Unit Kawalan Infeksi.
- Melapor kakitangan yang melanggar polisi kawalan infeksi kepada pihak pengurusan hospital untuk diambil tindakan tegas

5.0 AKTIVITI KAWALAN INFEKSI TAHUN 2017

Gambar 1 hingga 5 adalah aktiviti sempena Hari Hand Hygiene Sedunia yang disambut pada 5 May setiap tahun. Sempena hari tersebut Larian Hand Hygiene 7.5 km diadakan pada 13 May 2017 di peringkat HDOK.



Gambar 3: Flash Mob sempena Larian Hand Hygiene



Gambar 4: Bersedia untuk persembahan tarian gaya hand hygiene



Gambar 5: Pemotongan kek yang disambut bersama dengan sempena Hari Jururawat dan Hari Hand Hygien



Gambar 1: Pameran Hand Hygiene



Gambar 2 : Diantara peserta Larian Hand Hygiene yang berjaya menamatkan larian



Barisan pendaftaran: Bengkel Annual Scientific Meeting on Antimicrobial Resistance pada 10/11/2017



Peserta Bengkel Annual Scientific Meeting on Antimicrobial Resistance (ASMAR)




Bengkel Environmental Hygiene anjuran Unit Kawalan Infeksi bersama Sedafiat Sdn Bhd yang diadakan pada 26/11/2017




Peserta-peserta Kursus Kawalan Infeksi

6.0 PENCAPAIAN


Surveillance of Alert Organisms dari Januari hingga Desember 2017



Rajah 1: Peningkatan pada Kadar ESBL Klebsiella Pneumoniae. Kadar pada bulan Desember tahun 2017 adalah 0.17%.




Rajah 2: Outbreak berlaku bermula pertengahan bulan Februari sehingga bulan Mac 2017 untuk MRO Acinetobacter Baumannii. Selepas intervensi seperti Terminal Cleaning, penekanan tegas terhadap pencucian tangan dan amalan kawalan infeksi, wabak dapat dikawal. Manakala 1 kes CRE dikesan.




Rajah 3: Penggunaan kekerapan mengikut kumpulan antibiotik adalah Carbapenems diikuti B-lactamase, Cephalosporins dan Glycopeptides.


LAPORAN TAHUNAN 2017



Rajah 4: Kejadian MDRO tertinggi adalah ICU dan Jabatan Peadiatrik, diikuti Perubatan, Orthopedik & Surgikal




Rajah 2: Kadar Prevalens jangkitan pada suku pertama kajian adalah 3.3%. Manakala suku kedua kajian adalah 1.6%. Kadar tertinggi adalah jabatan ICU diikuti dengan Jabatan Perubatan.



Rajah 5: Jenis jangkitan tertinggi adalah Hospital Acquire Pneumonia (HAP)

POINT PREVALENCE SURVEY HEALTHCARE ASSOCIATED INFECTION (PPS HCAI) SUKU -1 (4/4/2017) DANSUKU KE-2 (4/10/2017)


Standard <5%




Rajah 1: Kajian Poin Prevalens ini dijalankan dalam tempoh satu hari. Kadar Prevalens tertinggi jangkitan nosokomial pada kajian suku pertama dan kedua adalah Pneumonia diikuti dengan BSI. Peningkatan kadar jangkitan pada suku ke - 2

HAND HYGIENE COMPLIANCE AUDIT 2017

(standard >75%)



Pencapaian terendah mengikut profession adalah dikalangan houseman iaitu 67.1% pada suku ketiga.



Pencapaian semua jabatan melebihi 75% pada setiap suku

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

1. Unit Kawalan Infeksi bersama Sedafiat Sdn Bhd telah menganjurkan bengkel environmental hygiene untuk memberi tunjuk ajar tentang langkah-langkah pembersihan persekitaran yang berkesan mengikut versi kawalan infeksi.
2. Aktiviti CNE dan CSE berkaitan amalan cucian tangan, pembersihan persekitaran, amalan standard precaution dan isolation precaution telah dilaksanakan.
3. Pembentangan data dan laporan pada mesyuarat komiti kawalan infeksi dan antibiotik hospital untuk membincangkan isu-isu kawalan infeksi.
4. Lawatan dan dialog penggunaan antibiotik diantara Pengarah Hospital, Ketua jabatan dan rombongan penyelaras kawalan infeksi negeri telah diadakan pada 25/5/2017.
5. Bengkel *Annual Scientific Meeting on Antimicrobial Resistance* zon pantai timur anjuran Jabatan Kesihatan Negeri Sabah diadakan pada 10/11/2017.

8.0 PENUTUPAN

Semua program surveilans kawalan infeksi dapat dilaksanakan mengikut takwim yang telah ditetapkan seperti alert organism, PPS BSI, PPS, HCAI, CVC Bundle surveillance, Hand Hygiene Compliance Audit, kursus / bengkel dan mesyuarat komiti kawalan infeksi peringkat hospital. Terdapat kejadian wabak dan peningkatan kes jangkitan oleh alert organism. Walaubagaimanapun insiden wabak alert organism ini dapat dikawal melalui intervensi yang intensif dan berterusan.

PERKHIDMATAN PENGURUSAN AM

**UNIT KEWANGAN DAN PERAKUANAN
UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI
JABATAN REKOD PERUBATAN & DOKUMENTASI
UNIT PERPUSTAKAAN
UNIT PENGANGKUTAN
UNIT PENGURUSAN ASET DAN STOR**

UNIT KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

1.0 PENGENALAN

Seksyen Kewangan dan Perakaunan bertanggungjawab dalam melaksanakan tatacara kewangan, memproses pembayaran bagi tuntutan-tuntutan pembekal dan kakitangan Hospital ini serta mengurus perbelanjaan Hospital selaras dengan arahan-arahan dan peraturan-peraturan kewangan dan pekeliling yang sedang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

2.0 OBJEKTIF

Seksyen Kewangan dan Perakaunan akan sentiasa memastikan pengurusan Kewangan diuruskan dengan cekap dan berkesan diantaranya:-

- Memproses bayaran bil bagi Perolehan Bekalan / Perkhidmatan dan Kerja dalam tempoh 14 hari dari tarikh terimaan dokumen yang lengkap.
- Memproses bayaran semua jenis tuntutan / elaun kakitangan yang layak dalam tempoh 14 hari dari tarikh terimaan dokumen yang lengkap.
- Memproses pembayaran gaji dalam tempoh 14 hari dari tarikh terimaan Penyata Perubahan Pendapatan (Kew 8) dan dokumen sokongan yang lengkap.
- Memproses waran peruntukan yang diterima serta mengawal peruntukan kewangan dengan efisien.
- Memastikan pengurusan kutipan dan tunggakan hasil kerajaan berasaskan peraturan, arahan, Akta Fi dan pekeliling kewangan yang sedang berkuatkuasa dilaksanakan dengan cekap dan teratur.

Visi

Melaksanakan Sistem Pengurusan Kewangan yang bersistem serta mempertingkatkan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan dan memaksimumkan kutipan hasil selaras dengan dasar undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

Misi

Mempertingkatkan Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan dengan mengamalkan prinsip integriti dan akauntabiliti sebagai dalam semua urusan pengurusan kewangan dan perakaunan.

3.0 PERJAWATAN

Setakat 31 Disember 2017, terdapat sebanyak tiga puluh (30) jawatan tetap di seksyen ini dan pengisian jawatan adalah sebanyak dua puluh lapan (28) jawatan. Terdapat dua (2) kekosongan jawatan terdiri daripada Pembantu Tadbir Kewangan Gred W19. Kedudukan perjawatan adalah seperti dalam jadual:-

Jawatan	Bil Anggota
Akauntan WA41	1
Penolong Akauntan W32/W29	2
Pembantu Tadbir Kewangan W26/W22	2
Pembantu Tadbir Kewangan W19/KUP W29	10
Pembantu Tadbir N19	13

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Seksyen Kewangan dan Perakaunan Hospital Duchess Of Kent merupakan salah satu (1) komponen yang terdapat di bawah pentadbiran Bahagian Pengurusan Hospital. Cawangan ini terbahagi kepada dua (2) sub-cawangan iaitu Unit Akaun dan Unit Hasil yang terdiri daripada lapan (8) sub-unit yang diterajui oleh Akauntan Gred WA41. Di antara sub-unit yang terdapat di bawah Unit Akaun adalah bahagian buku vot, bahagian bayaran, bahagian gaji, dan bahagian elaun/kemudahan. Manakala di bawah Unit Hasil terdiri daripada bahagian terimaan, bahagian bil & penyata pemungut, bahagian deposit & akaun dan bahagian daftar masuk.

5.0 AKTIVITI YANG DIJALANKAN

Seksyen Kewangan & Akaun telah diamanahkan untuk membantu Pengarah Hospital menjalankan pengurusan kewangan dan akaun secara berhemah serta telus berlandaskan peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Sepanjang tahun

2017, HDOK telah diperuntukan sejumlah RM 144.15 juta dan telah dibelanjakan sebanyak RM 157.2 juta bersamaan 109.06%. Berikut adalah pecahan peruntukan dan perbelanjaan bagi tahun 2017:

JENIS PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
Emolumen	88,240,054.00	101,391,182.84
Pekhidmatan dan Bekalan	55,372,217.00	55,307,961.19
Aset (Belanja Mengurus)	0.00	0.00
Bayaran dan Kenaan Tetap	239,273.00	239,190.66
Latihan Dalam Perkhidmatan	20,000.00	20,000.00
Naiktaraf dan Pembaikan	95,599.67	65,255.00
Penyelenggaraan Tanah	185,143.28	185,143.28
JUMLAH KESELURUHAN	144,152,286.95	157,208,732.97

Prestasi Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengurus

Peruntukan di bawah Bajet Mengurus HDOK Sandakan telah diluluskan sebanyak RM143.85 juta. Prestasi perbelanjaan mengurus bagi semua Aktiviti dari Januari hingga Disember 2017 iaitu sebanyak RM 156.93 juta bersamaan 109.10%. Antara faktor yang menyumbang kepada perbezaan jumlah peruntukan dan perbelanjaan bagi tahun 2016 dan 2017 adalah seperti berikut:

- Jumlah peruntukan yang diterima bagi tempoh Januari – Disember 2017 (RM144.15 juta) adalah lebih rendah daripada peruntukan yang diterima bagi tempoh yang sama pada tahun 2016 (RM155.94 juta).
- Prestasi perbelanjaan belanja mengurus bagi tempoh Januari – Disember 2017 (109.06%) adalah lebih tinggi daripada prestasi perbelanjaan bagi tempoh yang sama pada tahun 2016 (96.02%).
- Manakala baki peruntukan Gaji dan Emolumen (OS10000) negatif sebanyak RM13.18 juta turut menyumbang kepada peningkatan peratusan perbelanjaan Tahun 2017.

Prestasi Peruntukan Dan Perbelanjaan Pembangunan

Prestasi perbelanjaan di bawah Peruntukan Pembangunan bagi tahun 2017 tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya memandangkan tempoh pembayaran hanya boleh dibuat sehingga 8 Disember 2016. Peruntukan Pembangunan bagi

tahun 2017 adalah lebih rendah iaitu sebanyak RM300,742.95 berbanding peruntukan pada tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM1.004 juta.

Manakala peratus perbelanjaan bagi Tahun 2017 adalah sebanyak 89.91% Lebih tinggi berbanding Tahun 2016 sebanyak 81.15%. Baki sebanyak RM30,344.67 adalah bagi pembayaran projek pengilangan plasma tabung darah berjumlah RM 29,800.00 bagi kerja-kerja membekal, menguji, dan mentauliah peralatan perubatan Freezer-40 yang tidak sempat dibelanjakan memandangkan tarikh penutupan akaun Tahun 2017 pada 6 Disember 2017 manakala RM544.67 adalah baki daripada peruntukan bagi kerja-kerja pemasangan penghawa dingin di wad perubatan lelaki dan wad perubatan perempuan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA)

Sepanjang tahun 2017, Cawangan Kewangan & Akaun telah mengadakan sebanyak empat kali mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) iaitu pada 19 Januari, 20 April, 20 Julai dan 19 Oktober.

6.0 PENCAPAIAN

Laporan Jumlah Dokumen Kewangan

Berikut adalah maklumat berhubung penyelesaian dokumen kewangan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017:

a. Penyediaan Dokumen dan Pengurusan Kewangan.

BIL	PERIHAL	BUTIRAN
1.	Bilangan Waran Peruntukan setahun diproses	188 Waran
2.	Bilangan Baucer Jermal dikeluarkan	55 Pelarasan
3.	Bilangan Baucer Bayaran Diproses	5,960 Bayaran
4.	Bilangan Pesanan tempatan Dikeluarkan	1,633 Pesanan
5.	Bilangan Pesanan Tempatan dibatalkan	55 Pesanan
6.	Bilangan Perubahan Gaji Diproses	3,566 helai
7.	Bilangan Kakitangan Sambilan (Baucer Berasingan)	Tiada
8.	Mesyuarat JPKA	4 kali
9.	Pemeriksaan Mengejut Panjar Deposit	2 Kali
10.	Pemeriksaan Mengejut Panjar Wang Runcit	2 Kali

LAPORAN TAHUNAN 2017

b. Pembayaran dan Perbelanjaan Di bawah Elaun dan Kemudahan

i. Tuntutan Perjalanan

Bil	Perihal	Jumlah Dokumen	Amaun (Rm)
1.	Pembayaran Elaun Pindah Rumah	6 Baucar	10,495.00
2.	Pembayaran Elaun Pertukaran	25 Baucar	106,116.48
3.	Pembayaran Tuntutan Perjalanan (Mesyuarat)	76 Baucar	114,139.76
4.	Perbelanjaan Tuntutan Tugas Urusan Rasmi (termasuk rawatan susulan)	97 Baucar	98,340.90
5.	Perbelanjaan Menghadiri Kursus	236 Baucar	274,573.18
6.	Perbelanjaan Melapor Diri	13 Baucar	23,216.22
7.	Bayaran balik Tambang Mengunjungi Wilayah Asal	3 Baucar	3,435.62
8.	Perbelanjaan Mengiringi Pesakit	14 Baucar	27,135.14
9.	Perbelanjaan Lawatan Pakar	14 Baucar	15,863.15
10.	Perjalanan Pemandu	29 Baucar	48,486.98
11.	Pembayaran Elaun Penceramah	6 Baucar	4,220.00
JUMLAH KESELURUHAN		519 Baucar	726,022.43

ii. Pembayaran Elaun Pegawai Perubatan

BIL	PERIHAL	JUMLAH DOKUMEN	AMAUN (RM)
1.	EKLWBB Pegawai Perubatan (Kontrak)	6 tuntutan	4,945.00
2.	EKLWBB Pegawai Perubatan (Kontrak Mengisi Jawatan)	15 tuntutan	18,950.00
3.	EKLWBB Pakar Perubatan (Kontrak Mengisi Jawatan)	3 tuntutan	4,565.00
4.	EKLWBB Pegawai Perubatan	1,464 tuntutan	1,836,260.00
5.	EKLWBB Pakar Perubatan	278 tuntutan	555,295.00
6.	BIKSWP dan BIKPEHS Pegawai Perubatan (Kontrak – Mengisi Jawatan)	4 tuntutan	3,196.80
7.	BIKSWP dan BIKPEHS Pegawai Perubatan (Kontrak)	6 tuntutan	11,969.60
8.	BIKSWP dan BIKPEHS Pakar Perubatan (Kontrak)	2 tuntutan	1,990.00
9.	BIKSWP dan BIKPEHS Pegawai Perubatan	399 tuntutan	494,438.30
10.	BIKSWP dan BIKPEHS Pakar Perubatan	79 tuntutan	89,724.00
JUMLAH KESELURUHAN		2,256	3,021,353.70

iii. Pembayaran Elaun Lebih Masa Kakitangan

BIL	AKTIVITI	JUMLAH DOKUMEN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1	Pengurusan Hospital	873	708,747.64
2	Kecemasan	883	985,941.89
3	Radiologi	208	178,858.73
4	Patologi	621	714,642.89
5	Farmasi dan Bekalan	184	133,741.90
6	Pesakit Dalam	558	472,466.22
JUMLAH		3,327	3,194,399.27

c. Penyediaan Waran Penerbangan Udara

BIL	PERIHAL	JUMLAH DOKUMEN	AMAUN BAYARAN (RM)
1	Perjalanan Bagi Urusan Rasmi dan Berkursus	26 Waran	37,509.84
2	Perjalanan Bagi Jemputan Pakar	33 Waran	47,841.59
3.	Perjalanan Bagi Pesakit dan Mengiringi Pesakit	230 Waran	236,617.37
4	Perjalanan Mengunjungi Wilayah Asal	344 Waran	1,005,881.64
5	Kemudahan Perjalanan Tambang Ehsan	0 Waran	0.00
JUMLAH KESELURUHAN		633 Waran	1,327,850.44

Laporan Kutipan Hasil

Jumlah terimaan hasil Kerajaan tahun 2017 setakat Laporan Terperinci Hasil Bagi Bulan Disember bagi tempoh perakaunan 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017 adalah sebanyak RM8,553,754.61. Berikut adalah pecahan terimaan HDOK bagi tempoh berkenaan:

Bil	Jenis Terimaan	Jumlah (RM)
1.	Bayaran Perubatan Pesakit Luar	892,984.50
2	Bayaran Perubatan Pesakit Dalam	6,618,457.50
3.	Deposit Bayaran Hospital Warganegara	15,350.00
4.	Deposit Bayaran Hospital Bukan Warganegara	261,752.00
5	Deposit Peralatan Pesakit	6,000.00
6	Deposit Cagaran Kantin	29,250.00
7	Deposit Menduduki Kuarters Kerajaan	5,640.00
8.	Deposit Cagaran Sewa Bangunan	11,850.00
9.	Bayaran Ikhtisas Yang Lain	11,850.00
10.	Sewa Bangunan Pejabat	47,400.00
11.	Bayaran Sewa Lain (Kantin/ Kiosk/ Vendingmachine)	88,690.00
12.	Pelbagai Jualan (Jualan Kitar Semula)	4,185.73
13.	Bayaran KIOSK (Elektrik/ Air)	26,173.70
14.	Terimaan Bayaran Tahun Lalu	370,802.85
15.	Laporan Perubatan	27,299.00
16.	Bayaran Balik (Elaun Terlebih Bayar dll)	97,575.00
17.	Tuntutan Penalti/ Denda	38,494.33
JUMLAH TERIMAAN KESELURUHAN		8,553,754.61

LAPORAN TAHUNAN 2017

Berikut adalah maklumat berhubung dengan tunggakan hasil HDOK bagi tahun berakhir 31 Disember 2017:

WARGANEGARA		BUKAN WARGANEGARA	
BILANGAN PESAKIT	AMAUN (RM)	BILANGAN PESAKIT	AMAUN (RM)
172	69,678.00	510	1,636,235.00

Statistik Seksyen Kewangan Dan Akaun

1. Unit Akaun

Bulan	Bil. Baucer
Jan	73
Feb	725
Mac	489
April	432
Mei	577
Jun	2,746
Julai	377
Ogos	516
Sept	398
Okt	688
Nov	958
Dis	276
Jumlah	7,955

Pembayaran Bil Tahun 2017

2. Unit Hasil

Bulan	Bil. Resit
Jan	2,401
Feb	2,411
Mac	2,839
April	2,503
Mei	2,663
Jun	2,256
Julai	2,996
Ogos	3,046
Sept	2,718
Okt	2,962
Nov	2,818
Dis	2,476
Jumlah	32,089

Resit e-Terimaan Yang Dikeluarkan Tahun 2017

Bulan	Bil. Baucer
Jan	72
Feb	70
Mac	68
April	68
Mei	67
Jun	48
Julai	78
Ogos	77
Sept	77
Okt	78
Nov	78
Dis	71
Jumlah	852

Penyata Pemungut Tahun 2017

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

Pelaksanaan amalan EKSA HDOK bertujuan membentuk budaya persekitaran berkualiti, dengan mengutamakan kebersihan, kekemasan dan keselamatan, sesuai dengan tahapnya sebagai organisasi cemerlang dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Bagi Tahun 2017, amalan EKSA di Seksyen Kewangan dan Perakaunan sentiasa dipraktikkan dari semasa ke semasa.

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

1.0 PENGENALAN

Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau '*Information and Communication Technology (ICT) Unit*' adalah sebuah unit di bawah Bahagian Pengurusan Hospital yang bertanggungjawab untuk mengurus, mentadbir, memantau dan menyelia semua rangkaian, peralatan, sistem aplikasi berkaitan ICT, termasuk keselamatan ICT, penyelenggaraan peralatan ICT, bantuan teknikal ICT, khidmat nasihat ICT dan pembudayaan ICT melalui kursus/latihan berkaitan ICT kepada semua warga Hospital Duchess of Kent, Sandakan, Sabah. Pada tahun 2013, fungsi Unit ICT juga berkembang dengan kerja-kerja pembangunan sistem dalaman (*in-house system*) yang digunakan oleh jabatan/unit/klinik/wad hospital ini.

2.0 OBJEKTIF

Objektif Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Hospital Duchess Of Kent ialah untuk:

- Merancang dan menyediakan infrastruktur ICT selaras dengan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (ISP) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan garis panduan pelaksanaan aplikasi Kerajaan Elektronik.
- Menyediakan perkhidmatan dan bantuan teknikal bagi pelaksanaan projek-projek ICT Kementerian Kesihatan Malaysia dan aplikasi Kerajaan Elektronik di peringkat Hospital Duchess Of Kent.
- Menyelenggara peralatan ICT dan rangkaian di Hospital Duchess Of Kent supaya dapat berjalan dengan lancar.

VISI

Untuk membantu pengurusan Hospital Duchess Of Kent Sandakan, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam melaksanakan inisiatif teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi mencapai misinya dengan lebih cekap dan berkesan.

MISI

- Menyediakan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang relevan kepada Hospital Duchess Of Kent bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.
- Memberikan bantuan sokongan teknikal kepada warga Hospital Duchess Of Kent bagi menjamin perkhidmatan dapat diberikan secara berterusan.
- Mengoptimalkan penggunaan ICT bagi meningkatkan pengetahuan dan budaya ICT di kalangan warga Hospital Duchess Of Kent sejajar dengan matlamat negara.

3.0 PERJAWATAN

Unit ICT telah diwujudkan sejak tahun 2004 di Hospital Duchess of Kent, Sandakan (HDOK) dengan seorang pegawai skim perkhidmatan Sistem Maklumat. Unit ICT terus berkembang dengan penambahan beberapa jawatan. Sehingga tahun 2017, senarai perjawatan terkini dan pegawai yang mengganggotainya adalah seperti berikut:

Jawatan	Bil	Nama Pegawai Yang Menjawab
Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44	1	Pn. Chin Chien Ping (selaku Ketua Unit)
Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41	1	En. Mohd Anwar Redzwand Amsain
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F32	1	(Kosong)
Juruteknik Komputer Gred FT17/22	1	En. Abdul Hamid Bin Abdul Muis
Pembantu Tadbir Gred N17 (Jawatan Dipinjam)	1	Pn. Nur Any Yohny

Unit ICT menghadapi masalah kekangan staf yang kritikal untuk memberikan perkhidmatan yang efisien dan holistik kepada semua warga HDOK, khususnya dari segi khidmat bantuan teknikal ICT, di samping keperluan memberi bantuan teknikal ICT kepada PTJ daerah seliaan Sandakan

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Unit ICT menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan berikut di Hospital Duchess of Kent, Sandakan (HDOK):

- Membangun, mentadbir dan menyelenggara Laman Web Rasmi HDOK.
- Mendaftar, mentadbir dan menyelenggara akaun emel rasmi 1GovUC bagi semua warga HDOK.
- Mendaftar dan menyelenggara myCPD *online* bagi warga HDOK.
- Merancang, mentadbir, memantau, menyelenggara, menaiktaraf infrastruktur dan rangkaian kawasan setempat (LAN) dan WAN talian 1GovNet di HDOK.
- Mentadbir dan menyelenggara perkakasan dan perisian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di HDOK.
- Menyediakan kaunter Helpdesk ICT untuk menerima semua aduan kerosakan perkakasan & perisian ICT di HDOK.
- Menyelaras, memantau dan memberikan sokongan teknikal untuk pelaksanaan projek-projek ICT Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dan Kerajaan Elektronik (EG) di HDOK, termasuk e-SPKB, e-Perolehan, e-Terimaan, e-SebutHarga, e-Bidding, HRMIS, e-Notifikasi, SMRP v 2.0, Sistem Sokongan Klinikal, i-Kelahiran, i-Thalasemia, QMS, Projek Telekonsultasi, PHIS, 1GFMAS, MyMesyuarat v 2.0, dll.
- Membangunkan sistem aplikasi '*in-house*' untuk kegunaan di HDOK mengikut keperluan dan permintaan semasa.
- Melaksanakan latihan/kursus ICT dari semasa ke semasa.
- Menyelaras dan menguruskan perkhidmatan peminjaman komputer bimbit untuk kursus / mesyuarat / seminar bagi kegunaan warga HDOK.
- Menyediakan bantuan khidmat teknikal ICT untuk semua aktiviti/program HDOK.

Menyelia dan menyediakan bantuan khidmat teknikal ICT kepada PTJ Daerah Seliaan Sandakan dan Kinabatangan, termasuk PKK Sandakan, PPK Sandakan, KP Sandakan, Kolej Kejururawatan Sandakan.

5.0 AKTIVITI YANG DIJALANKAN

1. Penaiktarafan Rangkaian Kawasan Setempat (Lan) Hdok

Rangkaian Kawasan Setempat (LAN) HDOK di Blok Pusat Dialisis telah dinaiktarafkan ke kabel fiber optik bagi mengatasi masalah sedia ada penerimaan isyarat data (*wireless bridge*) talian 1GovNet yang tidak stabil dari Blok Klinik Pakar pada Oktober – November 2017.

2. Pembangunan Dan Pelaksanaan Sistem 'In-House' Baru Di HDOK

Modul UFEME telah dibangunkan sebagai penambahbaikan ke atas Sistem Maklumat Patologi (SMP) HDOK yang sedia ada digunakan. Sistem ini telah disiapkan pada Julai 2017 dan mulai digunakan di Makmal Patologi, Jabatan Patologi pada 25 Julai 2017.

Sistem ini mengandungi modul pendaftaran spesimen, pendaftaran keputusan ujian, pengesahan keputusan ujian, percetakan keputusan ujian, semakan rekod ujian lepas, serta penjana laporan statistik beban kerja dan analisis penolakan spesimen.

3. Penyelenggaraan Sistem 'In-House' Hdok

Kerja-kerja penyelenggaraan dan penambahbaikan ke atas sistem-sistem 'in-house' HDOK sedia ada adalah dilakukan dari semasa ke semasa atas keperluan atau permintaan pengguna sistem seperti berikut:

- a. Sistem Temujanji Pesakit (STP)
- b. Sistem Daftar Masuk Pesakit (SDMP)
- c. Sistem Rekod Fail Pesakit (SRFP)
- d. Sistem Pengurusan Pesakit Dalam (SPPD)
- e. Sistem Maklumat Patologi (SMP)
- f. Sistem Klinik MTAC (SKM)
- g. Sistem Penempatan Pegawai Perubatan Latihan Siswazah (SPHO)
- h. Sistem Pengurusan Latihan Kecemasan (SPLK)

4. Pengemaskinian Laman Web Rasmi Hdok

Laman web rasmi HDOK adalah dikemaskini dari semasa ke semasa oleh Unit ICT. Secara keseluruhannya, hasil pemantauan yang dibuat oleh MAMPU Sabah dari bulan Jan sehingga Disember 2017, laman web rasmi HDOK adalah berstatus baik, iaitu "DIKEMASKINI".

5. Lawatan 'Benchmarking' Dari Hospital Tuaran

Unit ICT telah menerima lawatan 'benchmarking' daripada Hospital Tuaran untuk Sistem Temujanji Pesakit (STP) HDOK pada 3 Mac 2017. Pegawai-pegawai dari Hospital Tuaran yang terdiri daripada staf Jabatan Rekod Perubatan dan Unit ICT telah diberikan taklimat mengenai STP dan melawat ke Jabatan Rekod Perubatan & Dokumentasi, dan Klinik Pakar Perubatan Am (MOPD) untuk keterangan lanjut mengenai pelaksanaan sistem ini di HDOK.

Perkongsian Pintar sistem ini seterusnya dibuat di Hospital Tuaran pada Mei 2017.



6. Pusat Latihan Wilayah Zon Sabah Projek Phis & Cps

Sukacitanya Hospital Duchess of Kent, Sandakan telah terpilih sebagai salah satu Pusat Latihan Wilayah di zon negeri Sabah untuk Projek PhIS dan CPS. Dengan kelulusan Pengarah Hospital, lokasi pusat tersebut telah ditempatkan di Blok Kuliah UMS dengan fasiliti peralatan komputer peribadi yang boleh memuatkan peserta seramai 20 orang. Kerja-kerja penghantaran dan pemasangan perkakasan oleh syarikat kontrak Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd (PLSB) di

pusat ini telah dilaksanakan pada 25 Julai 2017.



7. Kursus/Latihan Ict

Beberapa kursus telah dilaksanakan oleh Unit ICT sepanjang tahun 2017 seperti berikut:

Tarikh	Program	Bil. Peserta Kursus
13 Jan	Kursus Penggunaan Sistem MyMesyuarat 2.0	56 orang
7 Mac	Kursus Penggunaan Sistem MyMesyuarat 2.0	37 orang
18 April	Kursus Penggunaan Sistem MyMesyuarat 2.0	33 orang
11 Ogos	Taklimat Pelaksanaan Modul UFEME - Sistem Maklumat Patologi (SMP)	Staf Jabatan Patologi dan Wad terlibat



8. Bantuan Teknikal ICT Yang Dilaksanakan

Sepanjang tahun 2017, Unit ICT telah memberikan bantuan teknikal sebanyak 19 kali kepada jabatan/unit di HDOK dan PTJ Daerah Sandakan.

LAPORAN TAHUNAN 2017

Tarikh	Program / Aktiviti
21 Feb	Bantuan Teknikal untuk Program Enlightening The Future For Hearing Impaired Children anjuran Jabatan Otorinolaringologi
7-9 Mac	Bantuan Teknikal untuk Second Sabah Allied Health & Professional Emergency Conference (Salpec) 2017 anjuran Jabatan Kecemasan & Trauma
1 Apr	Bantuan Teknikal untuk Seminar Pemantapan Nilai-nilai Murni Peringkat HDOK 2017
7 Apr	Bantuan Teknikal untuk Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2017 Peringkat HDOK Bertemakan 'Anda Murung' anjuran Unit Perhubungan Awam\
8 Apr	Bantuan Teknikal untuk Program Autism Awareness Talk anjuran Unit Pemulihan Carakerja
18 Mei	Bantuan Teknikal untuk Tracheostomy Care Workshop 2017 Sandakan anjuran Jabatan Otorinolaringologi
18 Mei	Bantuan Teknikal untuk Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2016
8 Jun	Bantuan Teknikal untuk Program Program Sidang Media Sempena Lawatan Awal Pertubuhan Amal 1 Malaysia (GIVE) anjuran Unit Perhubungan Awam
19 Jun	Bantuan Teknikal untuk Program Penyerahan Sumbangan Ramadhan Perkips 2017 anjuran Unit Hal Ehwal Islam
20 Jun	Bantuan Teknikal untuk Program Nafas Baru Bermula Ramadhan anjuran Unit Promosi Kesihatan
16-18 Ogo	Bantuan Teknikal untuk Bengkel Good Clinical Practice (GCP) anjuran Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC)
19 Ogo	Bantuan Teknikal untuk Program Race Berabis Vol II Sempena Jubli Nilam 65 Tahun HDOK
21-22 Ogo	Bantuan Teknikal untuk Kursus Tatacara Pemeriksaan Aset dalam Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPA) anjuran Unit Pengurusan Aset & Stor
6 Sep	Bantuan Teknikal untuk Kursus Intercensi Krisis dan Ibu Tanpa Nikah anjuran UHEI dan PERKIPS
14-15 Sep	Bantuan Teknikal untuk Program Transborneo ENT Update Sandakan 2017: Nurturing The Evolvment of ENT anjuran Jabatan Otorinolaringologi
3 Okt	Bantuan Teknikal untuk Penyelesaian Masalah Komputer (Shared Folder) di Cawangan Penguatkuasa Farmasi Sandakan
10 Okt	Bantuan Teknikal dan Fotografi untuk Bengkel Annual Scientific Meeting on Antomicrobial

Tarikh	Program / Aktiviti
	Resistance Peringkat Negeri Sabah anjuran Unit Kawalan Infeksi
24 Nov	Bantuan Teknikal untuk Pelancaran Minggu Kesedaran Kanser Mulut anjuran Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial
17 Dis	Bantuan Teknikal untuk Kempen Derma Darah anjuran Life Water Industries Sdn. Bhd. (K2)

6.0 PENCAPAIAN

Statistik Beban Kerja ICT Tahun 2017

Bil.	Perkara	Kuantiti/Peratusan
1	Bilangan Aduan kepada Helpdesk ICT yang Diterima dan Diselesaikan	1, 550 kes (Purata: 129 kes sebulan) Peningkatan sebanyak 20.7% daripada tahun 2016 (1,284 kes). Punca utama adalah disebabkan insiden serangan ransomware berlaku pada tempoh Jun-Ogos 2017.
2	Penyelenggaraan Peralatan ICT	Jumlah inventori ICT dalam rekod: 641 item Komputer Desktop: 276 unit Komputer Riba: 12 unit Server: 4 unit Pencetak: 218 unit Switch: 49 unit <i>(Termasuk Di bawah Kontrak Pusat KKM: Komputer Desktop:205 unit Komputer Riba: 11 unit Server: 4 unit Pencetak: 160 unit Switch: 19 unit)</i> Di bawah Projek Pharmacy Information System (PHIS): Server: 2 Unit Storage Device: 1 unit UPS: 1 unit Core Switch: 1 unit Distribution Switch: 10 unit PC: 44 unit Notebook: 7 unit Laserjet Printer: 7 unit Thermal Printer (Standard): 7 unit Thermal Printer (High-End): 2 unit Rack 42U: 1 unit

LAPORAN TAHUNAN 2017

Bil.	Perkara	Kuantiti/Peratusan
		Rack 6U: 1 unit
3	Penambahan Peralatan ICT	Di bawah Projek Pharmacy Information System (PhIS) untuk Pusat Latihan Wilayah Negeri Sabah (Bilik Kuliah UMS 1): Server: 1 Unit PC: 20 unit Laserjet Printer: 1 unit Thermal Printer: 1 unit Projektor: 1 unit Distribution Switch: 1 unit
4	Pendaftaran Pengguna Baru Akaun Emel 1GovUC	347 pengguna baru
5	Pendaftaran Staf Baru ke Sistem myCPD Online	168 pengguna baru (Data pendaftaran sehingga 31.07.2017 sahaja kerana pengguna baru dalam myCPD versi 2.0 mulai Ogos 2017 dibuat oleh pengguna sendiri.)
6	Pemantauan Penggunaan / Aktiviti Akaun E-Mel	962 akaun
7	Penyelenggaraan Akaun E-Mel / Sistem Pengguna – ‘RESET’ Kata Laluan	1GovUC: 18 pengguna myCPD: 309 pengguna eTerimaan: 9 pengguna
8	Penyelenggaraan Akaun E-Mel Pengguna – ‘DELETE’ Akaun Pengguna Yang Tidak Aktif / Bersara Wajib / Letak Jawatan / Dibuang Kerja	64 pengguna
9	Bantuan Teknikal Sistem-sistem In-House: termasuk SDMP, SPPD, STP,	Jumlah Kes: 136 SDMP: 49 SPPD: 70 STP: 12 SRFP: 3 SPHO: 1

Bil.	Perkara	Kuantiti/Peratusan
	SPLK, SRFP, SPHO, dan SMP	SMP: 1
10	Penaiktarafan Rangkaian LAN Di Hospital	Di bawah projek kerja naiktaraf rangkaian Unit ICT: Fiber Optik: 1 unit Kabel UTP: 13 unit Di bawah projek PhIS (Pusat Latihan Wilayah Sabah): Kabel UTP: 23 unit

Pencapaian Unit ICT: Objektif Kualiti Teknologi Maklumat)

“Respon kepada aduan kerosakan peralatan ‘Information Communication Technology’ (ICT) dalam tempoh 24 jam hari bekerja.”

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun
Bil. Aduan	128	118	136	110	112	164
Pencapaian Objektif Kualiti (Bil. Kes Tercapai)	128	118	136	110	112	164
Peratusan Pencapaian Objektif Kualiti (%)	100	100	100	100	100	100

Bulan	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Bil. Aduan	190	176	111	116	100	89
Pencapaian Objektif Kualiti (Bil. Kes Tercapai)	190	176	111	116	100	89
Peratusan Pencapaian Objektif Kualiti (%)	100	100	100	100	100	100

Secara purata, peratusan pencapaian objektif kualiti Unit ICT adalah 100%.

7.0 PENUTUPAN

Secara umumnya pencapaian jabatan pada tahun 2017 adalah baik dan pencapaian ini telah didapati ditunjukkan dengan proses penyampaian perkhidmatan dan aktiviti yang telah dijalankan oleh jabatan ini.

JABATAN REKOD PERUBATAN DAN DOKUMENTASI

1.0 PENGENALAN

Jabatan Rekod Perubatan dan Dokumentasi (JRPD), Hospital Duchess of Kent (HDOK), Sandakan adalah merupakan salah satu daripada unit sokongan bukan klinikal yang penting dalam memberi perkhidmatan dalam perawatan pesakit. Jabatan ini dipertanggungjawabkan untuk mengurus perkhidmatan rekod perubatan yang melibatkan pengurusan rekod perubatan pesakit (RPP), pengurusan statistik hospital dan pengurusan laporan perubatan. Pejabat JRPD yang terletak di Aras 1, Bangunan Klinik Pakar, HDOK turut meliputi stor penyimpanan rekod perubatan pesakit yang aktif. Selain itu, JRPD juga mempunyai beberapa stor penyimpanan sekunder yang terletak di beberapa lokasi di sekitar kawasan hospital.

2.0 OBJEKTIF

- Menyediakan piawai (penyamaan) operasi dan pengurusan hospital.
- Membantu pihak perancangan hospital dan pengurusan menentukan keperluan.
- Membekalkan maklumat perawatan perubatan ke Ibu Pejabat dan lain-lain yang memerlukan.
- Mengawal dan menyimpan rekod perubatan pesakit dengan selamat.
- Menyediakan perkhidmatan pemprosesan laporan perubatan untuk pihak perseorangan, polis, peguam, mahkamah, majikan dan pihak insuran.

Misi

Menjadikan Jabatan Rekod Perubatan & Dokumentasi (JRPD), Hospital Duchess of Kent (HDOK) Sandakan sebagai sebuah pusat rujukan pengurusan rekod perubatan yang berkualiti, cemerlang dan terunggul di Pantai Timur, Sabah.

Visi

Memberi kepuasan kepada pelanggan secara menyeluruh melalui perkhidmatan pengurusan rekod perubatan yang cemerlang, berkualiti, beretika secara cekap dan professional bagi memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan.

3.0 PERJAWATAN

Bilangan anggota yang bertugas di JRPD adalah seramai 20 orang yang merangkumi pelbagai kategori jawatan (Jadual 1). Jabatan Rekod Perubatan & Dokumentasi diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) N41. Secara keseluruhan, masih terdapat 1 kekosongan yang belum diisi iaitu bagi jawatan Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) N29

Nama & Jawatan	Bilangan		
	Jumlah	Di Isi	Kekosongan
Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) N41 - Enck Mazlan Bin Hj Abd. Majid	1	1	0
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) N32 - Puan Suhala Binti Sulaiman	1	1	0
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) N29 - Puan Farzana Noor Binti Ahmad - Puan Noor Suhana Binti Rozaid	3	2	1
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) N22 - Cik Jaimah Binti Hj Amat - Puan Fazeela Binti Paul @ Mohd Sapawi	2	2	0
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19 - Puan Basia Binti Safiyudin - Cik Dayang Mahani Binti Ahmad - Enck Adnan Bin Hassan - Puan Nurayhanani Lai Binti Abdullah - Puan Marifah Binti Salleh - Puan Asniah Binti Majid - Puan Junainah Binti Ag. Bujang - Enck Mohd Anz Bin Sanem	7	8	+1
Pembantu Perawatan Kesihatan U11 - Enck Abdul Hamid Bin Noor - Puan Siah Binti Majid - Puan Simahwati Binti Takasi - Puan Siti Fauzana Binti Mohamad	0	4	+4
Pekerja Awam H11 - Enck Nurizam Bin Latif	0	1	+1
Pembantu Operasi N11 - Enck Said Bin Arjun	0	1	+1

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Jabatan Rekod dan Pendokumentasian Dokumen

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Jabatan Rekod Perubatan & Dokumentasi bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan dan mengurus semua Rekod Perubatan Pesakit meliputi aktiviti – aktiviti berikut :

- Pengurusan Rekod Perubatan
- Pengurusan Laporan Perubatan
- Pengurusan Permohonan
- Pengesahan Kelahiran Lewat
- Pengurusan Lembaga Perubatan,
- Persidangan PERKESO & KWSP
- Pengurusan Laporan Statistik Hospital
- Hospital
- Penyediaan Laporan Ringkas Hospital
- Pemantauan NIA/KPI & HPIA.

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

1. Pelaksanaan EKSA

Pihak Jabatan Rekod melaksanakan program EKSA di jabatan selaras dengan usaha pihak atasan hospital bagi mengekalkan pensijilan EKSA. Pelbagai tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan bersesuaian dengan kriteria yang ditetapkan dalam program berkenaan. Sepanjang tahun 2017, audit dalaman telah dijalankan sebanyak 2 kali iaitu pada 22 – 24 Mei 2017 dan 14 – 18 Julai 2017 dengan masing-masing pencapaian keseluruhan iaitu 92.7% (Gred A).

2. Sambutan Hari Keluarga JRPD 2017

Bagi tahun 2017, Jabatan Rekod Perubatan dan Dokumentasi telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Keluarga JRPD yang bertemakan 'Outdoor' dan disambut dengan meriah walaupun sederhana. Sambutan ini telah dirasmikan oleh Encik Mazlan Bin Haji Abd Majid, Ketua Jabatan Rekod Perubatan dan Dokumentasi bertempat di *Rainforest* Taman Kebun Cina, Batu 5, Sandakan. Pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya pertandingan karaoke, sambutan hari jadi, larian secara berpasangan dalam kain sarong, tiup tepung cari harta karun dan pelbagai lagi.



3. Program Peningkatan Mutu Sistem Penyampaian Perkhidmatan Rawatan Pesakit Bersama Pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)

Pada 13 Ogos 2017, satu program bersama pelatih PLKN telah diadakan di Jabatan Rekod Perubatan. Pelaksanaan program ini diadakan bertujuan untuk menyusun atur semula Rekod Perubatan Pesakit (RPP) dari stor HDU lama yang akan diambil alih oleh Jabatan Radiologi.



4. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Untuk tahun 2017, seramai 3 orang kakitangan JRPD telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) iaitu En. Mazlan Abd Majid, Puan Farzana Noor Ahmad dan Encik Rainih Hadain (Bertukar ke Unit Hemodialisis pada Februari 2017)

5. Sistem Rekod Fail Pesakit (SRFP)

Bermula Mac 2015, JRPD telah melaksanakan penggunaan Sistem Rekod Fail Pesakit (SRFP) yang dibangunkan oleh Unit ICT, HDOK dengan kerjasama pihak JRPD. Sistem berkenaan adalah bertujuan untuk membolehkan pihak JRPD memantau pergerakan RPP. Sebanyak 8 stor digunakan untuk penyimpanan fail tidak aktif manakala sebanyak 4 unit (Psikiatri, Hemodialisis, DCC & CAPD) telah dijadikan sebagai stor satelit bagi penyimpanan rekod perubatan pesakit dimana ianya memfokuskan penyimpanan rekod perubatan

pesakit yang mempunyai temujanji di unit-unit terbabit. Sehingga penghujung tahun 2017, sebanyak 176,340 telah didaftarkan di dalam SRFP (Rujuk jadual dibawah)

LOKASI PENYIMPANAN	AKTIF	TIDAK AKTIF	LUPUS
Stor Anggerik	71,520	56,379	9,518
Stor Dahlia	149	5,549	8,702
Stor Orkid	0	496	0
Stor Tulip	0	0	0
Stor Rafflesia	264	11,781	0
Stor Cempaka	43	7,119	1,135
Stor Bakawali	0	98	0
Stor Seroja	55	9,478	79
Psikiatri	779	29	0
HDU	103	0	0
DCC	183	0	0
CAPD	0	0	0

TEMPOH	PERMOHONAN	PEMINJAMAN	PERATUS %
Jan - Mac	25,605	25,097	98.02
Apr - Jun	23,637	22,926	96.99
Jan - Jun	49,242	48,023	97.52
Jul - Sept	24,774	24,284	98.02
Okt - Dis	24,691	24,230	98.13
Jul - Dis	49,465	48,514	98.08
JUMLAH	98,707	96,537	97.80

Laporan Permohonan dan Peminjaman Rekod Perubatan Pesakit 2017 (STP- Sistem Temujanji Pesakit 7 HARI, STP-3 HARI, Walk In, Wad & Individu)

2. Pengurusan Laporan Perubatan

Laporan Perubatan merupakan satu bentuk maklumat bertulis mengenai sejarah, tahap kesihatan dan keadaan pesakit yang telah mendapatkan rawatan di Hospital dan ditulis berdasarkan maklumat yang terdapat di dalam Rekod Perubatan Pesakit.

Permohonan Laporan Perubatan yang lengkap akan disiapkan dalam tempoh 28 HARI BEKERJA tidak termasuk Cuti Umum & Cuti Am kecuali Laporan Perubatan Terperinci dan Laporan Bedah Siasat (Rujuk Jadual 3)

Antara jenis Laporan Perubatan adalah :

- Laporan Perubatan Biasa
- Laporan Perubatan Pakar/Terperinci
- Laporan Bedah Siasat/Kes Polis
- Borang Insurans/KWSP/Perkeso
- Borang Buruh 90 (Perakuan Perubatan Ordinan Pampasan Pekerja, 1952)

6.0 PENCAPAIAN

1. Pengurusan Rekod Perubatan Pesakit (RPP)

- Penerimaan RPP daripada 14 wad, Klinik Pakar termasuk Jabatan kecemasan
- Penyimpanan RPP yang diterima mengikut GarisPanduan Pengurusan Rekod Perubatan Pesakit, KKM
- Mengawal selia rekod-rekod dengan cermat dan RAHSIA
- Melaksanakan projek pelupusan apabila cukup tempoh mengikut Jadual Pelupusan.
- Memproses permohonan peminjaman RPP bagi tujuan temujanji pesakit di Klinik Pakar, pesakit masuk wad, sapina mahkamah, penyelidikan/kajian, kes mortality jabatan atau hospital kerajaan/klinik kesihatan dan siasatan hospital. (rujuk jadual dibawah)

TEMPOH	PERMOHONAN	PENYEDIAAN	PERATUS %
Jan - Mac	269	268	99.63
Apr - Jun	249	244	97.99
Jan - Jun	518	512	98.84
Jul - Sept	318	305	95.91
Okt - Dis	252	248	98.41
Jul - Dis	570	553	97.02
JUMLAH	1,088	1,065	97.89

Bilangan Permohonan & Penyediaan Laporan Perubatan 2017 Dalam Tempoh 28 Hari Bekerja (Laporan Perubatan Biasa, Pakar, Kes Polis)

3. Pengurusan Permohonan Pengesahan Kelahiran Lewat

Pengesahan daftar kelahiran lewat dimohon oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan orang perseorangan. Setiap permohonan pengesahan yang lengkap akan diproses dalam tempoh 28 HARI BEKERJA tidak termasuk Cuti Umum & Cuti Am

TEMPOH	JENIS PERMOHONAN		JUMLAH
	JABATAN	INDIVIDU	
Jan– Mac	25	36	61
Apr – Jun	9	32	41
Jan- Jun	34	68	102
Jul – Sept	0	39	39
Okt – Dis	7	31	38
Jul - Dis	7	70	77
JUMLAH	41	138	179

Bilangan Permohonan Pengesahan Kelahiran Lewat 2017

4. Pengurusan Lembaga Perubatan, Persidangan KWSP dan PERKESO

Untuk sepanjang tahun 2017, pihak Jabatan Rekod Perubatan telah menguruskan sebanyak 36 persidangan Jemaah doktor seperti berikut:

TEMPOH	KWSP	PERKESO	Lembaga Perubatan	JUMLAH
Jan– Mac	3	4	1	8
Apr – Jun	3	8	0	11
Jan- Jun	6	12	1	19
Jul – Sept	2	7	1	10
Okt – Dis	3	4	0	7
Jul – Dis	5	11	2	17
JUMLAH	11	23	3	36

Bilangan Pengurusan Persidangan Jemaah Doktor 2017 (Lembaga Perubatan, KWSP & PERKESO)

5. Pengurusan Laporan Statistik Hospital

Jabatan ini telah berjaya menyediakan data statistik hospital yang diperlukan untuk kegunaan pengurusan pihak atasan hospital dan jabatan/unit tertentu terutamanya dalam penyediaan laporan, kajian dan justifikasi permohonan.

PERKARA	JUMLAH	KEDATANGAN BARU	KEDATANGAN ULANGAN	PURATA HARIAN
Jabatan Kecemasan & Trauma	77,024	73,409	3615	211
Klinik Pakar	97,386	15,070	82,316	681
JUMLAH	174,410	88,479	85,931	3083

Bilangan Kedatangan Pesakit ke Jabatan Kecemasan & Trauma dan Klinik Pakar 2017

PERKARA	JUMLAH	WARGANEGARA	BUKAN WARGANEGARA	% BUKAN WARGANEGARA
Pesakit Luar	174,410	166,603	7,807	4.48
Pesakit Dalam	29,918	26,184	3,734	12.48
Kelahiran	5,900	4,875	1,025	17.37

Kedatangan Pesakit Ke Hospital Mengikut Kewarganegaraan 2017

PERKARA	BILANGAN / PERATUS
Jumlah Katil Rasmi	400
Jumlah Katil Beroperasi	389
Jumlah Kemasukan	35,970
Jumlah Discaj	29,918
Jumlah Kematian	710
Jumlah Pembedahan (Pilihan & Kecemasan)	13,234
Kadar Penggunaan Katil (BOR)	64.50
Purata Jangka Masa Tinggal (ALOS)	3.06

Beban kerja Perkhidmatan Pesakit Dalam 2017

Jadual 10 Sebab Utama Kemasukan 2017

BIL	SEBAB KEMASUKAN	JUMLAH	%
1	Pregnancy, Childbirth And The Puerperium	7,299	24.56
2	Diseases Of The Respiratory System	4,072	13.70
3	Certain Infectious And Parasitic Diseases	2,469	8.31
4	Injury, Poisoning And Certain Other Consequences Of External Causes	2,029	6.83
5	Certain Conditions Originating In The Perinatal Period	1,982	6.67
6	Diseases Of The Circulatory System	1,789	6.02
7	Neoplasms	1,531	5.15
8	Diseases Of The Digestive System	1,514	5.09
9	Diseases Of The Genitourinary System	1,153	3.88
10	Symptoms, Signs And Abnormal Clinical And Laboratory Findings, Not Elsewhere Classified	1,079	3.63

Punca Data: MYHDW-SMRP2.0 PERPD 206

Jadual 10 Sebab Kematian 2017

BIL	SEBAB KEMATIAN	JUMLAH	%
1	Certain Infectious And Parasitic Diseases	173	24.71
2	Diseases Of The Circulatory System	141	20.14
3	Diseases Of The Respiratory System	141	20.14
4	Neoplasms	81	11.57
5	Certain Conditions Originating In The Perinatal Period	44	6.29
6	Diseases Of The Genitourinary System	40	5.71
7	Diseases Of The Digestive System	19	2.71
8	Diseases Of The Nervous System	18	2.57
9	Endocrine, Nutritional And Metabolic Diseases	15	2.14
10	Congenital Malformation, Deformations And Chromosomal Abnormalities	7	1.00

Punca Data: MYHDW-SMRP2.0 PERPD 206

6. Pemantauan KPI/NIA

Sepanjang tahun 2017, Jabatan Rekod Perubatan & Dokumentasi telah berjaya mencapai standard KPI/NIA yang telah ditetapkan bagi 4 indikator yang dipantau. Walaupun begitu, pihak jabatan tetap mengambil langkah yang terbaik dalam usaha untuk mengekalkan pencapaian tersebut.

Bil	Indikator	Tempoh	Numerator	Denominat or	Pencapaian %
1	Percentage of medical reports prepared within the stipulated period (Standard \geq 90%)	Jan-Jun	512	518	98.84
		Jul-Dis	553	570	97.02
		Jan-Dis	1065	1088	97.89
2	Percentage of medical records that were dispatched within 72 working hours of discharge (Standard \geq 95%)	Jan-Jun	14,458	14,458	100
		Jul-Dis	15,460	15,460	100
		Jan-Dis	29,918	29,918	100
3	Percentage of completed requests for medical reports that were sent to the doctors within the stipulated period (Standard \geq 90%)	Jan-Jun	512	518	98.84
		Jul-Dis	553	570	97.02
		Jan-Dis	1065	1088	97.89
4	Percentage of medical records for specialist clinic appointment that were traced within 3 working days (Standard \geq 95%)	Jan-Jun	33,747	34,562	97.64
		Jul-Dis	34,119	34,730	98.24
		Jan-Dis	67,866	69,292	97.94

Jadual Pencapaian KPI/NIA 2017

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

Penambahbaikan dalam semua program/aktiviti jabatan masih diteruskan walaupun menghadapi kekangan kekurangan ruang simpanan RPP. Usaha memohon bangunan baru beserta kabin telah dilakukan untuk menangani masalah penyimpanan RPP yang semakin bertambah setiap tahun.

8.0 PENUTUPAN

Secara keseluruhan, Jabatan Rekod Perubatan dan Dokumentasi telah menunjukkan peningkatan dalam kualiti perkhidmatan dengan begitu memberangsangkan sepanjang tahun 2017. Dedikasi dan komitmen semua anggota JRPD dalam menjalankan tugas telah membolehkan jabatan mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

UNIT PERPUSTAKAAN

1.0 PENGENALAN

Perpustakaan Hospital Duchess of Kent mula beroperasi pada 14 September 2001 dan terletak di Aras 1 bangunan Klinik Pakar. Perpustakaan di buka setiap hari bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

2.0 PERJAWATAN

Perpustakaan hospital diselenggara oleh seorang Pembantu Perpustakaan S22.

3.0 SKOP PERKHIDMATAN

1. Pinjaman dan rujukkan buku perubatan dan umum.
2. Penggunaan Internet.
3. Surat Khabar [New Sabah Times, Daily Express dan The Borneo Post]
4. Perkhidmatan Pakej Maklumat.
5. Perkhidmatan Brosur
6. Perkhidmatan rujukan terbitan bersiri.


Koleksi Bahan Baca

1. Monograf [Buku]
2. Terbitan Bersiri
3. Poster Kesihatan
4. Foto aktiviti lama hospital
5. CD [Buku perubatan]
6. Pakej Maklumat [37 Tajuk]
7. Brosur Kesihatan
8. Surat Khabar


4.0 PENCAPAIAN

Berikut disertakan statistik peminjaman bahan, jumlah pengunjung dan penggunaan internet sepanjang tahun 2017 dan 2018 di Perpustakaan HDOK.


Statistik Peminjaman Buku Dan Majalah Tahun 2017



Statistik Pengunjung Perpustakaan Sepanjang Tahun 2017



Statistik Penggunaan Internet Sepanjang Tahun 2017



UNIT PENGANGKUTAN HDOK

1.0 PENGENALAN

Unit Pengangkutan HDOK Sandakan adalah satu Unit di bawah seliaan Unit Penolong Pegawai Perubatan dan Unit Pengurusan Hospital Duchess Of Kent Sandakan. Pada masa ini semua pengurusan kenderaan dan pengangkutan masih di bawah satu Unit walaupun Perkhidmatan Ambulans di bawah Unit Pra Hospital Jabatan Kecemasan & Trauma HDOK Sandakan.

Memandangkan Pemandu kenderaan masih kekurangan di Unit Pengangkutan, Buat masa ini Pemandu akan digunakannya antara Unit Pengurusan dan Unit Pra Hospital serta lain-lain Unit termasuk Unit Tabung Darah HDOK.

2.0 OBJEKTIF

Objektif

1. Menyediakan Perkhidmatan Pra Hospital dan Ambulans bila-bila masa jika diperlukan.
2. Menyediakan Kenderaan Jabatan dengan seberapa segera jika di perlukan untuk urusan rasmi Jabatan.
3. Memberi Perkhidmatan berkualiti kepada semua penumpang kenderaan Jabatan.

Visi

Unit Pengangkutan HDOK akan memberikan perkhidmatan kenderaan yang cekap dan mesra kepada semua pengguna kenderaan rasmi Jabatan.

Misi

Berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik dan cekap dan kenderaan yang digunakan sentiasa dalam keadaan siap sedia dan selamat untuk digunakan.

3.0 PERJAWATAN

Jawatan	Gred	Jumlah
Penolong Pegawai Perubatan	U32	1
Pemandu Kenderaan	H14	1
Pemandu Kenderaan	H11	13

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

1. Perkhidmatan Ambulans untuk kes-kes kecemasan(Pra- Hospital)
2. Perkhidmatan Perlindungan Perubatan (EMS)
3. Perkhidmatan Rujukan ke Lain-lain Hospital(Rujukan Interfaciliti)
4. Perkhidmatan Bencana(Disaster)
5. Perkhidmatan lawatan Pakar ke lain-lain hospital
6. Perkhidmatan Lawatan Klinik CHMT
7. Perkhidmatan Lawatan Klinik CAPD
8. Perkhidmatan Tabung Darah HDOK
9. Perkhidmatan Pengurusan Pejabat

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

1. Pemandu terlibat dalam Latihan Disaster anjuran Hospital Unit PHCAS dan Badan-badan Kerajaan.
2. Latihan Basic Life Support untuk semua Pemandu Ambulans
3. Latihan Pemanduan Berhemah anjuran JKNS untuk Pemandu HDOK
4. Latihan Pra Hospital Care untuk Pemandu Ambulans
5. Latihan penggunaan Girn di kalangan pemandu
6. Aktiviti EKSA untuk Unit Pemandu

6.0 PENCAPAIAN

1. Jumlah Panggilan Kecemasan Untuk Permohonan Ambulance

JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	AUG	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
139	117	163	130	161	156	173	173	180	172	168	146	1878

2. Pergerakan Ambulans kurang dari 5 minit (KPI Unit Pra-Hospital)

JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	AUG	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
0	1	0	5	0	0	7	4	10	8	3	4	42

3. Kes Rujukan Interfaciliti ke lain-lain Hospital Tahun 2017

JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	AUG	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
131	113	144	140	120	101	145	113	109	117	97	119	1449

4. Persediaan Pasukan Stanby Kecemasan

JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	AUG	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
3	2	4	5	4	0	6	7	8	5	3	9	56

Jumlah Ambulans Yang Sedia Ada Setakat Jun Tahun 2018

Bil	Penempatan	Status Ambulans	No. Pendaftaran	Model	Tarikh Serahan	Catitan
1	Unit Pra Hospital HDOK	Baik	BKP 7390	Toyota Hiace	17/12/2009	Digunakan Untuk Rujukan Interfaciliti dan PHC.
2	Unit Pra Hospital HDOK	Baik	BLY 1796	Toyota Hiace	19/02/2013	Digunakan Untuk Rujukan Interfaciliti dan PHC
3	Unit Pra Hospital HDOK	Baik	BNU 2560	Toyota Hiace Panel SLWB	24/06/2016	Digunakan Untuk Rujukan Interfaciliti dan PHC
4	Unit Pra Hospital HDOK	Baik	SAC 1934 C	Ford Transit Panel Van	08/11/2016	Digunakan Untuk Rujukan Interfaciliti dan PHC

Jumlah Kenderaan Rasmi Jabatan Dalam Tahun 2017

Bil	Penempatan	Status Kenderaan	No. Pendaftaran	Model	Tarikh Serahan	Catitan
1	Stor Intergrasi HDOK	Baik	SAA 2134 F	Nissan UD 4 Ton Lori	06/07/2004	Digunakan untuk Pengangkutan bekalan Ubat
2	Tabung Darah HDOK	Kerap Rosak	WMC 5150	Van Kia Pregio 2.7	29/09/2004	Di gunakan untuk Lawatan Tabung Darah/Pengurusan
3	Unit Pengangkutan HDOK	Baik	SAA 9468 K	Toyota Hiace Van	27/01/2006	Di gunakan untuk Lawatan Tabung Darah/Pengurusan
4	Unit Pengangkutan HDOK	Baik	SAA 8113 K	Toyota Land Cruiser	27/01/2006	Digunakan untuk anggota KKM
5	Unit Pengangkutan HDOK	Baik	SAA 349 T	Toyota Fortuner 2.5 L (D)	18/02/2008	Digunakan untuk kenderaan MRV dan rujukan IFT
6	Unit Pengangkutan HDOK	Baik	SAB 2837 H	Toyota Innova 2.0	11/02/2012	Digunakan untuk Unit Pengurusan HDOK
7	Unit Pengangkutan HDOK	Baik	SB 1343 C	Toyota Fortuner 2.5	13/10/2014	Digunakan untuk Unit Pengurusan HDOK
8	Unit Pengangkutan HDOK	Baik	SAB4519Y	Toyota Innova 2.0	01/10/2015	Digunakan untuk Unit Pengurusan HDOK
9	Unit Pengangkutan HDOK	Baik	SAC 532 A	Toyota Fortuner 2.5A/T(D)	20/11/2015	Digunakan untuk Unit Pengurusan HDOK
10	Unit Tabung Darah HDOK	Baik	SAC 6635C	Toyota Window Van	15/12/2016	Digunakan untuk Unit Tabung Darah

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

1. Latihan Pra-Hospital untuk Pemandu sedikit sebanyak telah membantu pemandu lebih berkeyakinan membantu dalam apajua kes-kes kecemasan yang ditangani bersama paramedik di dalam Ambulans.
2. Latihan Pemanduan Berhemah anjuran JKNS telah mengubah sikap pemandu lebih berhemah di jalanraya dan mengikut peraturan semasa Memandu Ambulans dan kenderaan Jabatan.

8.0 PENUTUPAN

Secara umumnya pencapaian jabatan pada tahun 2017 adalah baik dan pencapaian ini telah didapati ditunjukkan dengan proses penyampaian perkhidmatan dan aktiviti yang telah dijalankan oleh jabatan ini.

UNIT PENGURUSAN ASET DAN STOR

1.0 PENGENALAN

Nama asal Unit Pengurusan Aset Dan Stor adalah Stor Pengurusan dan telah dipindah namanya pada 12 Mei 2008. Stor Pengurusan ini pada awalnya terletak di Pejabat Pengurusan memandangkan ruangan stor tersebut tidak mencukupi maka unit tersebut telah dipindahkan ke bangunan baru iaitu di Basement bawah Wad 3-6 tingkat.

Unit Pengurusan Aset & Stor diketuai oleh seorang Ketua Pembantu Tadbir (P/O) N26, Pembantu Tadbir (P/O) N19 tiga (3) orang dan Pembantu Rendah Awam satu (1) orang H11.

2.0 OBJEKTIF

Mempastikan aset alih Kerajaan dijaga dan diselia dengan baik mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan memastikan bekalan peralatan alat tulis pejabat dan borang-borang mencukupi untuk keperluan semua unit/wad di hospital.

3.0 PERJAWATAN

Jawatan	Bil
Pegawai Tadbir dan Diplomatik M41	1
Pembantu Tadbir N26	1
Pembantu Tadbir N19	3
Pekerja Awam H11	1

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam UPAS

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Unit ini terlibat dalam menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan berikut:

- i. Pengurusan pemesanan
- ii. Pengrekodan
- iii. Pembekalan dan pengeluaran alat-alat tulis serta borang-borang perubatan kepada jabatan / unit / wad.
- iv. Merekod aset alih kerajaan di jabatan / unit / wad.

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

1. Bengkel Pengurusan Aset Alih Kerajaan Bil.1 / 2017 pada 04.07.2019 – 05.07.2019.





6.0 PENCAPAIAN

Senarai Peralatan Perubatan Dan Bukan Perubatan Yang Diterima Oleh Hdok Pada Tahun 2017

1. Harta Modal
6 Item bernilai RM135,915.00
2. Aset Bernilai Rendah
61 item = RM22,974.00

8.0 PENUTUPAN

Secara umumnya pencapaian UPAS pada tahun 2017 adalah baik dan pencapaian ini telah didapati ditunjukkan dengan proses penyampaian perkhidmatan dan aktiviti yang telah dijalankan oleh jabatan ini.